

**ANALISIS PENGGUNAAN IMBUHAN KATA KERJA
DALAM PENULISAN MURID PEKAK**

NOR HIDAYAH BINTI MD KHANAPIAH

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**ANALISIS PENGGUNAAN IMBUHAN KATA KERJA
DALAM PENULISAN MURID PEKAK**

NOR HIDAYAH BINTI MD KHANAPIAH

**DISERTASI INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **NOR HIDAYAH BT MD KHANAPIAH**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC 120045**

Nama Ijazah: **SARJANA PENGAJIAN LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

ANALISIS PENGGUNAAN IMBUHAN KATA KERJA DALAM PENULISAN MURID PEKAK

Bidang Penyelidikan: **KELEMAHAN KOMUNIKASI MANUSIA**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- 1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- 2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- 3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- 4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- 5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- 6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagainya yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: **16 MEI 2016**

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saksi

Nama: **PUAN AINUN ROZANA BT MOHD ZAID**

Jawatan : **PENSYARAH KANAN**

Tarikh: **16 MEI 2016**

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan mengkaji penguasaan imbuhan kata kerja bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid pekak. Data dianalisis mengikut gabungan teori Analisis Kesilapan dan teori Monitor. Subjek kajian dipilih secara sampel bertujuan (*purposive sampling*), iaitu melibatkan 26 orang murid pekak Tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan kemudiannya dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan darjah kepekakan antara 70dB hingga 90dB (70dB – 90dB) dan 90dB dan ke atas (90dB dan ke atas).

Kedua kumpulan murid pekak diberi ujian kata kerja dalam bahasa Malaysia sebanyak dua kali, iaitu ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca). Sebelum diuji untuk kali kedua (ujian uji semula selepas proses P&P), semua murid pekak diajar sebanyak dua kali dan barulah mereka diuji. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, kaedah temu bual subjek kajian dan guru bahasa Malaysia, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Data yang diperoleh melalui rekod pencapaian murid pekak dianalisis dan dirumuskan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan kata kerja bahasa Malaysia murid pekak Tahun 6 yang dipilih ini berada pada tahap yang memuaskan bagi imbuhan kata kerja awalan tetapi kurang memuaskan bagi imbuhan kata kerja apitan. Hal ini didapati berpunca daripada murid pekak tidak menguasai dan memahami rumus-rumus penulisan imbuhan awalan dan apitan dengan baik, tidak begitu mengenali kata akar sesuatu kata kerja sebelum menerima imbuhan kata kerja serta tidak memahami perkataan abstrak. Tambahan lagi, berlaku penurunan peratus kesilapan yang ketara bagi murid pekak (70dB – 90dB) dan penurunan peratus

kesilapan yang tidak begitu ketara bagi murid pekak (90dB dan ke atas) terhadap penguasaan imbuhan kata kerja bahasa Malaysia di dalam keputusan ujian kedua (ujian pasca).

Pengkaji turut menganalisis perkaitan antara darjah kepekakan dan faktor-faktor ekstralinguistik yang berkaitan dengan tahap penguasaan murid pekak. Pengkaji mendapati bahawa perbezaan darjah kepekakan dan faktor-faktor ekstralinguistik turut mempengaruhi penguasaan murid pekak terhadap imbuhan kata kerja bahasa Malaysia. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan murid pekak adalah motivasi yang rendah terhadap pembelajaran bahasa Malaysia, kurangnya peruntukan masa untuk mengulang kaji, kurangnya membuat latih tubi sendiri dan kurangnya penggunaan bahasa Malaysia dalam seminggu yang sehingga majoriti murid pekak hanya mendapat markah yang kurang memuaskan. Kajian ini juga turut mengemukakan cadangan dan saranan kepada pihak tertentu agar masalah penguasaan pemahaman bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak dapat diatasi dan bagi menambah baik proses pembelajaran imbuhan bahasa Malaysia murid pekak.

Abstract

This study was conducted to assess the mastery of verb morphology as a second language among deaf students. Data were analyzed by a combination of theory of Error Analysis and theory of Monitor. The subjects were selected by the intended sample (purposive sampling), involving 26 deaf students in Year 6 of Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas and then the students were divided into two groups based on the degree of deafness between 70dB to 90dB and 90dB and above.

Both groups of deaf students were given the test twice, the first test (pre-test) and the second test (post-test). Before being tested for the second time (retest after process teaching and learning), all deaf students are taught twice times or 6 hours and then they are tested. The researcher used the method of observation, interviews with research subjects and teachers of Malay language, survey methods. Data obtained through the records of deaf students' tests achievement are analyzed.

The results show that the level of Malaysian-language-verb proficiency of deaf students in Year 6 are at a satisfactory level for verb prefixes but less satisfactory for verb circumfixes. This was found to result from not mastering and understanding the formulas of writing the prefixes and circumfixes well, not knowing the root form of a verb before adding verb affixes and not understanding abstract words. Furthermore, there was a significant decrease in the percentage of errors for deaf students (70dB - 90dB) and a less significant decrease in the percentage of errors for deaf students (90dB and above) on the mastery of Malay-language-verb affixes after the second test (post-test) was conducted.

The researcher also analyzed the relationship between degree of deafness and extra linguistic factors to the level of verb mastery of morphology deaf students. The researcher found that the differences in the degrees of deafness and the factors of extra linguistic also influenced their mastery of Malay language-verb affixes. Among the factors that affect the mastery of deaf students are low motivation and negative attitude toward the Malay language, lack of time for revision, lack of drills and exercises and the infrequent use of Malay language, so a majority of these deaf students only obtain a poor grades. In the study also recommends that the parties concerned the problem of language proficiency of understanding Malaysian language among deaf students can be addressed and to improve the ways of learning the Malay-language affixes of deaf students.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian itu hanya untuk-Nya yang telah mencipta dan memelihara seluruh alam semesta. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad (s.a.w), kerabat dan sahabat-sahabat baginda.

Alhamdulillah, pengkaji merakamkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t atas taufik dan hidayahNya, maka disertasi ini berjaya disempurnakan hingga ke akhirnya.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan ditujukan kepada Encik Abdul Rahim Bin Mat Yassim selaku bekas penyelia dan Puan Ainun Rozana Binti Mohd Zaid, yang telah sudi menyelia dengan ikhlas, tekun dan sabar sehingga kajian ini siap ditulis. Sesungguhnya pengkaji amat menyanjung tinggi segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Semoga mereka dan keluarga terus dilimpahi rahmat Allah s.w.t.

Jutaan terima kasih juga buat pensyarah-pensyarah yang telah banyak membantu dan mencerahkan ilmu yang tidak ternilai sepanjang tempoh mengikuti program Sarjana Pengajian Linguistik seperti Prof. Madya Dr. Faridah Noor Mohd Noor, Dr. Mohammad Seman, Dr. Leela Koran, Dr. Rafidah dan juga Puan Liza Amin.

Penghargaan dan ucapan terima kasih tidak dilupakan kepada pihak KPM, JPNS dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas yang telah memberi kebenaran dan kerjasama kepada pengkaji untuk merealisasikan kajian ini. Begitu juga dengan Puan Mahizan, Encik Fikri, Puan Akmal dan murid pekak Tahun 6

2015 yang telah memberikan maklumat dan kerjasama dalam membantu pengkaji menyiapkan disertasi ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat teman-teman seperjuangan yang sentiasa memberikan panduan dan nasihat yang sangat berharga. Semoga ukhuwah yang dijalankan kekal selamanya.

Akhir sekali, sekalung penghargaan tulus ikhlas untuk kedua-dua ibu bapa dan adik-beradik tercinta. Sokongan dan kesabaran kalian telah membekalkan pengkaji semangat untuk terus menyiapkan disertasi ini walaupun pada ketika tertentu pengkaji merasa tertekan. Untuk semua, pengkaji mendoakan semoga Allah S.W.T membala jasa baik kalian. Ameen....

Semoga natijah daripada buku ini membentuk sesiapa sahaja yang membacanya menjadi insan yang berilmu.

JazakumulLah Khayr al-Jaza'.....

Nor Hidayah Bt Md Khanapiyah

14 Mac 2016

KANDUNGAN

Halaman

Perakuan Keaslian Penulisan.....	.ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vii
Kandungan.....	ix
Senarai Kependekan.....	xiv
Senarai Jadual.....	xiv
Senarai Rajah.....	xvii
Senarai Carta.....	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1– 11
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	3
1.3 Objektif Kajian.....	5
1.4 Persoalan Kajian.....	6
1.5 Kepentingan Kajian.....	7
1.6 Batasan Kajian.....	8
1.7 Definisi Konsep.....	9
1.7.1 Penguasaan.....	9
1.7.2 Imbuhan.....	9
1.7.2.1 Imbuhan Kata Kerja.....	10
1.7.3 Kata Kerja.....	10

1.7.4	Murid Pekak.....	11
1.8	Penutup.....	11
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LITERATUR.....		12-46
2.0	Pengenalan.....	12
2.1	Sejarah Perkembangan Pendidikan Khas.....	12
2.1.1	Pendidikan Khas.....	12
2.1.2	Falsafah Pendidikan Khas.....	14
2.1.3	Matlamat Pendidikan Khas.....	14
2.1.4	Sejarah Pendidikan Khas Bagi Murid Pekak di Malaysia.....	15
2.2	Pendekatan Pengajaran Bahasa Malaysia Kepada Murid Pekak.....	17
2.2.1	Bentuk Isyarat.....	17
2.2.1.1	BIM.....	18
2.2.1.2	BMKT.....	20
2.2.2	Penguasaan BM Dalam Kalangan Murid Pekak.....	21
2.3	Teori Pembelajaran Bahasa Kedua.....	23
2.3.1	Teori Analisis Kesilapan.....	25
2.3.2	Teori Monitor.....	27
2.4	Masalah Penguasaan Bahasa di Kalangan Murid Pekak.....	31
2.4.1	Masalah Penguasaan Bahasa Dalam Kalangan Murid Pekak Di Dalam dan Di Luar Negara.....	32
2.4.2	Masalah Penguasaan Bahasa Dalam Kalangan Murid Biasa Di Dalam dan Di Luar Negara.....	42
2.5	Penutup.....	46

BAB 3 METODOLOGI.....48-61

3.0 Pengenalan.....	48
3.1 Reka Bentuk Kajian.....	48
3.1.1 Kerangka Teori.....	49
3.2 Sampel Kajian.....	50
3.2.1 Lokasi Kajian.....	51
3.3 Pengumpulan Data.....	51
3.3.1 Instrumen Kajian.....	52
3.3.1.1 Ujian.....	52
3.3.1.2 Borang Soal Selidik.....	54
3.3.1.3 Borang Pemerhatian.....	55
3.3.1.4 Temubual Murid Pekak dan Guru.....	56
3.3.2 Prosedur Kajian.....	57
3.4 Kaedah Pengiraan.....	58
3.5 Penganalisisan Data.....	59
3.6 Penutup.....	61

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....62-81

4.0 Pengenalan.....	62
4.1 Kesilapan Penggunaan Imbuhan.....	63
4.1.1 Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan.....	63
4.1.1.1 Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Awalan Murid Pekak (70dB -90dB).....	64
4.1.1.2 Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Awalan Murid Pekak (90dB dan Ke atas).....	67

4.1.1.3	Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Apitan Oleh Murid Pekak (70dB-90dB).....	70
4.1.1.4	Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Apitan Oleh Murid Pekak (90dB dan Ke Atas)...	74
4.2	Perbandingan Peratus Kesilapan Penggunaan Bagi Setiap Jenis Imbuhan Kata Kerja Awalan dan Apitan Bagi Ujian Pertama (Ujian Pra) dan Ujian Kedua (Ujian Pasca).....	77
4.3	Penutup.....	79

BAB 5 Faktor-Faktor Ekstralinguistik.....82-113

5.0	Pengenalan.....	82
5.1	Bahagian B: Analisis Data Soal Selidik.....	83
5.1.1	Faktor Jantina.....	84
5.1.2	Faktor Galakan Keluarga.....	86
5.1.3	Faktor Masa.....	88
5.1.3.1	Peruntukan masa untuk mengulangkaji BM.....	89
5.1.3.2	Membuat Latih Tubi Sendiri.....	91
5.1.3.3	Purata Penggunaan Bahasa Malaysia Dalam Seminggu.....	93
5.1.4	Faktor Tumpuan.....	95
5.1.5	Faktor Minat Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Malaysia.....	97
5.1.6	Faktor Minat Membaca Bahan Bacaan Bahasa Malaysia.....	100
5.1.7	Kemahiran Membezakan Imbuhan Kata Kerja.....	102
5.1.8	Pendapat Tentang Bahasa Malaysia.....	104
5.2	Bahagian C: Persepsi Murid Pekak Terhadap Pengajaran Guru BM.....	107

BAB 6 RUMUSAN DAN SARANAN.....	114-128
6.0 Pengenalan.....	114
6.1 Ringkasan Kajian.....	114
6.2 Rumusan Dan Perbincangan Dapatan Kajian.....	116
6.3 Saranan.....	123
6.4 Penutup.....	127
RUJUKAN.....	128
LAMPIRAN.....	134

SENARAI KEPENDEKAN

Bil	Kependekan	Perkataan
1	BM	Bahasa Malaysia
2	BI	Bahasa Inggeris
3	KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
4	JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
5	SKPKS	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor
6	P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran
7	UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

SENARAI JADUAL

No Jadual	Tajuk Jadual	Halaman
2.1	Aspek Linguistik yang Menjadi Kesukaran Kepada Murid Pekak	22
3.1	Pengkategorian Nilai Peratusan	51
3.2	Jenis Imbuhan Awalan Kata Kerja dan Apitan Kata Kerja	53
3.3	Jadual Metodologi Berdasarkan Persoalan Kajian	59
4.1	Jenis Imbuhan Awalan Kata Kerja dan Apitan Kata Kerja	62

4.2	Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan Kata Kerja oleh Murid Pekak (70dB -90dB) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.	64
4.3	Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan Kata Kerja oleh Murid Pekak (90dB dan ke atas) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.	67
4.4	Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Apitan Kata Kerja oleh Murid Pekak (70dB-90dB) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.	71
4.5	Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Apitan Kata Kerja oleh Murid Pekak (90dB dan ke atas) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.	75
4.6	Purata Tidak Dapat Menguasai (TDM)	77
5.1	Senarai Faktor Ekstralinguistik	83
5.2	Keputusan Ujian Pertama (Ujian Pra) dan Ujian Kedua (Ujian Pasca)	84
5.13	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Berpuas Hati Dengan Kaedah Pengajaran Guru	107

5.14	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Memahami Isi Pelajaran Yang Diajar oleh Guru	108
5.15	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Ada Menggunakan BBM Di Dalam Kelas	109
5.16	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai BBM Yang Digunakan oleh Guru BM Sangat Menarik	109
5.17	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru BM Ada Mengguna Permainan Bahasa	110
5.18	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Selalu Membimbing Subjek Kajian Menjawab Soalan Yang Tidak Difahami	111
5.19	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Selalu Memberi Motivasi Kepada Subjek Kajian Untuk Belajar BM	111
5.20	Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Selalu Berlaku Adil Terhadap Semua Murid	112

SENARAI RAJAH

No Rajah	Tajuk Rajah	Halaman
2.1	Cara Filter Afektif Beroperasi	30

SENARAI CARTA

NO CARTA	TAJUK CARTA	HALAMAN
5.2	Peratus Galakan Keluarga	86
5.3	Peratus Masa Mengulangkaji	89
5.4	Peratus Melakukan Latih Tubi Sendiri	91
5.5	Peratus Purata Penggunaan Bahasa Malaysia	93
5.6	Peratus Tumpuan	96
5.7	Peratus Minat	98
5.8	Peratus Minat Membaca Bahan Bacaan BM	100
5.9	Peratus Bezakan Imbuhan Kata Kerja	103
5.10	Peratus Pendapat Tentang BM	104

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Murid pekak atau bermasalah pendengaran memerlukan bahasa untuk menyampaikan mesej sama ada secara lisan atau bukan lisan. Keperluan bahasa oleh murid-murid pekak adalah sama pentingnya dengan keperluan bahasa murid-murid lain. Namun begitu, bagi pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua oleh murid pekak, bukannya suatu tugas yang mudah sama ada pembelajaran tersebut berlaku dalam situasi yang formal atau secara semula jadi, iaitu dalam situasi sosial (Rubiah Hamzah, 2013). Perkara ini juga terjadi dalam kalangan murid yang tidak mengalami masalah pendengaran, apatah lagi kepada murid pekak yang belajar bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Justeru, kajian ini akan mengetengahkan penguasaan bahasa Malaysia khususnya imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja dalam kalangan murid pekak tahun 6 dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. Masalah yang mendorong kepada penguasaan imbuhan kata kerja mereka menjadi fokus kajian ini sebagai satu usaha ke arah mempertingkatkan pencapaian mereka terutama sekali bagi mata pelajaran bahasa Malaysia.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Malaysia merupakan bahasa pengantar pendidikan di Malaysia dan amat penting kepada murid. Ini kerana bahasa Malaysia juga digunakan dalam menguasai ilmu daripada pelbagai mata pelajaran lain dan bukan hanya semata-mata digunakan untuk berkomunikasi di sekolah. Misalnya, jika murid didapati tidak menguasai bahasa Malaysia dengan baik, maka prestasi pembelajaran dalam mata pelajaran lain pasti turut terjejas. Hakikatnya, penguasaan tatabahasa merupakan asas utama dalam menguasai sesuatu bahasa. Menurut Abdul Hamid Mahmood (1980), pengajaran tatabahasa dalam

subjek bahasa Malaysia adalah untuk melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik, khususnya secara bertulis. Walau bagaimanapun, terdapat banyak perkara terutamanya tatabahasa bahasa Malaysia yang seolah-olah tidak mampu dikuasai oleh murid pekak sehingga berlakunya kesalahan tatabahasa dalam penulisan kebanyakan murid pekak (Muhamad Haji Abdul Rahman, 2000).

Secara umumnya, untuk menjadi seseorang murid yang berjaya, seseorang perlu menguasai kemahiran berbahasa yang mencakupi kemahiran membaca, kemahiran lisan, kemahiran menulis dan kemahiran mengira agar berjaya dalam bidang yang ingin diceburi pada masa hadapan. Hal ini juga tidak terkecuali untuk murid-murid yang pekak atau yang mengalami masalah pendengaran. Menurut Nor Asmah (2009), antara tiga kemahiran yang meliputi kemahiran lisan, membaca dan menulis, kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh murid pekak. Ianya bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa tetapi juga untuk mata pelajaran yang lain. Ini kerana bahasa menjadi media untuk melahirkan buah fikiran. Menulis dianggap mustahak dalam apa bentuk sekalipun kerana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pelajaran. Penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid tidak terhad untuk jangka masa yang pendek sahaja, bahkan berlanjutan sepanjang usia hidup mereka. (Kamarudin & Siti Hajar, 1997).

Namun begitu, berbanding semua kemahiran, kemahiran menulis dianggap kemahiran yang paling sukar untuk diajar dan difahami oleh para murid. Pengkaji bersetuju dengan pandangan Siti Asmah (2009) yang menyatakan semua manusia yang dilahirkan di dunia ini boleh menguasai kemahiran lisan dan membaca tetapi hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang boleh menulis dan mengarang dengan baik. Hal ini berikutan kerana pemahaman terhadap fungsi-fungsi imbuhan yang lemah.

Menulis merupakan proses penghasilan simbol grafik yang disusun berdasarkan pertuturan yang membentuk perkataan dan seterusnya disusun menjadi ayat-ayat (Kamarudin, 2005). Hal ini berbeza untuk murid pekak iaitu menulis merupakan proses *visual-oriented*, iaitu penghasilan bahasa disampaikan dengan isyarat tangan dan diterima melalui penglihatan (Goh dan Teh, 1993) dan seterusnya disusun menjadi ayat-ayat yang lengkap.

Mengikut Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (1989) dan semakan semula (2004), tujuan akhir pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah adalah untuk membolehkan para murid menguasai semua kemahiran bahasa supaya para murid pekak dapat berkomunikasi secara bertulis dengan baik. Kebolehan seseorang murid menguasai semua kemahiran bahasa Malaysia boleh dinilai melalui pencapaian mereka bagi mata pelajaran bahasa Malaysia dalam peperiksaan awam yang mereka duduki iaitu UPSR, PMR, SPM dan STPM. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sekiranya murid gagal mendapat gred “C” bagi subjek bahasa Malaysia dalam peperiksaan UPSR yang mereka duduki, ini menggambarkan para murid gagal menguasai pembelajaran subjek bahasa Malaysia.

1.2 Pernyataan Masalah

Murid pekak kurang menguasai bahasa kedua, iaitu bahasa Malaysia dengan baik (Laporan LPM, 2014) kerana kesukaran mereka memperolehi bahasa (Abdullah Yusoff, 1995). Oleh itu, untuk memperoleh bahasa kedua dengan baik, mereka ditempatkan di sekolah pendidikan khas khusus untuk masalah pendengaran bagi mendapat pembelajaran bahasa dengan sempurna (Satiah Abdullah, 2009). Namun, masalah penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak masih berlaku sehingga kini khususnya yang belajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas

(masalah pendengaran). Hal ini disebabkan bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran) adalah bahasa pertama mereka sendiri iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). Manakala bahasa Malaysia pula, hanya diajar sebagai satu subjek (5 jam dalam seminggu) sedangkan mata pelajaran lain banyak menggunakan BIM. Ini tidak mencukupi bagi mereka untuk menguasai imbuhan kata kerja bahasa Malaysia.

Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menggubal Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) pada tahun 1978. Walaupun pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua telah berlaku di dalam situasi yang formal kerana bahasa pengajaran telah dirancang dan disesuaikan dengan kebolehan murid pekak sebagaimana yang telah ditetapkan dalam sukanan pelajaran yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), namun mereka masih gagal untuk menguasainya. Hal ini disebabkan bahasa Malaysia merupakan bahasa kedua bagi murid pekak (Abdullah Yusoff, 1994; Shahrul Arba'iah, 2001) dan penulisan imbuhan adalah terlalu kompleks bagi mereka. Perkara ini juga amat dikhuatiri memberi implikasi yang buruk pada masa akan datang.

Masalah penguasaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua sering berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid pekak (Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah, 2004). Mereka menambah lagi, walaupun telah diajar di sekolah, tetapi tahap penguasaan bahasa mereka berbeza. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor budaya, persekitaran dan keluarga (Rubiah Hamzah, 2013; Zuzitah Abdul Samad, 2012). Kesukaran menentukan tahap penguasaan bahasa murid pekak adalah kerana proses pembelajaran bahasa hanya berlaku secara *manual-visual* atau *visual-oriented* sahaja (Abdullah Yusoff, 1995).

Menurut Zamri (1999), dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, kerap timbul masalah murid pekak yang tidak berminat untuk belajar sesuatu bahasa. Lebih lagi jika murid tersebut terpaksa belajar bahasa Malaysia. Selain daripada terpaksa belajar bahasa Malaysia, terdapat juga murid pekak yang berpandangan negatif terhadap subjek bahasa Malaysia. Kesannya, para murid pekak akan ketinggalan dalam proses pembelajaran bahasa Malaysia (Zuzitah Abdul Samad, 2012).

Pengkaji tertarik untuk meneliti masalah penguasaan bahasa iaitu pengimbuhan yang berfokuskan kepada imbuhan awalan dan apitan kata kerja. Hal ini berikutan, menurut Nik Safiah Karim et. al (2009:45), imbuhan merupakan unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya. Sekiranya penggabungan antara imbuhan dan kata dasar adalah salah, maka ianya mempengaruhi makna sesuatu ayat. Justeru itu, bagi menghasilkan penulisan yang baik, permasalahan perlu diperbaiki bermula dari peringkat imbuhan kerana imbuhan merupakan sebahagian penting dalam morfologi khususnya bermula dari peringkat sekolah rendah.

1.3 Objektif Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji akan menganalisis penguasaan imbuhan awalan dan apitan kata kerja bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak Tahun 6. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian. Antaranya ialah:

1. Mengkaji kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia dalam penulisan.

2. Mengklasifikasikan jenis kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia.
3. Membandingkan kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia berdasarkan kepekakan yang berbeza.
4. Mengenal pasti faktor-faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Malaysia menurut persepsi murid pekak.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif yang dikemukakan, pengkaji cuba menjawab persoalan seperti berikut:

1. Apakah perbezaan kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia?
2. Bagaimanakah kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia yang telah dilakukan oleh murid pekak Tahun 6 dapat diklasifikasikan?
3. Adakah perbezaan darjah kepekakan mempengaruhi penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia?
4. Apakah faktor-faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia?

1.5 Kepentingan Kajian

Masalah penguasaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua terutama penguasaan imbuhan oleh murid pekak merupakan masalah yang berlaku sehingga kini. Sekiranya perkara ini tidak dibendung, sudah pasti masalah ini akan menjadi lebih parah. Kajian penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (masalah pendengaran) yang dijalankan oleh pengkaji penting untuk memperlihatkan dan membuktikan tahap penguasaan imbuhan kata kerja bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak sekolah rendah. Tahap penguasaan bahasa Malaysia murid pekak akan diperhatikan dari aspek imbuhan kata kerja yang memfokuskan pada bahagian-bahagian kata kerja berdasarkan sukan pelajaran murid Tahun 6 (KSSR). Melalui aspek imbuhan kata kerja bahasa Malaysia yang diberikan tumpuan oleh pengkaji mampu memperlihat keupayaan murid pekak dalam menguasai bahasa Malaysia.

Seterusnya, pengkaji mendapati kajian ini penting untuk:

a) Guru Pendidikan Khas

Hasil dapatan kajian ini dapat mendokumentasi masalah penguasaan imbuhan kata kerja murid pekak Tahun 6 di sekolah yang dikaji. Justeru, tindakan susulan boleh diambil oleh guru-guru dalam memperbaiki dan meningkatkan pencapaian murid dari aspek penggunaan kata kerja. Hal ini berikutan ketidakupayaan murid dalam menguasai asas kemahiran bahasa boleh menyebabkan masa depan murid pekak malap.

b) Pentadbir

Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak Guru Besar Sekolah Pendidikan Khas dapat merancang dan memperbaiki pengurusan di sekolah. Di samping itu juga diharap pihak

sekolah dapat menyediakan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan keperluan murid-murid pendidikan khas.

c) Jabatan Pendidikan Khas

Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak Unit Pendidikan Khas di Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak Jabatan Pendidikan Khas menyediakan dan merangka semula buku teks yang dikhkususkan untuk murid pekak.

1.6 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan terbatas kepada beberapa aspek penting iaitu tempat kajian, saiz sampel kajian dan skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji telah menjalankan kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor (SKPKS) sahaja iaitu sekolah yang dikhkususkan untuk murid pekak atau bermasalah pendengaran di negeri Selangor. Sampel kajian ini terbatas kepada murid Tahun 6 di sekolah, iaitu seramai 26 orang murid yang berumur antara 12 tahun dan 13 tahun. Murid pekak Tahun 6 bukan sahaja terdiri daripada murid Melayu tetapi juga terdapat murid Cina dan India yang mungkin menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa ketiga. Namun begitu, pengkaji tidak mengambil kira faktor status bangsa, bahasa dan umur. Dapatan kajian ini hanya menjelaskan tahap penguasaan sampel kajian ini sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan. Selain itu, kajian ini hanya terbatas kepada kajian imbuhan awalan dan apitan kata kerja bahasa Malaysia.

1.7 Definisi Konsep

Istilah-istilah yang perlu dijelaskan bagi memberi kefahaman mendalam kepada pembaca terhadap kajian disertasi ini disenaraikan:

1.7.1 Penguasaan

Penguasaan yang dikaji dalam kajian ini ialah berkenaan dengan tahap pemahaman tentang rumus dan struktur bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid pekak. Krashen (1981) menyatakan orang dewasa mempunyai dua cara untuk memupuk kecekapan berbahasa terutama dalam menguasai bahasa kedua, iaitu pemerolehan dan pembelajaran. Pemerolehan merupakan proses yang berlaku di bawah sedar, secara tidak formal sama dengan proses seorang kanak-kanak memperoleh bahasa yang diperolehi secara tidak langsung. Cara yang kedua iaitu pembelajaran yang berlaku secara sedar, suasana formal seperti di dalam kelas mempunyai sukanan pelajaran yang ditetapkan, dan melalui pembelajaran seseorang akan mendapat input baru.

Zaidi Zakaria (2011) pula mendefinisikan penguasaan mempunyai kaitan rapat dengan kebolehan individu dalam sesuatu perkara. Beliau menambah lagi, maksud penguasaan ialah pemerolehan secukupnya idea dan penggunaan kata yang sesuai bagi menulis perkataan dan mengarang susunan ayat oleh murid-murid.

1.7.2 Imbuhan

Menurut Nik Safiah Karim et. al (2009:45), imbuhan merupakan unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya. Tercakup dalam imbuhan ialah bentuk-bentuk imbuhan awalan, akhiran, sisipan, apitan, morfem kosong dan bentuk refleksi.

1.7.2.1 Imbuhan Kata Kerja

Kata kerja terbitan ialah kata kerja yang terhasil daripada proses pengimbuhan iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar dan melahirkan perkataan-perkataan terbitan (Nik Safiah Karim et. al, 2009:151).

Terdapat beberapa jenis imbuhan iaitu imbuhan kata kerja awalan seperti *beR-, meN-, teR-, di-, mempeR- dan dipeR*. Imbuhan akhiran ialah *-kan dan -i*. Imbuhan apitan pula ialah *meN-..-kan, beR-..-kan, beR-..-an, di-..-kan, meN-..-i, di-..-i, memper-..-kan, memper-..-i, ke-..-an, diper-..-kan dan diper-..-i*.

Imbuhan awalan merupakan imbuhan yang ditambah pada bahagian hadapan kata dasar; misalnya *ber-* dalam *berjalan* dan *ter-* dalam *terambil*. Manakala imbuhan apitan merupakan imbuhan yang ditambahkan serentak pada hadapan dan pada belakang kata dasar, misalnya *ke-... -an* dalam *kedudukan* dan *pe- ... -an* dalam *pedalaman* (Nik Safiah Karim et. al, 2009).

1.7.3 Kata Kerja

Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja. Di dalam bahasa ini, golongan kata kerja dapat dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif. Kata kerja tak transitif terbahagi kepada kata kerja tak transitif tak berpelengkap dan kata kerja tak transitif berpelengkap. Kata kerja transitif pula dibahagikan kepada kata kerja tak transitif yang wujud dalam ayat aktif dan kata kerja yang wujud dalam ayat pasif (Nik Safiah Karim et al, 2009:143-146).

Contohnya:

Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap –

- a) Padi sedang *menguning*
- b) Pemuda itu *tersenyum*.

Kata kerja tak transitif dengan pelengkap:

- a) Mereka tidak *berbuat* jahat
- b) Pengembara itu *berselimutkan* embun.

1.7.4 Murid Pekak

- a) Moores (1978) mendefinisikan murid-murid pekak sebagai murid-murid yang telah kehilangan deria pendengaran. Seseorang yang pendengarannya bermasalah pada sesuatu tahap yang menghalang kefahaman pertuturan melalui telinga sahaja atau tahap penggunaan alat pendengaran.

Justeru, secara keseluruhan berdasarkan definisi operasional yang diberikan, kajian yang dijalankan bertujuan melihat dan mengenal pasti tahap penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan apitan kata kerja dalam kalangan murid pekak Tahun 6 berpandukan instrumen kajian yang dibentuk oleh pengkaji (rujuk lampiran 7, 8, 9 dan 10).

1.8 Penutup

Bab ini telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mengapa kajian ini perlu dilakukan. Ianya bertujuan untuk menyingkap permasalahan dalam usaha mempertingkatkan institusi pendidikan negara khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia oleh murid pekak di Malaysia. Justeru itu, keperluan dalam menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua khususnya imbuhan kata kerja oleh kanak-kanak pekak di peringkat sekolah rendah harus diberi perhatian sewajarnya. Pengkaji berharap dengan pelaksanaan kajian ini akan merungkaikan persoalan yang wujud mengenai penguasaan imbuhan kata kerja dalam penulisan murid pekak.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji membuat tinjauan kajian-kajian lepas yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji mendapati kajian tentang penguasaan bahasa dalam pendidikan khas khususnya bagi murid pekak adalah masih tidak meluas di Malaysia. Namun, tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa sarjana tempatan yang mengkaji penguasaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua kanak-kanak, akan tetapi lebih kepada penguasaan bahasa kedua terhadap kanak-kanak biasa.

Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan tentang sejarah perkembangan pendidikan khas yang merangkumi falsafah, matlamat, program untuk murid pekak, kurikulum pendidikan dan sebagainya. Bahagian kedua pula menerangkan konsep Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT) dan penguasaan bahasa murid pekak. Bahagian ketiga pula menerangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan masalah penguasaan bahasa kedua.

2.1 Sejarah Perkembangan Pendidikan Khas

Bahagian ini menghuraikan tentang pendidikan khas, falsafah pendidikan khas, matlamat pendidikan khas dan sejarah pendidikan khas murid pekak di Malaysia.

2.1.1 Pendidikan Khas

Pendidikan khas ialah satu bidang profesion yang berkaitan dengan kaedah, teknik dan penyelidikan yang tersendiri. Kesemua ini menumpukan ke arah pengurusan dan pembelajaran yang baik bagi menilai dan mematuhi kehendak-kehendak khas. Dari segi

praktiknya pendidikan khas merupakan pendidikan secara individual dengan kaedah-kaedah pengurusan yang bersistematik dari segi susunan fizikal, alatan-alatan khas dan kaedah pengajaran khas. Kesemua intervensi-intervensi yang dibuat ini semata-mata untuk menolong kanak-kanak khas untuk mencapai kepuasan diri dari segi akademik dan vokasional untuk membolehkan mereka berdikari (Mohd Anuar, 2009).

Pendidikan Khas adalah satu pendidikan yang direka khas bagi yang memerlukan perhatian yang lebih, istimewa mahupun luar biasa. Secara khususnya, Pendidikan Khas ini boleh diistilahkan sebagai satu bentuk pengajaran yang dirancang secara tersendiri, dilaksanakan secara teratur, serta dinilai keberkesanannya secara teliti untuk melatih, mengajar kanak-kanak menjadi baik dan berguna kepada diri mereka sendiri mahupun masyarakat di samping kejayaan hidup yang memuaskan (Zalizan & Noraini, 2000; Satiah Abdullah, 2009). Chua (1982) merujuk Pendidikan Khas kepada kanak-kanak luar biasa, iaitu kanak-kanak yang lemah dari segi intelek, fizikal, sosial atau emosi, tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan sekolah biasa. Chua dan Koh (1992) memberi definisi kanak-kanak luar biasa sebagai kanak-kanak yang cacat penglihatan, pendengaran, terencaut akal, cacat fizikal dan termasuk kanak-kanak yang pintar cerdas.

Gearhart dan Weishahn (1980) pula menyatakan pendidikan khas sebagai subsistem dalam sistem pendidikan yang bertanggungjawab mengadakan peruntukan kemudahan dan keistimewaan bagi membantu kanak-kanak yang bersifat luar biasa. Kirk dan Gallagher (1989) berpendapat luar biasa merangkumi golongan yang bergeliga dan yang cacat. Mereka lebih memberi tafsiran kanak-kanak luar biasa ialah mereka yang melencong daripada bersifat normal iaitu dari segi ciri-ciri mental, kebolehan deria, ciri-ciri fizikal, kebolehan komunikasi dan kegandaan *handicap*.

2.1.2 Falsafah Pendidikan Khas

Satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optimum seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan falsafah pendidikan negara. Kementerian Pendidikan (1986:4) menggariskan falsafah pendidikan khas yang bersifat progresivisme. Falsafah itu berbunyi:

“ Falsafah pendidikan khas ialah untuk menyediakan peluang yang sama kepada kanak-kanak khas seperti yang diberi kepada kanak-kanak biasa untuk perkembangan psikososial yang seimbang. Falsafah ini diselaraskan dengan objektif untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat dan untuk memastikan bahawa sistem pendidikan itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih”

(Kementerian Pendidikan (1986:4))

2.1.3 Matlamat Pendidikan Khas

Matlamat umum pendidikan khas sememangnya harus menuruti matlamat pendidikan khas negara iaitu merangkumi aspek individu, sosial, ekonomi, kewarganegaraan, pemodenan dan kefahaman antarabangsa. Namun begitu, matlamat khusus pendidikan khas (Kementerian Pendidikan (1986:4)) ialah:

- a. Menyediakan persekitaran yang terbuka (*least restrictive environment*) yang dapat mendedahkan kanak-kanak tidak normal pada persekitaran hidup yang sebenarnya.
- b. Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak tidak normal supaya mereka sedar akan hak mereka

untuk hidup tidak berasa malu dan hak mereka mendapatkan perkhidmatan pendidikan untuk anak-anak mereka.

- c. Menyediakan perkhidmatan kaunseling dan program infrastruktur pendidikan khas untuk mengembangkan potensi kanak-kanak tidak normal pada tahap maksimum.
- d. Mengadakan kurikulum pendidikan khas yang bersesuaian dengan jenis kecacatan sesuatu golongan kanak-kanak. Kurikulum tersebut bukan hanya mengutamakan aspek akademik tetapi yang lebih utamanya aspek kestabilan psikoemosi. Penyediaan kemahiran hidup dan kemahiran vokasional yang sederhana untuk mereka yang tidak normal.
- e. Mengadakan kemudahan perubatan dan penyelidikan untuk merawat atau memulih ketidaknormalan fizikal, mental, emosi mereka yang tidak normal.
- f. Mengadakan tenaga pengajar profesional untuk mempertingkatkan mutu program pendidikan khas.
- g. Mengadakan tempoh pendidikan dan latihan yang lebih fleksibel selaras dengan darjah keseriusan seseorang itu.

2.1.4 Sejarah Pendidikan Khas Bagi Murid Pekak Di Malaysia

Pendidikan bagi murid pekak di Malaysia bermula dengan tertubuhnya sekolah kanak-kanak Pekak Persekutuan Pulau Pinang pada tahun 1954 (Saleena Yahya, 1989).

Sekolah ini bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang ramai. Pada mulanya semua perkhidmatan untuk murid pekak dikendalikan oleh pihak swasta. Namun peranan pihak swasta dan badan bukan kerajaan masih tetap diteruskan (Chua, 1976).

Pada tahun 1963, sebuah Unit Pendidikan Khas telah ditubuhkan di bahagian sekolah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan kerajaan telah mengambil alih tugas badan bukan kerajaan dengan membuka kelas-kelas percantuman di sekolah rendah

seluruh negara (Saleena Yahya, 1989). Pada tahun 1988, kelas-kelas percantuman ini telah dinaiktaraf menjadi sekolah pendidikan khas. Dengan itu, terdapat 23 buah sekolah rendah pendidikan khas, tiga buah sekolah menengah pendidikan khas dan salah sebuahnya adalah sekolah pendidikan vokasional. Pada tahun 1995, Unit Pendidikan Khas, Bahagian Sekolah telah dinaiktaraf menjadi sebuah jabatan yang dinamakan Jabatan Pendidikan Khas, KPM.

Menurut Chua (1988), sistem pendidikan mengandungi enam tahun untuk peringkat sekolah rendah dan lima tahun untuk sekolah menengah. Beliau menambah lagi, bagi murid pekak tempoh itu boleh dilanjutkan kepada dua tahun lagi dan bilangan minima murid pekak di dalam sebuah kelas ialah enam orang dan maksimum adalah 12 orang. Kurikulum yang diguna pakai adalah kurikulum sekolah biasa yang diubah suai mengikut kemampuan murid pekak dengan diberi penekanan kepada latihan pendengaran dan pertuturan. Pada tahun 1981, kaedah komunikasi seluruh dan pertuturan kiu telah diperkenalkan sebagai satu kaedah pengantar sekolah (Singh, 1981). Oleh yang sedemikian, murid pekak menggunakan kurikulum yang sama dengan murid biasa di sekolah kebangsaan harian iaitu bahasa pengantarnya adalah bahasa Malaysia (BM) dan juga diajar bahasa Inggeris. Justeru, murid pekak ini menghadapi kesukaran disebabkan oleh pembelajaran dua bahasa yang berbeza dan pada masa yang sama terpaksa memahami serta menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua.

Menurut *Encyclopedia of Special Education* (1987), masalah pendengaran dapat diklasifikasikan kepada ringan, sederhana, teruk dan sangat teruk seperti yang disarankan oleh *World Health Organization (WHO)* iaitu; Ringan (*mild*) ialah 20 hingga 40 dB, sederhana (*moderate*) ialah 40dB hingga 70dB, teruk (*severe*) ialah 70dB hingga 90dB dan amat teruk (*profound*) ialah 90dB dan lebih. Manakala Friend (2008),

mengklasifikasikan masalah pendengaran seperti berikut: 0-15 dB normal; 16-25 dB kehilangan pendengaran yang sedikit/minimal; 26-40dB kehilangan pendengaran yang ringan; 41-55 dB kehilangan pendengaran yang sederhana; 56-70 dB kehilangan pendengaran yang sederhana teruk; 71-90 dB kehilangan pendengaran yang teruk; dan 90 dB ke atas kehilangan pendengaran yang sangat teruk.

Menurut maklumat Persekutuan Orang Pekak Malaysia, “*Visual Oriented*” adalah deria mendengar yang digantikan dengan deria melihat. Masalah komunikasi yang dihadapi oleh golongan pekak menjadi satu cabaran hidup sepanjang hayat. Golongan ini disingkirkan dari segi keperluan dan hak asasi atas sebab masalah komunikasi dan *visual oriented*. Mereka ini sentiasa hidup dalam dunia tanpa suara dan bunyi.

Pekak terjadi sama ada secara semulajadi atau disebabkan oleh kemalangan yang menyebabkan mereka tidak dapat mendengar bunyi-bunyi bahasa sebagaimana yang kita dengar, iaitu dengan kata lain pekak merujuk kepada ketidakmampuan menerima bunyi bahasa dan bisu merujuk kepada ketidakmampuan menghasilkan bunyi bahasa (Abdullah Yusoff, 1995).

2.2 Pendekatan Pengajaran Bahasa Malaysia kepada Murid Pekak

Terdapat dua pendekatan dalam pengajaran bahasa Malaysia kepada murid pekak di Malaysia, iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT).

2.2.1 Bahasa Isyarat

Bahasa isyarat merupakan bahasa pertama dan utama kepada orang pekak (Goh dan Teh, 1984). Ia diajar kepada mereka sama ada secara formal atau tidak formal supaya

dapat berkomunikasi dengan orang normal mahupun sesama sendiri. Bahasa isyarat ini melibatkan penggunaan seluruh pergerakan anggota badan manusia seperti tangan, kaki, badan, mulut, mimik muka dan sebagainya (Satiah Abdullah, 2009). Menurut Gustason, Pfetzing dan Zawolkow (1980) dipetik daripada Abdullah Yusoff (1995), penggunaan bahasa isyarat ini dikatakan antara kaedah tertua yang digunakan oleh orang pekak dalam proses berinteraksi dengan ahli-ahli dalam masyarakat kerana lebih bersifat semulajadi.

Bahasa isyarat terdiri daripada pelbagai jenis. Hal ini kerana kepelbagaian latar belakang orang pekak dan alam budaya yang melingkungi kehidupan mereka. Oleh yang demikian menyebabkan isyarat-isyarat yang dihasilkan berbeza antara seseorang penutur dengan penutur yang lain (Abdullah Yusoff, 1995). Dengan kata lain, kewujudan kepelbagaian bahasa isyarat dipengaruhi oleh daerah penggunaan dan latar belakang yang berbeza. Misalnya, pengguna bahasa isyarat Cina (CSL) tidak akan memahami bahasa isyarat Amerika (ASL). Begitu juga pengguna Bahasa Isyarat Amerika (ASL) tidak memahami Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) di Malaysia.

2.2.1.1 Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)

Bahasa isyarat boleh digolongkan kepada dua kategori, iaitu bahasa isyarat ciptaan dan isyarat natif orang pekak. Bahasa isyarat ciptaan ini dicipta oleh golongan guru yang berpegang pada konsep sistem bahasa normal dengan memberikan isyarat tangan terhadap perkataan yang digunakan oleh masyarakat normal (Azlinawatty Daraman, 2004). Bahasa isyarat ciptaan ini juga digunakan sebagai alat pengajaran bahasa semasa bersekolah. Guru menggunakan isyarat-isyarat berdasarkan pengalaman yang diambil daripada isyarat yang diguna pakai oleh manusia normal dan juga pekak (Satiah Abdullah, 2009). Selain itu juga, penggunaan isyarat murid pekak merujuk kepada

sesuatu dijadikan asas kepada pembentukan sesuatu isyarat. Maksudnya bagi merujuk kepada sesuatu benda, murid berdasarkan pengalamannya akan membentuk isyarat dan isyarat tersebut akan digunakan oleh guru dalam pengajaran dan komunikasi.

Bahasa isyarat natif dikenali juga sebagai Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). Ia bermaksud bahasa isyarat yang digunakan atau dihasilkan oleh kebanyakan orang pekak di Malaysia (Satiah Abdullah, 2009). Isyarat-isyarat yang dibentuk adalah berdasarkan penciptaan sendiri atau berdasarkan ahli keluarga yang pekak, rakan-rakan pekak dan tidak pekak dan juga ahli masyarakat yang melingkungi kehidupan mereka (Lawson, 1981 dalam Abdullah Yusoff, 1995). Isyarat ini berbentuk setempat disebabkan oleh penyebarannya yang tidak secara meluas. Misalnya Bahasa isyarat Amerika (ASL) juga merupakan salah satu bahasa isyarat natif. ASL mempunyai cirinya yang tersendiri sebagai bahasa yang bercorak ‘manual-visual’. Ini boleh dilihat melalui petikan berikut:

“...there is significant distinction between American Sign Language and other varieties of sign communication which follow the structure of English. American Sign Language (also called ASL or Amelsan) is not based on, nor is it derived from, English. It is different in structure from the systems code English or heavily influenced by English such as Sign English or Pidgin Sign English.” (Tom Humphrise, 1980)

Dengan ini, jelaslah bahawa bahasa isyarat natif mempunyai perbezaan pada struktur ujaran atau struktur sintaksis ayat. Hal ini kerana bahasa isyarat ciptaan berdasarkan kepada bahasa orang normal. Untuk mengatasi masalah bahasa murid pekak, maka para pendidik telah mengemukakan konsep Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT).

2.2.1.2 Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT)

Perkembangan bahasa isyarat di Malaysia bermula pada tahun 1954. Pada masa itu, sebuah sekolah untuk kanak-kanak pekak, iaitu Sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan diasaskan di Pulau Pinang. Ketika itu juga, murid pekak diajar menggunakan kaedah oralisme (Azlinawatty Daraman, 2004). Namun pada sekitar tahun 1970-an, kaedah Komunikasi Seluruh bagi pendidikan murid pekak dibawa ke Malaysia untuk menggantikan kaedah oralisme. Maka, kosa kata bahasa isyarat Amerika atau American Sign Language (ASL) diterjemah ke Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) untuk digunakan di sekolah-sekolah.

Bahasa Malaysia Kod Tangan atau BMKT merupakan sejenis bahasa isyarat ciptaan yang mula diperkenalkan pada tahun 1978 hasil Jawatankuasa Kerja Komunikasi Seluruh yang dipengerusikan oleh Prof. Asmah Haji Omar dan dianggotai oleh para pendidik murid pekak (Shahrul Arab'iah, 2001). Ianya merupakan satu bentuk ujaran bahasa Malaysia yang menjadi pilihan bagi bentuk lisan bahasa itu.

“ BMKT diadakan menurut asas-asas tatabahasa dari prinsip-prinsip bahasa Malaysia sebagaimana yang didengar, dituturkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh pengguna-pengguna bahasa Melayu. Apabila BMKT diturunkan ke dalam bahasa tulisan, tidak akan terdapat apa-apa perbezaan dengan bahasa Melayu sehari-hari dari segi nahu atau makna bahasa itu.” (Asmah Haji Omar, 1981: 21)

Tujuan kegunaan BMKT dalam pengajaran adalah untuk menentukan bahawa bahasa yang diperolehi adalah bahasa yang tepat (Shahrul Arab'iah, 2001). Boleh juga dikatakan membantu dalam mengatasi masalah murid pekak kerana ianya mengikut tatabahasa Melayu baku. Sekaligus proses pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih

terancang. Satiah Abdullah (2009) menyatakan BMKT ini juga merupakan alat komunikasi bagi menggantikan bahasa isyarat. Walau bagaimanapun, menurut Goh dan Teh (1993) BMKT tidak setanding dengan bahasa Malaysia lisan sebagai bahasa komunikasi yang berkesan. Ini kerana BMKT diisyaratkan secara ‘manual’ dan diterima secara ‘visual’

Namun begitu, pengkaji tidak akan menyentuh tentang BMKT kerana kajian yang dijalankan ini hanya menjurus kepada bahasa Malaysia yang telah dipelajari oleh murid pekak tahun 6 selepas menjalani proses Pemantauan (Monitor) khususnya meninjau penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja murid pekak.

2.2.2 Penguasaan Bahasa Malaysia dalam Kalangan Murid Pekak

Kedudukan mata pelajaran bahasa Malaysia di dalam sistem pendidikan negara Malaysia amat dititikberatkan. Murid pekak juga terpaksa menguasai bahasa Malaysia sekiranya ingin maju dalam bidang akademik walaupun mereka terpaksa berdepan dengan berbagai-bagai rintangan untuk menguasainya(Abdullah Yusoff, 2004). Dengan kata lain kemahiran berbahasa memberi impak yang sangat besar kepada konsep kecemerlangan akademik murid, sekiranya mereka tidak lulus dalam mata pelajaran bahasa.

Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed (2004) menyatakan murid pekak mempunyai kesukaran menguasai aspek linguistik bahasa Malaysia. Berdasarkan kajian terdahulu, mereka menyatakan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan murid pekak sukar mempelajari bahasa Malaysia iaitu:

FAKTOR	KETERANGAN
1. Tidak mengalami proses ‘memperolehi bahasa Malaysia’ tetapi ‘mempelajari bahasa Malaysia’.	Hal ini sama dengan penutur bahasa asing yang mempelajari bahasa Malaysia. Bahasa pertama murid pekak ialah bahasa Isyarat. Ia sepertimana bahasa pertama bagi murid Cina iaitu Kantonis atau Hokkien. Mereka juga mengalami kesukaran mempelajari bahasa Malaysia, namun ia tidak sesukar murid pekak.
2. Tidak mendapat pendedahan awal seperti semenjak lahir sehingga bersekolah.	Kebanyakan murid pekak datang ke sekolah dengan kosa kata yang terhad. Ini menambahkan lagi kesukaran bagi murid pekak memahami bahasa Malaysia.
3. Kelemahan dari aspek pedagogi.	Tiada kaedah khas untuk mengajar bahasa Malaysia kepada murid-murid pekak ini. Ini kerana sifat bahasa Malaysia yang agak kompleks untuk dipelajari serta dipengaruhi bahasa Isyarat Malaysia.
4. Kelemahan dari aspek praktikal.	Penggunaan BMKT sebagai medium dan saluran komunikasi berkesan dengan di sekolah perlu dikaji semula. Ini kerana BMKT yang dicampuradukkan dengan pengaruh BIM dan ia sangat mengelirukan murid pekak.

Jadual 2.1: Aspek Linguistik yang Menjadi Kesukaran Kepada Murid Pekak (Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed (2004)

Berbeza dengan murid biasa, murid pekak ini menggunakan pengecaman gerak bibir untuk memahami dan mengagak bunyi bahasa untuk mempelajari bahasa Malaysia tanpa mampu mendengar bunyi bahasa yang dipertuturkan. Ia adalah sebagai salah satu cara memahami bahasa bagi murid pekak (Abdullah Yusoff, 2001). Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil murid yang mampu berjaya dalam peperiksaan awam dan

seterusnya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Murid pekak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti tempatan ialah mereka yang cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Malaysia dan mampu menulis dengan baik dalam bahasa berkenaan (Che Rabiaah Mohamed et al (2004).

2.3 Teori Pembelajaran Bahasa Kedua

Menurut Jakobovits, (1970), proses pembelajaran bahasa merupakan sesuatu proses yang jauh lebih kompleks daripada yang disedari oleh kebanyakan orang. Malah, pembelajaran bahasa kedua mengikut Eender (2008) bukannya suatu proses yang automatik. Menurut beliau lagi, fenomena ini wujud kerana kemahiran bahasa kedua mereka tidak dikuasai sepenuhnya. Wenden dan Rubin (1987) juga menyatakan pembelajaran bahasa juga merangkumi proses penyelesaian masalah yang mengkehendaki murid aktif supaya dapat mendalam input yang diterima.

Shahrul Arba'iah (2007) menyatakan golongan mentalis berpendapat proses menguasai bahasa pertama merupakan proses menyesuaikan pengetahuan bahasa yang sedia ada dalam akal budi seseorang individu apabila individu tersebut didedahkan dengan data-data bahasa. Corder (1981) juga menyokong pendapat itu dengan mengatakan bahawa penguasaan bahasa pertama merupakan sebahagian daripada proses kematangan kanak-kanak sebaliknya pembelajaran bahasa kedua pula merupakan proses yang bermula selepas sebahagian besar proses kematangan kanak-kanak selesai. Pembelajaran bahasa kedua menurut Lightbown dan Spada (2006) berlaku selepas seseorang telah menguasai satu sistem bahasa.

Menurut Ellis (2008), terdapat dua jenis pembelajaran bahasa kedua, iaitu pembelajaran item dan pembelajaran peraturan atau sistem. Pembelajaran item berlaku

apabila penutur bahasa kedua memahami sesuatu bahagian struktur bahasa yang dipelajari. Pembelajaran peraturan pula merujuk penguasaan peraturan bahasa tersebut. Pembelajaran bahasa kedua juga dapat dikategorikan sebagai pembelajaran implisit dan pembelajaran eksplisit (DeKeyser dalam Doughty dan Long, 2003). Pembelajaran implisit didefinisikan sebagai pembelajaran yang berlaku tanpa disedari atau bawah sedar.

Pembelajaran eksplisit atau secara sedar pula menurut Faerch dan Kasper (1984), bukannya sesuatu keadaan psikologi yang kekal tetapi bergantung pada individu, situasi, bahan linguistik dan prosedur psikologi yang terlibat. Oleh itu, individu yang melalui pembelajaran bahasa kedua mempunyai kesedaran metalingual yang tinggi dibandingkan individu yang memperoleh bahasa secara tidak formal kerana penutur bahasa kedua mengetahui cara pembelajaran yang sedang dilaluinya.

Seseorang individu yang mengalami proses pembelajaran bahasa kedua memperoleh input melalui pengajaran. Input yang diperoleh itu berlaku secara sedar, iaitu sistem bahasa yang dipelajari dan diingati dahulu sebelum bermulanya aktiviti penghasilan bahasa oleh seseorang penutur tersebut. Selepas berlaku penghasilan bahasa secara sedar, berlaku pemerolehan bahasa sebelum penutur bahasa kedua dapat melafazkan sesuatu dalam bahasa kedua secara spontan. Dalam situasi pembelajaran bahasa kedua dapat dilihat berlakunya proses metalingual yang merangkumi pemikiran tentang proses pembelajaran, perancangan pembelajaran, mengawasi pembelajaran semasa proses tersebut sedang berlaku, dan penilaian kendiri selepas aktiviti pembelajaran (Wenden & Rubin, 1987). Proses-proses ini serta sistem pemantau (monitor) yang membezakan pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua.

2.3.1 Teori Analisis Kesilapan

Teori Analisis Kesilapan diperkenalkan oleh Pit Corder (1981). Ianya ialah teknik untuk mengukur kemajuan dalam pembelajaran bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh murid. Menurut Corder (1981), kesilapan adalah suatu elemen yang penting sebagai bukti untuk mengukur pengetahuan dan kemahiran bahasa seseorang. Pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan jika seseorang tahu bahawa strategi pembelajaran seseorang murid boleh membantu proses pengajaran bahasa tersebut. Beliau menjelaskan lagi bahawa kesilapan yang dilakukan oleh para murid adalah suatu fakta yang penting dan relevan. Ianya tidak hanya mengimplikasikan penemuan dan mengenal pasti kesalahan tersebut, tetapi juga menjadi penerangan kepada punca-punca psikologi yang menyebabkan kesilapan tersebut dilakukan.

Secara tradisi kesilapan dianggap sebagai petunjuk kegagalan guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua. Kini, kesilapan dikatakan sebagai normal dan semula jadi dalam proses penguasaan bahasa kedua (Lightbown dan Spada, 2006). Mereka menyatakan peningkatan kesilapan merupakan indikator kemajuan dalam penguasaan bahasa kedua. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh murid bahasa kedua ini sistematik dan menunjukkan peringkat penguasaan yang telah dicapai oleh penutur bahasa kedua tersebut dan kesungguhan penutur mempelajari bahasa kedua (Ellis, 1997).

Selinker (1972) memberi pendapat bahawa kesalahan morfologi itu mungkin berpunca daripada gangguan bahasa ibunda penutur itu sendiri. Begitu juga yang berlaku dalam proses pembelajaran serta strategi penguasaan bahasa dalam kalangan

murid atau penutur bahasa itu sendiri. Beliau menambah lagi bahawa terdapat tiga proses utama yang menjadikan punca berlakunya kesalahan tersebut:

- i. Murid tidak tahu atau keliru mengenai makna perkataan lalu menyebabkan murid melakukan kesalahan dalam pemilihan imbuhan.
- ii. Murid menggunakan logik dan fikiran dalam menentukan perkataan atau bentuk untuk memutuskan sesuatu yang menjadi kekeliruan akibat pengaruh bahasa pertama iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).

Dulay, Burt & Krashen (1982) pula menyatakan kesilapan imbuhan kata kerja yang dilakukan oleh murid pekak boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kesilapan pengguguran (*omission*), kesilapan penambahan (*addition*) dan kesilapan pemilihan (*selection*).

i) Kesilapan pengguguran (*omission*)

Iaitu kesilapan yang merujuk kepada kesilapan di mana elemen-elemen yang penting untuk menghasilkan morfem yang sempurna telah diabaikan.

ii) Kesilapan penambahan (*addition*)

Iaitu berpunca daripada penggunaan peraturan tertentu secara berleluasa. Penambahan elemen-elemen yang tidak diperlukan atau tidak betul.

iii) Kesilapan pemilihan (*selection*)

Ianya merupakan penggunaan imbuhan yang salah.

Corder (1981) pula berpendapat ada dua sebab seseorang mengalamikekangan dalam menguasai bahasa kedua. Pertama, sifat input atau data yang disampaikan tidak dapat diproses oleh penutur. Kedua, keadaan penutur yang tidak dapat menerima input tersebut. Dengan kata lain, penutur perlu mengetahui beberapa perkara sebelum mempelajari perkara baharu. Ellis (2008) juga mengatakan bahawa pengajaran

tatabahasa bahasa kedua perlulah dijalankan selepas penutur mempunyai penguasaan bahasa komunikasi yang asas.

Daripada pandangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar bahasa, dapatlah disimpulkan bahawa setiap individu sama ada murid-murid biasa, pengguna bahasa mahupun murid-murid yang mengalami masalah pendengaran umumnya akan melakukan kesilapan bahasa tulisan. Ini kerana pengetahuan dan juga penguasaan bahasa di kalangan penutur adalah masih tidak mantap. Kepentingan terhadap penguasaan bahasa lebih ketara dalam bidang pendidikan kerana bahasa menjadi medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi murid pekak, penguasaan bahasa Malaysia sebagai sebagai bahasa kedua adalah sangat penting bagi menguasai semua mata pelajaran.

2.3.2 Teori Monitor

Teori Monitor merupakan teori pembelajaran bahasa kedua yang diperkenalkan oleh Stephen D. Krashen pada akhir tahun 1970-an. Teori Monitor adalah suatu teori komprehensif yang diperkenalkan khusus bagi mengkaji proses yang berlaku semasa pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua (Ellis, 1985). Teori Monitor juga mengandaikan bahawa semasa murid melalui proses pembelajaran bahasa kedua, murid tidak menerima semua bahasa yang mereka dengar kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor afektif seperti motif, keperluan, sikap dan keadaan emosi yang mempengaruhi kualiti pembelajaran bahasa kedua (Noor Aina Dani, 2007). Dalam kajian ini, murid pekak menerima bahasa secara *manual-visual*. Krashen telah memperkenalkan Teori Monitor dalam penyelidikan bahasa kedua dan berasaskan kepada lima hipotesis iaitu hipotesis pemerolehan-pembelajaran (*The Acquisition-Learning hypothesis*), hipotesis pemantau (*The Monitor hypothesis*), hipotesis aturan semula jadi (*The Natural Order*

hypothesis), hipotesis masukan (*The Input hypothesis*) dan hipotesis saringan efektif (*The Affective Filter hypothesis*).

Menurut Krashen (1981) dalam Hipotesis Pemerolehan-Pembelajaran terdapat dua sistem yang berlaku semasa pemerolehan kedua iaitu sistem pemerolehan (*acquisition*) dan pembelajaran (*learning*). Pemerolehan bahasa berlaku di bawah sedar (*subconscious*), tidak dirancang dan hampir menyerupai proses seorang kanak-kanak memproses bahasa yang diperolehnya secara tidak langsung. Pembelajaran bahasa pula berlaku secara sedar (*conscious*) iaitu satu proses di mana murid bahasa kedua akan mempelajari rumus tatabahasa dan berkesudahan dengan mengetahui mengenai bahasa tersebut.

Pembelajaran bahasa ini berlaku secara terancang iaitu terdapat sukan pelajaran yang disediakan. Proses pembelajaran ini dilakukan secara formal di dalam kelas. Walau bagaimanpun proses ini sangat berkesan kerana murid sering memperoleh bahasa semasa bergaul dengan rakan atau guru. Lantaran itu, menurut Krashen (1981) seseorang itu perlu bersungguh-sungguh untuk memperoleh bahasa kedua, bukan sekadar mempelajarinya sebagai cara untuknya meningkatkan kompetensi bertutur dan berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Seandainya tidak dicapai, murid bahasa kedua tersebut hanya sekadar mengetahui aspek tatabahasa dan pola-pola bahasa.

Hipotesis Pemantau menerangkan pembelajaran yang mempunyai satu fungsi iaitu sebagai pemantau (*monitor*). Menurut Krashen (1981), konsep pemantau (*monitor*) hanya melibatkan pembelajaran (*learning*) bukan pemerolehan (*acquisition*). Ia berfungsi sebagai alat pemantau pertuturan dan bertujuan memperbaiki ujaran yang dihasilkan oleh sistem. Hanya pemantau yang digunakan secara optima sahaja akan


dapat meningkatkan tahap kompetensi komunikasi seseorang murid bahasa kedua. Asasnya, perolehan-perolehan merupakan hasil yang diperolehi melalui komunikasi dan monitor berperanan mengubah suai perolehan-perolehan supaya menepati ciri-ciri sesuatu bahasa sasaran. Pengajaran bahasa sepatutnya berorientasikan komunikasi bukannya pembelajaran tentang peraturan bahasa. Dalam hal ini, monitor bertindak sebagai penyunting bahasa yang dikawal secara sedar. Bagi memastikan pemantauan berjaya, murid perlu mempunyai masa yang cukup untuk menyemak dan mengulangkaji pelajaran, memberi tumpuan kepada bahan yang dipelajari dan memahami peraturan seperti rumus tatabahasa yang diajarkan di dalam kelas (Krashen, 1981).

Hipotesis Aturan Semula Jadi menyatakan manusia memperoleh peraturan-peraturan bahasa dalam satu susunan yang boleh diramal. Terdapat peraturan bahasa yang terbit awal dan terbit lewat. Susunan ini berbeza daripada peraturan bahasa yang diajar di dalam kelas. Susunan perolehan bahasa yang semulajadi ini dianggap sebagai hasil daripada sistem bahasa yang telah diperoleh murid dan bebas daripada penggunaan monitor atau tatabahasa yang beroperasi secara sedar. Proses ini bergantung kepada faktor umum, latar belakang, dan tahap pendedahan murid bergantung kepada bahasa kedua. Namun demikian, Krashen menjelaskan implikasi daripada hipotesisnya ini bukanlah bermaksud sukanan pembelajaran bahasa perlu digubal berdasarkan dapatan kajian ini, tetapi beliau menolak pembelajaran tatabahasa yang diajar secara terpisah kerana matlamat pembelajaran bahasa ialah pemerolehan bahasa.

Hipotesis Masukan menjelaskan persoalan bagaimana seseorang memperoleh bahasa kedua. Hipotesis ini beranggapan bahawa prasyarat terpenting seseorang murid bahasa kedua memperoleh bahasa apabila ia memahami input bahasa yang diperolehnya sama ada melalui pendengaran atau pembacaan. Mereka yang mempelajari bahasa

kedua dianggap mengalami perkembangan daripada tahap *I* (keupayaan sekarang) menuju ke tahap *i+1*. Untuk mencapai tahap *i+1*, mereka perlu mengetahui dan memahami unsur yang dimasukkan dalam kemahiran sedia ada untuk menjadikan *i+1*. Unsur yang dimasukkan dalam kemahiran sedia ada mestilah bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka dalam penguasaan bahasa kedua. Krashen (1981) menjelaskan lebih banyak individu itu terdedah kepada rangsangan yang bermakna, maka lebih banyak pengetahuan dan maklumat bahasa akan mereka kuasai. Tambahnya lagi, orang dewasa dan kanak-kanak yang lebih matang secara keseluruhannya dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih cepat.

Hipotesis Saringan Afektif menyatakan bahawa faktor-faktor afektif memainkan peranan penting dalam proses pemerolehan bahasa kedua. Faktor-faktor afektif mempunyai kaitan tetapi bukan penyebab dengan proses pemerolehan bahasa. Mereka yang memiliki motivasi diri rendah dan kurang keyakinan diri sukar menguasai bahasa kedua. Krashen (1985) mendapati murid bahasa kedua yang mempunyai motivasi yang tinggi, keyakinan yang tinggi, penampilan diri yang baik dan tahap kerisauan yang rendah mempunyai peluang kejayaan yang lebih untuk menguasai bahasa kedua. Manakala motivasi yang rendah, keyakinan yang kurang, dan kerunsingan akan meningkatkan '*affective filter*' dan membina '*mental block*' yang akan mencegah input bahasa yang difahami '*comprehensible input*' dari diperoleh oleh murid bahasa kedua.



Rajah 2.1 : Cara Filter Afektif Beroperasi

Model Teori Monitor di atas menunjukkan bagaimana filter afektif beroperasi. Filter afektif akan bertindak sebagai dalang atau pemangkin kepada perolehan bahasa. Apabila filter menurun, input akan sampai kepada LAD (*Language Acquisition Device*) atau alat perolehan bahasa lalu menjadi kecekapan bahasa. Pada peringkat inilah, penguasaan bahasa berlaku. Sebaliknya apabila filter menaik, input akan tersekat dan tidak sampai kepada LAD, maka kecekapan bahasa tidak akan diperoleh (Zuzitah Abd Samad, 2012). Teori Monitor di atas jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor afektif boleh bertindak sebagai penghalang atau pemangkin penghantaran input kepada LAD.

Oleh yang demikian, dalam proses memperoleh dan menguasai sesuatu bahasa, murid-murid harus didedahkan kepada input-input bahasa. Sebagai contoh, sekiranya filter menaik disebabkan murid-murid yang tidak bermotivasi atau kurang galakan serta sering memikirkan kegagalan, mereka tidak akan faham apa yang dilihat dan didengarnya semasa guru mengajar kerana input tidak sampai kepada LAD. Sebaliknya, filter akan menurun dan memberarkan input sampai kepada LAD, maka murid akan faham dan dapat menguasai sesuatu bahasa. Perkara ini berlaku apabila murid-murid berkeyakinan, seronok, bermotivasi dan berhasrat menguasai, seterusnya menjadi ahli kumpulan bahasa yang dipelajarinya (Zuzitah Abd Samad, 2012).

2.4 Masalah Penguasaan Bahasa di Kalangan Murid Pekak

Pengkaji membuat tinjauan terhadap kajian-kajian yang ada kaitan dengan skop kajian yang dijalankan. Skop kajian ini ialah bidang penguasaan bahasa terutamanya imbuhan kata kerja dalam kalangan murid pekak. Kajian masalah penguasaan bahasa terutamanya imbuhan kata kerja dalam bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak di Malaysia agak terhad jumlahnya. Umumnya, banyak kajian berkaitan penguasaan

bahasa dijalankan oleh para pengkaji di Malaysia dan juga di barat. Namun begitu, banyak kajian dilakukan ke atas murid biasa.

Tinjauan ini juga bertujuan untuk mencari maklumat terkini berkaitan topik yang dikaji oleh pengkaji. Selain itu, tinjauan yang dilakukan bertujuan untuk mengelakkan kajian yang dilakukan sama dengan kajian lepas. Oleh itu, pengkaji membahagikan tinjauan kajian lepas kepada dua bahagian iaitu tinjauan kajian berkaitan masalah penguasaan bahasa dalam kalangan murid pekak di dalam dan di luar negara, tinjauan kajian masalah penguasaan bahasa dalam kalangan murid biasa di dalam dan di luar negara.

2.4.1 Masalah Penguasaan Bahasa di Kalangan Murid Pekak di Dalam Negara dan Di Luar Negara.

Murid pekak menghadapi masalah untuk memahami bahasa. Masalah bahasa ini memberi kesan kepada kemampuan mereka untuk berkomunikasi dan menyebabkan masalah dalam pembelajaran mereka kerana murid pekak tidak dapat menggunakan deria pendengaran mereka sebagai alat untuk menerima maklumat (Freeman et al, 1981; Cawthon, 2001; Kneedler et al, 1984; Meadow 1980; Hallahan & Kauffman, 1991; Northen & Downs, 2002). Walaupun ketidakupayaan mendengar itu tidak memberi kesan kepada potensi intelektual, tetapi menyebabkan halangan dalam komunikasi yang menyebabkan perkembangannya terbatas (Northen dan Downs, 2002).

Fructer et al (1984) mendapati murid-murid pekak mempunyai tahap pembacaan pada gred 1 hingga gred 10 terhadap kefahaman 20 bahasa kiasan. Mereka menyediakan dua set iaitu satu set mengandungi 4 gambar makna sebenar dan satu set lagi mengandungi 4 gambar makna figuratif. Dapatan menunjukkan murid-murid pekak

tidak mengalami masalah semasa memilih makna sebenar atau makna tersurat, tetapi skor bagi makna bagi makna figuratif adalah rendah. Pencapaian dalam bahasa kiasan telah menunjukkan ada korelasi secara signifikan dengan tahap kebolehan membaca, iaitu jika kebolehan membaca adalah rendah, maka kefahaman terhadap bahasa kiasan juga adalah rendah.

Jensema (1975) telah menjalankan kajian dengan menganalisis pencapaian ke atas 6873 murid pekak yang berumur antara 6 hingga 19 tahun. Dapatan kajian beliau telah menunjukkan bahawa murid pekak yang berumur 14 tahun mempunyai keupayaan membaca di tahap gred tiga sahaja. Trybus dan Karchmer (1977) menyimpulkan bahawa dalam masa sepuluh tahun dari umur 8 tahun hingga 18 tahun, secara puratanya skor pertambahan perbendaharaan kata murid pekak adalah menyamai purata murid biasa yang sedang belajar di antara peringkat pra sekolah dan gred kedua tetapi, akhirnya faktor bila kepekakan berlaku dan darjah kepekakan telah mempengaruhi pencapaian murid pekak dalam pelajaran mereka di sekolah (Jensema, 1975; Quigley, 1986). Hal ini juga dinyatakan oleh Conrad (1979), iaitu darjah kehilangan pendengaran sangat mempengaruhi pencapaian kanak-kanak pekak. Dua kajian yang dilaporkan pada tahun 1986 telah mendapati bahawa darjah kehilangan pendengaran menjadi faktor utama merendahkan pencapaian akademik murid pekak (Wood et al, 1989; Abel, 1986).

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Conrad (1979) juga, didapati bahawa semua sampel kajian yang berjumlah 468 orang mempunyai kemahiran menyatakan (*expressive*) dan penerimaan (*receptive*) yang rendah dalam pertuturan lisan dan mempunyai kemahiran membaca yang rendah. Separuh daripada sampel yang pekak lebih daripada 85 dB ke atas langsung tidak boleh membaca. Kesimpulan utama yang dibuat oleh Conrad ialah majoriti remaja yang sangat pekak tidak boleh menggunakan

bahasa pertuturan untuk mengembangkan bahasa dalaman mereka bagi mengembangkan potensi kognitif dan kebanyakan mereka hanya mendapatkan kemudahan daripada penggunaan isyarat sahaja.

Brown (1984) menyatakan didapati murid pekak lewat dalam memperoleh rumus morfologi atau penggolongan kata. Walaupun kajian telah mendapati bahawa murid pekak mengikuti turutan perkembangan morfologi yang sama dengan murid biasa, tetapi kelewatan mereka dalam perkembangan boleh mencapai enam tahun atau lebih (Kuder, 1997).

Kirk dan Gallagher (1989) menyatakan murid pekak mengalami kesukaran dalam bidang akademik. Ini terbukti daripada kajian yang dijalankan ke atas ribuan murid pekak yang belajar di sekolah berasrama dan harian (Trybus dan Karchmer, 1977). Perkara ini berlaku kerana penggunaan bahasa yang kompleks dan sukar difahami. Di samping itu bahasa Inggeris pula merupakan bahasa kedua kepada mereka (Martin, 2001; Mounty, 2001; Jarrow, 2001; Maihof et al, 2000). Begitu juga dengan bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kedua oleh murid pekak di Malaysia.

Berkaitan dengan perkembangan semantik atau makna perkataan, Curtis et. al (1979) dalam kajian terhadap 12 orang murid pekak yang mempunyai pendengaran yang teruk mendapati bahawa perkembangan semantik amat jauh ketinggalan. Mereka menjelaskan kemungkinan ini berlaku kerana subjek yang dikaji menggunakan bahasa isyarat bagi menerangkan makna perkataan.

Selain itu, Bochner dan Albertini (1988) melihat kepada variasi bahasa orang pekak. Kajian yang dijalankan oleh mereka melihat kepada pemerolehan bahasa dalam

kalangan kanak-kanak dan orang dewasa pekak. Mereka menyatakan bahawa kanak-kanak dan orang dewasa pekak memperolehi bahasa melalui pengaruh persekitaran bahasa. Dengan itu, bagi kanak-kanak yang disahkan pekak, persekitaran bahasa yang sesuai perlu disediakan. Persekitaran bahasa yang dimaksudkan adalah pemakaian alat bantuan pendengaran supaya darjah pendengaran akan bertambah. Selain itu, aspek-aspek bahasa seperti bentuk, fungsi dan pragmatik hendaklah diperkenalkan.

Kajian-kajian yang menunjukkan murid pekak mempunyai tahap kebolehan, kognitif dan keperluan yang sama dengan murid-murid tipikal yang lain (Easterbrook dan Baker, 2002; Freeman et.al, 1981; Moores, 2001). Kajian ini disokong oleh kajian lain seperti Adams (2001) yang menjalankan kajian berkaitan dengan stail kognitif dalam kalangan murid pekak. Kajian beliau melibatkan 68 murid pekak yang berumur antara 12 hingga 18 tahun di Berkshire, yang mempunyai pencapaian tinggi. Kajian menunjukkan bahawa murid pekak dapat menyelesaikan tugasan yang diberikan menggunakan stail kognitif sama seperti murid biasa.

Walaupun mempunyai tahap kebolehan dan keperluan yang sama dengan murid biasa yang lain, namun mereka menghadapi masalah dalam pencapaian akademik (Freeman et.al, 1981; Moores, 2001). Terdapat kajian-kajian yang membincangkan faktor-faktor yang memberi kesan pencapaian murid pekak (Cawthon 2001; Lyon 1997; Mayer et al 2002; Reed et al 2008; Wauters et al 2007). Sebagai contoh dalam kajian Reed et al (2008) yang telah menjalankan kajian berkaitan faktor-faktor yang memberi kesan kepada kejayaan akademik dan faktor-faktor yang menghalang kejayaan murid pekak. kajian dilakukan ke atas 25 orang murid pekak dengan menemu bual guru, pengetua, ibu bapa, penterjemah dan murid itu sendiri. Dapatkan menunjukkan bahawa faktor yang menyumbang kepada kejayaan murid pekak adalah motivasi murid,

sokongan keluarga, harapan keluarga dan pihak sekolah, kemampuan keluarga membawa murid dalam membuat kerja rumah dan komunikasi yang baik antara pihak profesional. Faktor yang menghalang kejayaan murid pekak adalah masalah kecacatan yang lain dan komunikasi yang lemah antara keluarga dengan pihak sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh Lyon (1997) melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan akademik murid pekak. Antara faktor yang dikaji ialah atribut bilik darjah, penglibatan ibu bapa dan sikap responden terhadap pelajaran. Hasil kajian mendapatkan faktor ibu bapa lebih menyumbang kepada kejayaan akademik berbanding faktor lain. Begitu juga Toscana et al (2002) yang menjalankan kajian terhadap 30 orang murid pekak mendapatkan kejayaan murid pekak bergantung kepada ibu bapa. Kajian ini juga menunjukkan murid pekak yang mendapat pendedahan awal kepada bacaan dan penulisan telah memperoleh asas pada jangka masa yang sama dengan kanak-kanak lain.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kepada murid pekak, aspek persekitaran kelas juga perlu diberikan perhatian bagi memaksimumkan proses pembelajaran mereka. Persekitaran akustik dalam kelas merupakan aspek penting dalam pembangunan psikopendidikan dan psikososial kanak-kanak sama ada bermasalah pendengaran atau tidak (Crandell dan Smaldino, 2001; Nelson dan Soli, 2000). Maltby dan Knight (2000) juga mengatakan bahawa di antara faktor yang boleh memberi kesan terhadap bunyi suara yang jelas adalah bunyi bising, nisbah signal dengan bunyi bising, jarak, hubungan secara langsung atau pantulan dan kesan gema. Walaupun aspek ini penting dalam pengajaran dan pembelajaran, namun kajian menunjukkan bahawa aspek ini kurang diberikan perhatian. Kajian Crandell dan Smaldino (2001) menunjukkan

bahawa persekitaran akustik tidak memenuhi keperluan pembelajaran, hanya 22 peratus bilik darjah yang digunakan oleh murid pekak memenuhi kriteria yang dicadangkan.

Seterusnya, dari aspek penulisan, murid pekak lebih banyak kesilapan dalam penulisan termasuk menggunakan perkataan yang tidak perlu, meninggalkan perkataan yang penting, menukar dengan perkataan yang salah dan menggunakan susunan perkataan yang tidak betul (Quigley dan Paul, 1990). Ini kemungkinan juga berkaitan dengan kebiasaan bahasa dalaman yang telah didedahkan kepada mereka sejak kecil. Conrad (1979) menyatakan bahawa terdapat perhubungan di antara strategi pengkodean dalaman dengan keupayaan kefahaman bacaan dan penulisan. Berkaitan hal yang sama, Wang et al (1989) menyatakan bahawa terdapat bukti-bukti yang menunjukkan kebanyakan murid pekak mengekod perkataan bercetak lebih berkesan dengan cara visual dan bahasa isyarat.

Apabila sukar memahami perkataan abstrak, maka ianya pasti berkait rapat dengan sukar untuk mengingati maklumat. Justeru, kajian tentang ingatan terhadap prosa konkrit dan abstrak juga telah dijalankan oleh Marschark et al (1993) ke atas murid pekak dan murid biasa di Itali. Sampel kajian melibatkan 37 orang murid pekak yang berumur lingkungan 15 hingga 22 tahun, manakala murid biasa yang berumur lingkungan 7 hingga 8 tahun berjumlah 26 orang. Beliau menggunakan instrumen berbentuk dua versi petikan yang terbahagi kepada konkrit dan abstrak. Hasil dapatan menunjukkan murid pekak boleh mengingati kedua-dua bahan konkrit dan abstrak. Namun begitu, apabila perbandingan dibuat, didapati murid pekak kurang dapat mengingati unit idea dalam petikan secara holistik tetapi menunjukkan ingatan yang lebih baik untuk perkataan individu. Murid pekak juga didapati tidak dapat mengintergrasikan maklumat teks antara unit idea tetapi boleh menyimpan banyak

maklumat daripada dalam unit itu sendiri. Para pengkaji merumuskan bahawa kekurangan ke atas pengekodan secara turutan dalam ingatan mereka boleh menyebabkan mereka mempunyai kefahaman teks dan strategi ingatan yang berbeza daripada murid yang lain.

Semua kajian yang dipaparkan di atas menunjukkan bahawa dalam aspek perbendaharaan kata, murid pekak menunjukkan pencapaian yang lebih rendah daripada murid biasa. Ini disebabkan oleh masalah bahasa yang dialami, cara pengekodan dalaman, serta penerimaan rangsangan secara visual yang berbeza daripada murid biasa. Seterusnya, pengkaji tempatan juga tidak ketinggalan menjalankan kajian terhadap penguasaan bahasa murid pekak. Kajian-kajian ini semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Kajian-kajian yang pernah dilakukan terhadap murid pekak banyak memfokuskan kepada pencapaian akademik, penguasaan bahasa, kelemahan dalam penulisan dan sebagainya. Shahrul Arba'iah (2007) telah menjalankan kajian berkaitan dengan faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik. Dalam kajian menunjukkan kecemerlangan akademik murid bergantung kepada tiga faktor penting iaitu ibu bapa, khidmat sokongan dan sikap murid itu sendiri.

Noorasmawati (2006) dalam kajian ilmiah beliau mendapati murid pekak tingkatan tiga lebih gemar menggunakan bentuk imbuhan awalan dan apitan kata kerja dalam menghasilkan sampel karangan mereka. Imbuhan berbentuk awalan menunjukkan peratus penggunaan paling banyak iaitu 62.4% berbanding dengan imbuhan apitan yang hanya mencatat 37.6%. Beliau membandingkan antara jantina.

Hasil lain juga menunjukkan responden lelaki lebih kerap menggunakan bentuk imbuhan yang sama dalam penulisan mereka sama ada awalan atau apitan.

Peratusan menunjukkan bahawa responden lelaki mencatat 49.5% manakala responden perempuan sebanyak 50.5%. Namun begitu, kebanyakan responden juga tidak dapat membuat proses pengimbuhan dengan betul jika ianya melibatkan proses pengguguran konsonan pada awal kata dasar contohnya pada perkataan *mengayuh* menjadi *mengkayuh*, *menahan* menjadi *mentahan*, *mengunjungi* menjadi *mengkungjung* dan lain-lain lagi. Sepatutnya konsonan ‘*k*’ dan ‘*t*’ hendaklah digugurkan apabila kata itu ditambahkan dengan bentuk imbuhan awalan *meng-* dan *men-*.

Mohd Hanafi (2005) telah menjalankan kajian berkaitan dengan perbandingan pencapaian murid pendidikan khas (pekkak) dalam peperiksaan UPSR. Dalam kajian beliau telah mengesan satu masalah dalam pengajaran dan pembelajaran murid pekkak iaitu berkaitan dengan penggunaan bahasa isyarat KTBM. Beliau mendapati sebahagian besar guru pendidikan khas mengatakan bahawa mereka tidak mahir berkomunikasi menggunakan KTBM serta sukar untuk menerangkan perkataan-perkataan abstrak semasa dalam pengajaran. Perkara ini tentulah memberi kesan besar kepada proses P&P kepada murid pekkak kerana komunikasi sangat penting bagi proses P&P.

Abdullah Yusoff (1995) dalam kajian beliau telah melihat kepada pembentukan isyarat orang pekkak tetapi tidak menyentuh mengenai penguasaan bahasa. Selain itu, dalam kajian beliau pada tahun 1996, iaitu “Pemaparan Idea Dalam Karangan Pelajar Pekak”, telah menyatakan bahawa pelajar pekkak mengalami kesukaran untuk membentuk sesuatu yang abstrak.

Seterusnya melihat kepada tahap penguasaan bahasa murid pekak dalam kajian Gupta, Abdullah dan Goh (1995) yang meneliti kefahaman lisan pelajar pekak terhadap struktur ayat bahasa Melayu yang diadaptasikan daripada “Rhode Island Test of Language Structure”, dengan menggunakan Komunikasi Seluruh BMKT. Mereka mendapati murid pekak sukar memahami ayat-ayat yang dilakukan dengan isyarat kepada mereka. Walaupun 20 jenis ayat yang dijadikan bahan kajian, namun murid-murid pekak didapati mudah memahami ayat tunggal berbanding dengan ayat majmuk. Hal ini juga menunjukkan bahawa murid pekak sukar memahami isyarat digunakan berdasarkan struktur bahasa isyarat mereka.

Manakala pada peringkat ayat pula, hasil pola binaan ayat mereka adalah berlainan dengan ayat bahasa Malaysia. Kelainan tersebut adalah bukan daripada kesalahan yang dilakukan tetapi ayat-ayat tersebut adalah umum dan lazim dalam tulisan murid pekak kerana banyak sampel yang melakukan hal yang sama. Hal demikian menyebabkan murid pekak dikatakan lemah dalam penulisan.

Salah seorang pengkaji tempatan yang sering mengutarakan isu ini dalam penulisan-penulisannya ialah Abdullah Yusoff. Dalam kajian beliau pada tahun 1993, beliau menyelidik bagaimana murid pekak membina ayat bahasa Malaysia serta jenis-jenis ayat dari aspek struktur dan penguasaan murid dalam penulisan karangan. Kaedah yang digunakan ialah kajian kes dan sampel kajian ialah 13 orang murid pekak dari Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada sejmlah 172 ayat yang dihasilkan melalui 13 buah karangan, 118 adalah salah dari segi strukturnya. Hanya 2 orang murid pekak sahaja yang melakukan kurang kesalahan daripada 50 peratus. Kadar kesalahan paling tinggi ialah 92.2 peratus.

Dalam kajian beliau juga didapati murid pekak gagal menyusun subjek dan predikat dengan betul. Mereka juga menggunakan kata hubung yang salah dan kaedah penyambungan ayat juga adalah salah. Ini menyebabkan mereka menghasilkan ayat yang tidak diketahui maksudnya. Seterusnya, Abdullah Yusoff menjelaskan bahawa murid pekak tidak dapat menguasai bahasa penulisan kerana mereka berkomunikasi dengan bahasa isyarat yang tidak terikat dengan hukum tatabahasa. Beliau juga menekankan betapa pentingnya kelemahan-kelemahan dalam bacaan dan kefahaman, memahami perkataan abstrak dan perbendaharaan kata diberi penekanan untuk menghasilkan penulisan yang baik.

Goh dan Teh (1993) juga telah membuat satu kajian tentang bahasa tulisan murid pekak. Tujuan kajian mereka adalah untuk meneliti struktur sintaksis ayat dalam bahasa tulisan bahasa Malaysia berdasarkan teori tatabahasa transformasi generatif. Responden yang terlibat adalah 95 orang murid pekak yang berumur antara 13 hingga 18 tahun yang bersekolah di Sekolah Pendidikan Khas Pulau Pinang. Beberapa ujian telah digunakan iaitu ujian untuk struktur frasa, ujian untuk ayat pasif dan ujian untuk ayat majmuk. Dapatan menunjukkan bahawa struktur ujaran bahasa isyarat selalu diperlihatkan di dalam ayat tulisan. Struktur-struktur ayat yang dihasilkan kelihatan pelik dan tidak gramatis tetapi menurut pengkaji, struktur-struktur ayat tersebut diterima dalam kalangan orang pekak. Ini kerana tulisan orang pekak mempunyai struktur sintaksis tertentu walaupun orang biasa melihatnya sebagai bahasa rojak.

Meskipun kedua-dua kajian yang dilakukan oleh Abdullah Yusoff (1993) dan Goh dan Teh (1993), adalah berkaitan dengan sintaksis bahasa Malaysia, tetapi kajian mereka juga berkait rapat dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji. Kajian-kajian ini dapat memperlihatkan kelemahan-kelemahan murid pekak dalam memahami bahasa

abstrak dan kelemahan perbendaharaan kata serta pengaruh bahasa isyarat dalam penulisan murid pekak yang diuji.

Selain itu, Teng Shin Min (1986) telah menjalankan kajian mengenai beberapa aspek akademik dan psiko-sosial murid pekak di program Pendidikan Khas percantuman di Negeri Johor. Kajian ini telah dijalankan di SM Dato' Amar Sri DiRaja Muar terhadap 2 orang murid pekak. Didapati bahawa pencapaian akademik murid adalah sangat rendah iaitu dua tahun lebih rendah dari tahap yang sepatutnya. Mata pelajaran yang paling tidak digemari adalah bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI).

2.4.2 Masalah Penguasaan Bahasa Dalam Kalangan Murid Biasa Di Dalam Dan Di Luar Negara

Pengkaji melaksanakan kajian ke atas murid pekak kerana bahasa Malaysia merupakan bahasa kedua mereka. Terdapat beberapa kajian dalam negara yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, iaitu menggunakan teori Monitor dan teori Analisis Kesilapan ke atas murid bahasa kedua.

Rubiah Hamzah (2013) dalam kajiannya yang bertajuk “Penguasaan Imbuhan Kata Kerja Pelajar Cina di SJK(C) Lok Yuk, Sandakan” mendapati tahap penguasaan kata kerja bahasa Malaysia subjek kajian berada pada tahap sederhana disebabkan oleh masa pembelajaran yang terhad, tidak mengetahui rumus-rumus asas tatabahasa bahasa Malaysia dengan baik dan masih keliru menggunakan imbuhan yang sesuai. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil subjek kajian dapat menguasai kata kerja dengan baik. Selain itu, berlaku peningkatan yang tidak begitu ketara terhadap penguasaan kata kerja BM selepas ujian kedua (ujian pasca) dijalankan. Beliau juga mendapati faktor-faktor

ekstralinguistik turut mempengaruhi tahap penguasaan subjek kajian terhadap kata kerja bahasa Malaysia.

Zuzitah Abd Samad (2012), dalam kajiannya yang bertajuk ‘Penguasaan perkataan berimbuhan meN- dalam kalangan pelajar peralihan di SMK Dato’ Ibrahim Yaacob” telah melihat tahap penguasaan (penulisan) perkataan berimbuhan MeN- dalam kalangan pelajar peralihan. Seramai 54 orang pelajar peralihan telah dijadikan sampel kajian. Kesemua mereka berbangsa Cina dan India dan kebanyakannya mereka menghadapi masalah dalam menguasai bahasa Malaysia. Beliau telah membahagikan soalan kepada tiga bahagian untuk mendapatkan data iaitu soalan objektif dan berstruktur, soalan penulisan ayat berpandukan gambar dan soalan penulisan ayat berpandukan perkataan.

Hasil dapatan beliau menunjukkan sampel kajian menghadapi masalah dalam menguasai imbuhan *me-* dan *menge-*. Ini kerana kebanyakannya sampel kajian tidak memahami dan tidak mengetahui rumus penulisan imbuhan meN-. Selain itu, terdapat peningkatan kefahaman sampel kajian terhadap penguasaan imbuhan meN- setelah pelajar menjalani proses pengajaran dan pembelajaran ‘input’. Beliau juga melihat kepada faktor-faktor ekstralinguistik, iaitu didapati 1 daripada 10 faktor yang mempengaruhi markah ujian penguasaan imbuhan *meN-* adalah faktor jantina.

Kajian yang telah dilakukan oleh Zuzitah Abdul Samad (2012) dan Rubiah Hamzah (2013) ini amat berkait rapat dengan kajian yang diusahakan oleh pengkaji. Mereka telah menyentuh tentang penguasaan bahasa kedua oleh murid normal, tetapi pengkaji pula ingin melihat penguasaan bahasa kedua oleh murid pekak.

Seterusnya, kajian Tengku Nor Faizul (2006) yang bertajuk “Analisis Kesilapan Dalam Pembelajaran bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua di kalangan Pelajar-pelajar Cina” mendapati bahawa pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar-pelajar Cina menghadapi pelbagai kesulitan.

Beliau telah mengenal pasti 10 jenis kesilapan yang telah dilakukan oleh 30 orang pelajar Cina tingkatan 2. Antara kesilapan yang telah dikenal pasti ialah kesilapan struktur ayat, kesilapan penggunaan perkataan, kesilapan penggunaan imbuhan, kesilapan kata jamak, kesilapan ejaan, kesilapan tanda baca, kesilapan penjodoh bilangan, kesilapan kata sendi, kesilapan kata ganti nama diri dan kesilapan kata pemeri. Dapatkan daripada kajian ini membuktikan responden kajian beliau banyak melakukan kesalahan semasa menghasilkan karangan dalam bahasa Malaysia.

Berbanding kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana barat, mereka telah banyak menjalankan kajian berkaitan penguasaan bahasa penulisan. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya akan melihat secara sepintas lalu sahaja kajian di luar negara kerana pengkaji lebih memberi penekanan terhadap kajian penguasaan bahasa Malaysia (dalam negara). Antara kajian yang berkaitan yang telah dilaksanakan di luar negara adalah Rulkhairul (2006), Mardhlina (2006), Fox (1977), Bhatia (1974) dan Tsan Sui Huang (1974).

Rulkhairul (2006) telah membuat penyelidikan kesalahan penggunaan imbuhan terhadap karangan pelajar tingkatan dua di Maktab SOAS, Brunei. Hasil dapatan beliau mendapati bahawa 57 (32.5%) kesalahan imbuhan me(N), 31 (17.71%) kesalahan imbuhan di-, 9 (5.14%) kesalahan imbuhan te(R), 22 (12.57%) kesalahan imbuhan be(R), 9 (5.14%) kesalahan imbuhan se-, 2 (1.14%) kesalahan imbuhan pe(N),

36(20.57%) kesalahan imbuahan ke-, 8 (4.57%) kesalahan imbuhan pe(R) dan 1 (0.57%) kesalahan imbuhan -i.

Mardlina (2006) telah membuat penyelidikan kesalahan morfologi bagi Tingkatan Dua di Sekolah Pg. Dipa Negara dan Pg Jaya Sengkarai, Tutong di Brunei. Hasil kajian mendapati bahawa 34 pelajar atau 85% melakukan kesalahan imbuhan, 25 pelajar atau 62.5% melakukan kesalahan penggunaan kata depan, 4 pelajar atau 10% melakukan kesalahan kata asing, 7 pelajar atau 17.5% melakukan kesalahan kata ganda, 16 pelajar atau 40% melakukan kesalahan dengan menggunakan kata dialek dalam karangan, 13 pelajar atau 32.5% melakukan kesalahan kata hubung dan 18 pelajar atau 45% melakukan kesalahan dalam penggunaan kata ganti diri.

Sementara Fox (1977) telah membuat analisis kesalahan dalam perbendaharaan kata di kalangan 40 orang pelajar asing yang telah mengikuti kursus bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 42% kesalahan yang dilakukan adalah kesalahan penggunaan kata sendi nama, 18% kesalahan penggunaan imbuhan dan pembentukan kata, 9% kesalahan penggunaan pelengkap (*complement*), 7% kesalahan penggunaan perkataan dalam peribahasa dan 23% kesalahan perbendaharaan kata. Daripada hasil analisis ini menunjukkan bahawa kesalahan kata sendi nama adalah kesalahan yang paling serius diikuti oleh kesalahan perbendaharaan kata, kesalahan penggunaan imbuhan dan pembentukan kata, kesalahan penggunaan pelengkap (*complement*) dan kesalahan penggunaan perkataan dalam peribahasa.

Di India, Bhatia (1974) telah menganalisis karangan yang ditulis oleh penuntut-penuntut sebuah universiti di sana. Karangan yang ditulis di dalam bahasa Inggeris itu

berbentuk deskriptif dan naratif. Menurut kajian Analisis Kesalahan bentuk kata kerja, urutan kala dan ‘article’ merupakan aspek kesalahan yang tinggi kekerapannya di kalangan penuntut-penuntut berkenaan. Bentuk kesalahan-kesalahan tersebut meliputi 40% dan selebihnya ialah kesalahan yang disebabkan ketidakselarasan subjek dan kata kerja.

Selain itu, Tsan Sui Huang (1974) telah mengkaji kekerapan kesilapan bahasa yang dilakukan oleh murid Cina yang belajar bahasa Inggeris. Dapatkan kajian membuktikan bahawa 75% kesalahan yang dilakukan oleh contohan merupakan kesalahan penggunaan kata kerja, artikel, kata nama dan sendi nama. 80% kesalahan penggunaan kata kerja terletak pada aspek kala, bentuk dan kesesuaian antara sebjek dengan kata kerja. Kesalahan ini dilakukan daripada perbezaan struktur bahasa Inggeris dengan bahasa ibunda contohan.

2.5 Penutup

Tinjauan literatur yang dilakukan untuk meninjau pendapat pengkaji tentang hal-hal yang berkaitan dengan penguasaan bahasa murid pekak. Teori yang mendasari kajian ini ialah gabungan teori Analisis Kesilapan dan teori Monitor. Manakala kajian-kajian yang berhubungkait dengan pendidikan murid pekak dilihat dari sudut kajian umum tentang masalah pertbaharaan kata, aspek imbuhan dan lain-lain. Kesemua aspek dalam tinjauan literatur dijadikan sebagai panduan ketika menjalankan kajian. Pemadanan dapatkan kajian dan tinjauan literatur membolehkan setiap persoalan kajian terjurus berasaskan bukti-bukti yang kukuh.

Apa yang dapat diperkatakan daripada kajian-kajian yang disebutkan di atas ialah, murid pekak adalah lemah dalam akademik kerana masalah bahasa. Mereka

didapati menghadapi kesukaran dalam menguasai perbendaharaan kata, ejaan, imbuhan dan sebagainya. Namun, sistem pendidikan di Malaysia sangat menitik beratkan pencapaian akademik. Sekiranya murid pekak telah terbukti tertinggal jauh dalam semua aspek pembelajaran seperti mana yang dibuktikan melalui kajian-kajian, maka bagaimanakah kita mengharapkan mereka dapat mencapai keputusan yang sama dengan murid biasa yang lain sedangkan kertas peperiksaan mereka tidak berbeza walau senoktah pun.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Setelah meneliti, merancang dan memilih kaedah yang sesuai untuk mengkaji penguasaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid pekak, pengkaji dapat mengenal pasti item-item yang perlu dititikberatkan dalam kajian seperti reka bentuk kajian, instrumen kajian dan peraturan berkaitan dalam melakukan kajian sejajar dengan ojektif kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian direka untuk meninjau dan melihat tahap penguasaan tatabahasa iaitu imbuhan kata kerja dalam kalangan murid pekak sekolah kebangsaan. Pengkaji menggunakan kajian kes berbentuk kualitatif dan kuantitatif untuk memperoleh data kajian secara luas dan mendalam. Kajian kes memberi tumpuan terhadap sesuatu fenomena secara mendalam tanpa mengambil kira jumlah unit atau individu yang dikaji (McMillan dan Schumacher, 2006). Menurut Best dan Kahn (2009), satu unit yang dikaji mungkin terdiri daripada seorang individu, satu keluarga, satu kumpulan sosial, satu institusi sosial atau satu komuniti. Untuk kajian ini, unit yang dikaji merupakan satu kumpulan sosial, iaitu murid pekak Tahun 6 dari sebuah sekolah Pendidikan Khas dari Selangor.

Pengkaji menggunakan kajian kes kerana kajian jenis ini dapat digunakan untuk meneliti kaitan antara faktor-faktor yang mempengaruhi sesuatu keadaan. Oleh itu, kajian kes ini dapat digunakan untuk mengenal pasti kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh murid pekak serta faktor-faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua.

3.1.1 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini telah diubahsuai daripada kerangka teori kajian yang telah digunakan oleh Rubiah Hamzah (2013). Pengkaji telah menambah satu lagi teori, iaitu Teori Analisis Kesilapan oleh Pit Corder (1981) dan Dulay, Burt, Krashen (1982) dan seterusnya menggabungkan dengan teori asal iaitu Teori Monitor (Krashen, 1982). Pengubahsuai dilakukan kerana murid yang diuji adalah murid pekak dan memerlukan data yang mencukupi bagi menyokong kepada permasalahan penguasaan imbuhan kata kerja.

Teori pertama yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Monitor. Teori Monitor menyatakan sekiranya seseorang ingin menguasai dan mempelajari bahasa mereka perlu menjalani proses P&P (diberi input) (Krashen, 1982). Oleh itu, murid pekak perlu mengetahui dan memahami rumus dan hukum tatabahasa bahasa sasaran tersebut. Bagi membuktikan sama ada berlaku kefahaman atau tidakfahaman terhadap bahasa sasaran, maka murid pekak akan menjawab soalan ujian pertama (ujian pra), kemudian diberi input (proses pengajaran dan pembelajaran), dan akhirnya ujian yang sama diberi untuk kali kedua (ujian pasca). Semasa proses pembelajaran bahasa sasaran dilaksanakan, pemantauan terhadap faktor-faktor afektif seperti motif, persekitaran, keperluan, sikap dan keadaan emosi yang mempengaruhi kualiti pembelajaran bahasa kedua (Noor Aina Dani, 2007) juga turut diberi perhatian.

Teori kedua yang digunakan pula ialah teori Analisis kesilapan. Teori ini pada umumnya bertujuan untuk mengesan dan mengenal pasti masalah murid dalam proses pembelajaran bahasa kedua, iaitu bahasa Malaysia (Siti Farah, 2011). Kesilapan bahasa wujud apabila murid atau pengguna bahasa belum menguasai rumus-rumus tatabahasa yang dipelajarinya terutama belum menguasai imbuhan kata kerja. Justeru itu, teori

analisis kesilapan digunakan dalam kajian ini bagi mencungkil kesilapan-kesilapan penggunaan imbuhan kata kerja yang masih tidak dikuasai oleh murid pekak. Dalam kajian ini, murid pekak diberi soalan ujian imbuhan kata kerja awalan dan apitan yang sama sebanyak dua kali. Kesilapan imbuhan kata kerja dilihat dari aspek kesilapan penambahan imbuhan, kesilapan pengguguran imbuhan dan juga kesilapan pemilihan imbuhan. Perbandingan jumlah kesilapan sebelum dan selepas diberi input dilakukan bagi melihat jenis-jenis imbuhan kata kerja yang sudah dan masih belum dikuasai oleh murid pekak bagi kedua-dua kumpulan berlainan darjah kepekakan.

3.2 Sampel Kajian

Sampel dipilih berdasarkan persampelan bertujuan, iaitu secara kuasi eksperimental. Ini berdasarkan kepada pendapat Chua (2006) bahawa persampelan bertujuan (*purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan terdiri daripada sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan yang mana hanya murid pekak Tahun 6 dipilih kerana mereka telah didedahkan tentang aspek tatabahasa iaitu imbuhan kata kerja khususnya.

Menurut Noor Aina Dani (2000) di dalam Mohamad Zamri (2002), mengemukakan bahawa jumlah sampel yang dipilih hendaklah munasabah dan jika populasi sedikit, semua populasi boleh dipilih sebagai sampel. Oleh itu, 96% populasi yang bersesuaian telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Jumlah keseluruhan murid yang menjadi sampel kajian ialah seramai 26 orang. Kajian ini adalah kajian berbentuk kes, maka jumlah subjek kajian adalah mencukupi dan meliputi lima kelas. Tiga kelas iaitu 6K1, 6K2 dan 6S2 merupakan murid pekak tahun 6 yang mengalami darjah kepekakan 70dB hingga 90dB, manakala dua kelas lagi iaitu 6S1 dan 6M2 adalah terdiri

daripada murid pekak tahun 6 yang mengalami darjah kepekakan sebanyak 90dB dan ke atas. Pengkategorian ini dilakukan berdasarkan borang maklumat yang diperolehi dan dikategorikan darjah kepekakan berdasarkan *Encyclopedia of Special Education* (1987). Oleh itu, pengkaji mengambil 26 daripada 27 orang murid sebagai subjek kajian mengikut pengkategorian darjah kepekakan. Pengkaji tidak memilih seorang lagi murid pekak tersebut kerana berkemampuan untuk mendengar (masih mempunyai sisa pendengaran). Tahap penguasaan bahasa para murid juga akan ditetapkan mengikut tiga kategori. Tiga kategori tersebut adalah seperti berikut iaitu (dalam Zuzitah Abd Samad, 2012) :

Peratus	Kategori
80– 100%	Cemerlang
40– 79%	Sederhana
1 – 39%	Lemah

Jadual 3.1: Pengkategorian Nilai Peratusan

3.2.1 Lokasi Kajian

Lokasi kajian lapangan yang dijalankan dalam kajian ini ialah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas di negeri Selangor khusus untuk murid bermasalah pendengaran.

3.2 Pengumpulan Data

Kajian ini hanya menggunakan pengumpulan data primer. Data primer adalah merujuk kepada data yang dikumpulkan sendiri oleh pengkaji menerusi soalan ujian murid

pekkak, set soal selidik murid pekkak dan borang temubual guru. Adapun data primer dalam kajian ini ialah instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

3.3.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji terdiri daripada 23 item bagi soalan ujian (rujuk lampiran 6), 18 item bagi borang soal selidik (rujuk lampiran 7), 9 item bagi borang pemerhatian (rujuk lampiran 8) dan 9 item bagi borang temu bual murid (rujuk lampiran 9). Penerangan bagi setiap instrumen adalah seperti berikut:

3.3.1.1 Ujian

Ujian berbentuk soalan objektif dan soalan berstruktur disediakan untuk murid pekkak Tahun 6 semasa kajian sebenar dijalankan (rujuk lampiran 6). Ujian-ujian tersebut merangkumi ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca) tahap penguasaan bahasa Malaysia, iaitu berkaitan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja berdasarkan sukanan mata pelajaran bahasa Malaysia Tahun 6 (KSSR). Soalan kajian sebenar, iaitu soalan ujian yang diwakili soalan objektif dan struktur ini dibina berdasarkan buku-buku latihan dan buku latihan pengukuhan murid pekkak Tahun 6 yang dipinjamkan oleh salah seorang guru bahasa Malaysia Tahun 6.

Selain itu, soalan yang dibina oleh pengkaji atas perbincangan bersama guru bahasa Malaysia yang memberikan tunjuk ajar dan panduan agar soalan yang dibina bertepatan dengan tahap murid pekkak Tahun 6 di samping dapat mencapai matlamat kajian pengkaji. Misalnya, guru-guru tersebut juga memberi saranan lain kepada pengkaji cara membuat soalan ujian seperti menjarak jauh antara soalan pertama dengan soalan seterusnya (jangan rapatkan) kerana murid pekkak mudah keliru. Hal ini berikutan murid pekkak akan membaca sesuatu ayat sekali dengan nombor soalan.

Sebaiknya soalan yang dibentuk adalah antara 3 hingga 4 soalan dalam satu muka surat seperti dalam format peperiksaan UPSR. Di samping itu, pengkaji turut menggunakan tatabahasa dewan sebagai panduan mengenai rumus imbuhan kata kerja agar lebih mengetahui dan memahami mengenai kata kerja berimbuhan.

Selain itu, kajian ini hanya terbatas kepada kajian imbuhan awalan dan apitan kata kerja bahasa Malaysia. Pengkaji hanya memilih 14 jenis imbuhan, iaitu 8 imbuhan awalan dan 6 imbuhan apitan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.2: Jenis Imbuhan Awalan dan Apitan Kata Kerja

Imbuhan Awalan Kata Kerja	Imbuhan Apitan Kata Kerja
ber-	ber-...-an
ter-	ber-..-kan
di-	ke-..-an
men-	men-..i
mem-	memper-..-i
me-	memper-..-kan
meng-	
memper-	

Soalan ujian, iaitu yang dikategorikan sebagai soalan berbentuk objektif dan berstruktur mempunyai dua bahagian utama. Bahagian-bahagian tersebut bermula pada aras rendah sehingga aras tinggi yang bertujuan untuk menguji pemahaman dan kecekapan murid mengenai imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja. Bahagian A, iaitu bahagian pertama soalan mewakili soalan aras rendah. Murid pekak dikehendaki mengenal pasti

kata kerja yang tepat yang terdapat pada jawapan objektif yang telah disediakan oleh pengkaji dan bulatkan kata kerja tersebut. Setelah itu, pada bahagian B, iaitu bahagian kedua pula mewakili soalan pada aras tinggi. Hal ini disebabkan, murid pekak diuji untuk memberikan imbuhan awalan kata kerja atau imbuhan apitan kata kerja berdasarkan perkataan (kata dasar) yang diberikan. Pada aras ini, murid pekak seharusnya mempunyai pengetahuan atau input rumus tatabahasa bahasa Malaysia mengenai imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja agar mudah untuk menjawab soalan yang diberikan. Pada aras soalan sukar ini, pengkaji menguji kecekapan dan pemahaman tatabahasa bahasa Malaysia khususnya perkataan kata kerja berimbuhan dan masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan ujian adalah selama 1 jam.

3.3.1.2 Borang Soal Selidik

Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya (Mohd Majid Konting, 2005). Selain itu, soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk kajian kes. Oleh itu, pengkaji telah menyediakan borang soal selidik (rujuk lampiran 8). Borang soal selidik yang dikemukakan kepada murid pekak Tahun 6 terbahagi kepada dua bahagian, iaitu A dan B. Namun, pengkaji hanya memfokuskan kepada faktor-faktor ekstralinguistik sahaja, iaitu dalam bahagian A. Penggunaan soal selidik dalam kajian ini boleh meningkatkan lagi ketepatan dan kebenaran gerak balas subjek kajian terhadap rangsangan soalan yang diberi (Mohd Hanafi, 2005).

Instrumen soal selidik ini telah dirujuk dan diubahsuai berdasarkan soal selidik dua kajian yang dijalankan oleh Rubiah Hamzah (2013) dan Zuzitah Abd Samad (2012). Ia mengandungi 18 item, iaitu bahagian A mengandungi 10 item dan bahagian

B mengandungi 8 item ini telah ditambah sendiri oleh pengkaji. Contohnya, bagi bahagian A, item 1 adalah soalan mengenai jantina murid pekak. Maklumat ini berguna kepada pengkaji kerana dapat membuat pengelompokan murid pekak kepada beberapa bahagian. Bagi 17 item lagi adalah berbentuk soalan terbuka dan tertutup. Bagi soalan tertutup, murid pekak diminta membaca, memahami dan kemudian memilih jawapan yang relevan dengan cara menanda (/) sahaja di ruang jawapan yang telah disediakan iaitu Ya atau Tidak. Manakala bagi soalan terbuka pula, murid pekak perlu memberikan jawapan mereka sendiri.

3.3.1.3 Borang Pemerhatian

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta. Berdasarkan pembahagian pemerhatian, pengkaji memilih kaedah pemerhatian tidak turut serta. Menurut Mohd Majid Konting (2005), pemerhatian tidak turut serta menghendaki pengkaji berada di luar unit sosial dan memerhatikan tingkah laku. Pengkaji berfungsi sebagai pemerhati tanpa mencampuri tingkah laku unit sosial. Hal ini bermakna, pengkaji hanya bertindak sebagai pemerhati, pendengar dan perekod tingkah laku. Menurutnya lagi, maklumat yang dikumpul menggunakan kaedah ini lebih dipercayai kerana maklumat yang diperoleh kurang dipengaruhi oleh reaksi subjek dan perasaan simpati pengkaji.

Semasa menggunakan kaedah pemerhatian tidak turut serta, pengkaji masuk ke kelas yang telah dikenal pasti untuk menjalankan kajian. Pengkaji menggunakan borang pemerhatian (rujuk lampiran 8) bagi memerhatikan gelagat atau tingkah laku subjek kajian semasa di dalam kelas, iaitu semasa subjek kajian dalam proses diberi input.

Sebelum itu, pengkaji menemui guru-guru yang mengajar subjek bahasa Malaysia kelas murid pekak Tahun 6 untuk mendapatkan senarai nama murid dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Pengkaji juga membincangkan tatacara kajian dan mendapatkan kerjasama daripada guru-guru untuk membantu pengkaji menjalankan kajian. Pengkaji menggunakan waktu pembelajaran bahasa Malaysia sahaja. Perkara ini perlu dilakukan kerana tidak mahu mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) mata pelajaran lain. Setelah mengenal pasti waktu yang bersesuaian, pengkaji masuk ke kelas murid pekak untuk mengenali murid-murid pekak dengan lebih dekat

3.3.1.4 Temubual Murid Pekak dan Guru

Menurut Patton (1990) dalam Sakinah (2015), temubual adalah kerana pengkaji ingin mengetahui apa yang terdapat dalam minda seseorang, beliau mengatakan:

“We interview people to find out from them those things we cannot directly observe... We cannot observe feeling, thoughts, and intentions. We cannot observe behaviours that took place at some previous point in time. We cannot observe situations that preclude the presence of an observer. We cannot observe how people have organized the world and the meanings they attach to what goes in the world. We have to ask people question about those things. The purpose of interviewing, then, is to allow us enter into the other person’s perspective” (hal.196)

Othman (2009) dalam Sakinah (2015) berpendapat temu bual perlu apabila kita tidak boleh memerhatikan perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka, juga apabila kita berminat untuk mengetahui peristiwa lalu yang sukar untuk ditiru semula... bentuk temu bual akan ditentukan oleh soalan kajian dan perkembangan kajian.

Dalam kajian ini, temubual ini bertujuan untuk mengetahui persepsi oleh murid pekak terhadap pembelajaran morfologi bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dan guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Malaysia kepada murid pekak Tahun 6. Data ini juga penting untuk menyumbang kepada kajian kerana gurulah yang mengajar murid tentang pembelajaran dan pendapat guru mestilah juga dititikberatkan dalam apa jua tindakan penambahbaikan yang berlaku di sekolah. Oleh itu, inisiatif ini di ambil supaya kajian ini dapat menentangkan persepsi murid pekak dan juga apakah masalah dan pendapat guru terhadap kaedah pembelajaran yang sedia ada dan pandangan mereka terhadap pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua kepada murid pekak.

3.3.2 Prosedur Kajian

Kajian sebenar telah dilakukan di SKPKS iaitu selama dua bulan berdasarkan waktu dan hari yang telah ditetapkan oleh guru bahasa Malaysia tahun 6. Hal ini disebabkan, guru bahasa Malaysia tahun 6 memerlukan masa yang mencukupi untuk menyelesaikan sukanan pelajaran yang telah digariskan untuk sampel kajian. Justeru, pengkaji memulakan kajian sebenar selepas pengkaji mendapat kebenaran daripada pihak sekolah untuk menjalankan kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor. Setelah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah, selama 5 hari pengkaji berulang alik ke sekolah untuk bertemu dengan guru-guru bahasa Malaysia Tahun 6. Pengkaji menerangkan tujuan dan skop ujian yang dijalankan. Setelah itu, guru-guru bahasa Malaysia Tahun 6 memberikan bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar bagi memudahkan pengkaji mencapai objektif. Di samping itu, pengkaji turut melakukan pemerhatian dan tinjauan di sekitar sekolah seperti pejabat sekolah, bilik guru dan kedudukan kelas tahun 6 sebagai bukti kaedah tinjauan telah dilakukan.

Seterusnya, pengkaji mula menjalankan ujian pertama (ujian pra) terhadap subjek kajian atas bimbingan guru-guru bahasa Malaysia Tahun 6. Kemudian, subjek kajian diberi input melalui proses pengajaran dan pembelajaran serta latih tubi bersama guru berkenaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan selama sebulan setengah, iaitu sebanyak 2 kali sesi atau jumlahnya selama 6 jam. Sesi pertama, subjek kajian di ajar imbuhan awalan kata kerja dan sesi seterusnya, subjek kajian di ajar imbuhan apitan kata kerja. Di sini, pengkaji menghadapi masalah kerana terdapat dua orang subjek kajian yang tidak hadir ke sekolah, maka pengkaji perlu menunggu semua murid hadir bagi menjayakan sesi proses memberi input.

Setelah proses menerima input, pengkaji meneruskan kajian dengan memberikan ujian kedua (ujian pasca) terhadap sampel kajian. Ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca) dijalankan selama satu jam. Kemudian, pengkaji mengumpul maklumat berkaitan kajian dan melengkapkan dokumen berkenaan sampel kajian dan tajuk kajian bersama guru bahasa Malaysia tahun 6. Kesimpulannya, pengkaji mengambil masa 4 bulan untuk proses pengumpulan data terhadap murid pekak tahun 6 berkaitan tahap penguasaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja.

3.4 Kaedah Pengiraan

Kaedah pengiraan peratus kesilapan penggunaan imbuhan kata kerja adalah seperti berikut:

Kaedah pengiraan

Jumlah Soalan

bagi setiap jenis Imbuhan:

JumlahMuridPekak x JumlahSoalanUjianSetiapJenisImbuhan

Contoh: Imbuhan Awalan ber- = $(15 \times 3 = 45)$

Imbuhan Awalan ter- = $(15 \times 2 = 30)$

Kaedah pengiraan
Peratus Kesilapan
bagi setiap jenis Imbuhan :

$$\frac{\text{JumlahKesalahan}}{\text{JumlahItem}} \times 100$$

Contoh : Imbuhan Awalan ber- = $(24 \div 45 \times 100 = 53\%)$

Imbuhan Awalan ter - = $(20 \div 30 \times 100 = 67\%)$

Kaedah pengiraan Purata TDM ialah:

$$\frac{\text{JumlahPeratusKesilapan}}{\text{JumlahImbuhanAwalan}}$$

Purata TDM Ujian Pra: $(53\% + 67\% + 47\% + 77\% + 64\% + 77\% + 33\% + 87\% \div 8 = 63\%)$

3.5 Penganalisisan Data

Sebelum pengkaji menjelaskan lebih lanjut mengenai kaedah penganalisisan data, jadual 3.3 menunjukkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan persoalan kajian.

Jadual 3.3: Jadual Metodologi Berdasarkan Persoalan Kajian

PERSOALAN KAJIAN	METODOLOGI
1. Apakah perbezaan kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia?	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian • Data dianalisis berdasarkan teori Monitor (Krashen, 1982) dan Analisis Kesilapan (Pit Corder, 1981; Dulay, Burt dan Krashen, 1982)
2. Bagaimanakah kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia yang telah dilakukan oleh murid pekak Tahun 6 dapat diklasifikasikan?	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian • Data dianalisis
3. Adakah perbezaan darjah kepekakan mempengaruhi penguasaan imbuhan awalan kata	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian • Data dianalisis

kerja dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia?	berdasarkan keputusan Purata Tidak Menguasai (TPM)
4. Apakah faktor-faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia?	<ul style="list-style-type: none"> • Soal selidik • Temu bual • Pemerhatian

Berdasarkan jadual 3.3 di atas, prosedur penganalisisan data adalah berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini menggunakan tiga kaedah analisis data.

i. Analisis Soalan Ujian

Kaedah analisis ujian pra dan ujian pasca subjek kajian bagi kedua-dua kumpulan dilakukan secara manual berdasarkan teori Monitor dan teori Analisis Kesilapan. Contoh cara pengiraan ada ditunjukkan di 3.4. Ujian dijalankan ke atas kedua-dua kumpulan murid pekak bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan kefahaman imbuhan awalan dan apitan kata kerja antara kedua kumpulan sebelum dan selepas diberi input dan juga mengenalpasti jenis-jenis imbuhan yang masih tidak dikuasai. Justeru, penganalisisan dengan menggunakan kedua-dua teori adalah relevan di dalam kajian ini.

ii. Analisis Soal Selidik

Seterusnya, soal selidik subjek kajian dianalisis secara manual, iaitu dimasukkan ke dalam bentuk senarai semak. Kemudian data dipamerkan ke dalam bentuk carta pai dan dianalisis secara deskriptif.

iii. Analisis Temu bual Guru dan Murid Pekak

Temu bual pula dianalisis menggunakan deskriptif (huraian) berbentuk kualitatif.

iv. Analisis Pemerhatian

Pemerhatian dihuraikan secara deskriptif bagi menyokong analisis faktor-faktor ekstralinguistik.

3.6 Penutup

Kesimpulannya, bab tiga membincangkan metodologi kajian yang digunakan. Antaranya meliputi reka bentuk kajian, kaedah kepustakaan, kaedah kajian, instrumen kajian yang digunakan, teori yang digunakan oleh pengkaji, iaitu gabungan teori Analisis Kesilapan dan teori Monitor.

Selain itu, pengkaji turut menerangkan prosedur kajian yang digunakan dalam kajian ini. Prosedur-prosedur yang telah dirancang dalam bab ini juga adalah bagi memudahkan proses kajian dijalankan serta memudahkan bagi menganalisis data. Ia juga akan dapat membantu penulisan dalam membuat rumusan dan perbincangan yang akan dihuraikan pada bab berikutnya.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab empat merupakan perbincangan mengenai hasil dapatan kajian yang menjawab kepada persoalan kajian pertama, kedua dan ketiga. Fokus perbincangan data kajian adalah melihat kekerapan kesilapan penggunaan kata kerja bahasa Malaysia yang telah dilakukan oleh seramai 15 orang murid pekak (70dB - 90dB) dan 11 orang murid pekak (90dB dan lebih) dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor.

Selepas itu, berdasarkan kekerapan kesilapan, pengkaji mengklasifikasikan kesilapan bahasa Malaysia yang masih dilakukan oleh subjek kajian di dalam ujian kedua (ujian pasca), iaitu selepas proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dilaksanakan. Soalan ujian dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A untuk soalan berbentuk objektif dan bahagian B untuk soalan berbentuk struktur (rujuk lampiran 6). Soalan ujian yang diberi adalah meliputi imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja. Imbuhan kata kerja ini terbahagi kepada 8 jenis imbuhan awalan kata kerja dan 6 jenis imbuhan apitan kata kerja (rujuk juga sebaran item di lampiran 13).

Jadual 4.1: Jenis Imbuhan Awalan Kata Kerja dan Apitan Kata Kerja

Imbuhan Awalan Kata Kerja	Imbuhan Apitan Kata Kerja
ber-	ber---an
ter-	ber---kan
di-	ke---an

men-	men-..i
mem-	memper-..-i
me-	memper-..-kan
meng-	
memper-	

Akhir sekali, pengkaji juga membuat perbandingan antara dua kumpulan murid pekak yang mempunyai darjah kepekakan yang berbeza bagi melihat sama ada darjah kepekakan antara dua kumpulan ini mempengaruhi tahap penguasaan imbuhan kata kerja atau tidak.

4.1 Kesilapan Penggunaan Imbuhan

4.1.1 Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan Kata Kerja

Kaedah pengiraan telah diterangkan di dalam bab metodologi. Bahagian ini menjawab persoalan kajian pertama dan kedua seperti berikut:

1. Apakah perbezaan antara kekerapan kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia dalam penulisan?

2. Bagaimanakah kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia yang telah dilakukan oleh murid pekak Tahun 6 dapat diklasifikasikan?

4.1.1.1 Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan Kata Kerja Murid

Pekak (70dB -90dB)

Jadual 4.2:Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan Kata Kerja oleh 15 orang Murid

Pekak (70dB -90dB) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Bil.	Imbuhan Awalan Kata Kerja	Jumlah Soalan	Ujian Pra		Ujian Pasca	
			Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)
1.	ber-	45	24	53.00	10	22.00
2.	ter-	30	20	67.00	8	27.00
3.	di-	15	7	47.00	4	27.00
4.	me-	30	23	77.00	9	30.00
5.	men-	45	29	64.00	10	22.00
6.	meng-	30	23	77.00	21	70.00
7.	mem-	15	5	33.00	2	13.00
8.	memper-	15	13	87.00	12	80.00
Purata TDM				63.00		36.00

Rujukan:

Bil : Bilangan

TDM : Tidak Dapat Menguasai

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah kesalahan dan peratus kesilapan penggunaan imbuhan awalan kata kerja oleh kumpulan murid pekak (70dB-90dB) bagi ujian pertama (ujian

pra) dan ujian kedua (ujian pasca). Tujuan penganalisisan data ini dijalankan untuk melihat penguasaan imbuhan awalan kata kerja oleh murid pekak (70dB-90dB).

Di dalam ujian pertama (ujian pra), didapati subjek kajian hanya menguasai imbuhan kata kerja awalan pada tahap memuaskan, iaitu bagi imbuhan kata kerja awalan *mem* 33.00 peratus (5 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *di-* 47.00 peratus (7 jumlah salah). Kesilapan yang dilakukan tidak melebihi 50.00 peratus menunjukkan subjek kajian dapat memahami struktur dan penggunaan kata kerja awalan *di-* dan *mem-* dengan baik.

Selain itu, dari ujian pertama (ujian pra) turut memperlihat jumlah kesalahan dan peratusan kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian dalam menjawab soalan yang diberikan. Justeru, pengkaji mendapati terdapat subjek kajian yang tidak dapat menguasai aspek imbuhan kata kerja awalan dengan baik, iaitu imbuhan kata kerja awalan *ber-* 53.00 peratus (24 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *ter-* 67.00 peratus (20 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *me-* 77.00 peratus (23 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *men-* 64.00 peratus (29 jumlah salah). Imbuhan kata kerja awalan *meng-* 77.00 peratus (23 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *memper-* 87.00 peratus (13 jumlah salah).

Seterusnya, selepas pelaksanaan penerimaan input selama 2 kali sesi atau 6 jam, didapati hasil dapatan bagi ujian kedua (ujian pasca) menunjukkan hampir kesemua subjek kajian menunjukkan peningkatan kefahaman yang sedikit bagi imbuhan kata kerja awalan *meng-* 70.00 peratus (21 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *memper-* 80 peratus (12 jumlah salah). Namun, kesilapan ini menunjukkan tahap penguasaan yang masih lemah dan diklasifikasikan kebanyakan subjek kajian ini masih

kabur tentang kedua-dua fungsi imbuhan tersebut walaupun telah diberi penerangan dan contoh oleh guru. Antara kesilapan yang telah dikenalpasti yang masih dilakukan oleh subjek kajian selepas menerima input, misalnya perkataan ‘*memper+dalam=memperdalam*’ dengan betul. Hal ini berlaku kerana mereka terkeliru dengan pilihan jawapan dalam soalan objektif, iaitu di antara imbuhan awalan *memper-* dengan imbuhan awalan *men-* dan imbuhan awalan *men---i*. Kebanyakan subjek kajian memilih jawapan imbuhan awalan *men-*, sedangkan jawapan sebenarnya ialah imbuhan awalan *memper-*. Perkara ini membuktikan bahawa subjek kajian masih keliru dan belum menguasai sepenuhnya rumus imbuhan *me-*. Perkara ini berlaku kerana subjek kajian kurang terdedah (tidak selalu menggunakan) perkataan ini, sama ada dari segi bacaan, pertuturan dan penulisan.

Manakala bagi peratus kesilapan imbuhan-imbuhan kata kerja awalan lain, iaitu imbuhan kata kerja awalan *ber-* 22.00 peratus (10 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *ter-* 27.00 peratus (8 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *di-* 27.00 peratus (4 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *me-* 30.00 peratus (9 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *mem-* 13.00 peratus (2 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *men-* 22.00 peratus (10 jumlah salah) menunjukkan tahap penguasaan yang amat baik dan diklasifikasikan subjek kajian ini memahami fungsi imbuhan kata kerja awalan dengan baik selepas diberikan input.

Secara keseluruhannya, dilihat perbandingan antara kedua-dua ujian yang telah dijawab oleh subjek kajian menunjukkan berlaku penurunan peratus kesilapan dan jumlah kesalahan terhadap semua jenis imbuhan kata kerja awalan selepas subjek kajian diberi input. Hal ini menunjukkan hampir kesemua subjek kajian tidak mengalami

masalah dalam menguasai imbuhan kata kerja awalan kecuali imbuhan awalan kata kerja *meng-* dan *memper-*

4.1.1.2 Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Awalan Murid

Pekak (90dB dan Ke atas)

Jadual 4.3: Kesilapan Penggunaan Imbuhan Awalan Kata Kerja oleh **11 Orang Murid**

Pekak (90dB dan ke atas) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Bil.	Imbuhan Awalan Kata Kerja	Jumlah Soalan	Ujian Pra		Ujian Pasca	
			Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)
1.	ber-	33	24	73.00	14	42.00
2.	ter-	22	20	91.00	14	64.00
3.	di-	11	9	82.00	3	27.00
4.	me-	22	21	95.00	16	73.00
5.	men-	33	27	82.00	23	70.00
6.	meng-	22	22	100.00	18	82.00
7.	mem-	11	5	45.00	9	82.00
8.	memper-	11	8	73.00	11	100.00
Purata TDM				80.00		68.00

Rujukan:

Bil : Bilangan

TDM : Tidak Dapat Menguasai

Jadual 4.3 menunjukkan jumlah dan peratus kesilapan penggunaan imbuhan awalan kata kerja oleh murid pekak yang mengalami darjah kepekakan sebanyak 90dB dan ke atas bagi ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca). Tujuan penganalisisan data ini dijalankan untuk melihat kekerapan kesilapan penggunaan kata kerja awalan oleh murid pekak (90dB dan ke atas).

Hasil kajian bagi ujian pertama (ujian pra), didapati bahawa subjek kajian hanya menguasai imbuhan kata kerja awalan pada tahap memuaskan, iaitu hanya bagi imbuhan kata kerja awalan *mem* 45.00 peratus (5 jumlah salah). Kesilapan yang dilakukan tidak melebihi 50.00 peratus menunjukkan subjek kajian dapat memahami struktur dan penggunaan kata kerja awalan *mem-* dengan baik.

Selain itu, berdasarkan data kajian ujian pertama (ujian pra) yang diperoleh turut memperlihat jumlah kesalahan dan peratusan kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian dalam menjawab soalan yang diberikan. Justeru, pengkaji mendapati bahawa subjek kajian yang tidak dapat menguasai aspek imbuhan kata kerja awalan dengan baik, iaitu imbuhan kata kerja awalan *ber-* 73.00 peratus (24 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *ter-* 91.00 peratus (20 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *di-* 82.00 peratus (9 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *me-* 95.00 peratus (21 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *men-* 82.00 peratus (27 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *meng-* 100.00 peratus (22 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *memper-* 73.00 peratus (8 jumlah salah).

Seterusnya, selepas pelaksanaan proses (P&P), hasil keputusan ujian kedua (ujian pasca) memperlihat hampir kesemua subjek kajian hanya dapat menguasai imbuhan kata kerja awalan *ber-* 42.00 peratus (14 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *di-* 27.00 peratus (3 jumlah salah) pada tahap yang memuaskan dan baik. Manakala bagi imbuhan kata kerja awalan yang lain memperlihat tahap penguasaan masih berada pada tahap yang sangat lemah. Antaranya ialah bagi imbuhan kata kerja awalan *ter-* 64.00 peratus (14 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *me-* 73.00 peratus (16 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *men-* 70.00 peratus (23 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *meng-* 82.00 peratus (18 jumlah salah), imbuhan kata kerja awalan *mem-* 82.00 (9 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja awalan *memper-* 100.00 peratus (11 jumlah salah).

Hal ini diklasifikasikan sebagai subjek kajian masih tidak memahami fungsi imbuhan kata kerja awalan dengan baik walaupun telah diberikan input. Misalnya, subjek kajian juga masih melakukan kesilapan semasa menyesuaikan imbuhan awalan kata kerja yang bervariasi seperti imbuhan awalan *men-* kerana sering terkeliru antara satu sama lain. *Mencari* menjadi *mecari* atau *memcari*, *merawat* menjadi *menrawat* atau *jerawat* atau *rawatkan*.

Seterusnya, sekiranya dilihat secara perbandingan antara kedua-dua ujian ke atas subjek kajian, didapati berlaku sedikit penurunan peratus kesilapan dan jumlah kesalahan terhadap 6 jenis imbuhan kata kerja awalan selepas subjek kajian diberi input. Namun sebaliknya berlaku kepada kedua-dua imbuhan kata kerja awalan *mem-* dan *memper-*, iaitu peratus kesilapan dan jumlah kesalahan meningkat daripada 45.00 peratus (5 jumlah salah) kepada 82.00 peratus (9 jumlah salah) bagi imbuhan kata kerja awalan *mem-* dan daripada 73.00 peratus (8 jumlah salah) kepada 100.00 peratus (11

jumlah salah) bagi imbuhan kata kerja awalan *memper-*. Berdasarkan perbincangan bersama guru bahasa Malaysia mereka, diklasifikasikan sebagai subjek kajian berkemungkinan keliru selepas diberi penerangan oleh guru, iaitu sebelum menjawab soalan ujian kedua (ujian pasca). Hal ini berikutan, berdasarkan kertas ujian, didapati pada ujian pertama, terdapat subjek kajian memberi jawapan yang betul, akan tetapi selepas proses penerimaan input, didapati subjek kajian tersebut memberi jawapan yang salah di dalam kertas ujian kedua. Dan juga jenis latih tubi yang diberikan adalah tidak bersesuaian untuk mereka berikutan faktor darjah kepekakan yang dialami.

4.1.1.3 Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Apitan Murid

Pekak (70dB-90dB)

Jadual 4.4 memaparkan jumlah kesalahan dan peratus kesilapan penggunaan imbuhan apitan kata kerja oleh murid pekak (70dB-90dB) bagi ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca). Tujuan penganalisisan data ini dijalankan untuk melihat kekerapan kesilapan penggunaan kata kerja apitan oleh murid pekak (70dB-90dB). Oleh itu, berdasarkan data kajian yang diperoleh pengkaji mendapati subjek kajian mengalami masalah penguasaan imbuhan kata kerja apitan kata kerja dan berada hanya pada tahap memuaskan walaupun input telah diberi selepas pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Jadual 4.4: Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Apitan Kata Kerja oleh **15**

Orang Murid Pekak (70dB-90dB) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Bil.	Imbuhan Apitan Kata Kerja	Jumlah Soalan	Ujian Pra		Ujian Pasca	
			Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)
1.	ber-..-kan	30	19	63.00	22	73.00
2.	ber-...-an	15	9	60.00	5	33.00
3.	ke-..-an	30	18	60.00	16	53.00
4.	men-..-i	15	12	80.00	4	27.00
5.	memper-..-i	15	6	40.00	6	40.00
6.	memper-..-kan	15	5	33.00	6	40.00
Purata TDM				56.00		44.00

Rujukan:

Bil : Bilangan

TDM : Tidak Dapat Menguasai

Hasil kajian bagi ujian pertama (ujian pra), didapati subjek kajian menguasai imbuhan kata kerja apitan pada tahap yang memuaskan, iaitu bagi imbuhan kata kerja apitan *memper-..-i* 40.00 peratus (6 jumlah kesalahan) dan imbuhan kata kerja apitan *memper-..-kan* 33.00 peratus (5 jumlah salah). Kesilapan yang dilakukan tidak melebihi 50.00

peratus menunjukkan subjek kajian dapat memahami struktur dan penggunaan kata kerja apitan *memper-..-i* dan *memper-..-kan* dengan baik.

Namun begitu, berdasarkan data, subjek kajian dilihat tidak dapat menguasai empat jenis imbuhan kata kerja apitan dengan baik, iaitu imbuhan kata kerja apitan *ber-..-kan* 63.00 peratus (19 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *ber-..-an* 60.00 peratus (9 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *ke-..-an* 60.00 peratus (18 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja apitan *men-..-i* 80.00 peratus (12 jumlah salah).

Seterusnya, bagi hasil kajian bagi ujian kedua (ujian pasca) pula, didapati subjek kajian masih tidak menguasai imbuhan kata kerja apitan *ber-..-kan* 73.00 peratus (22 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja apitan *ke-..-an* 53 peratus (16 jumlah salah). Justeru, subjek kajian ini diklasifikasikan masih kabur dan keliru tentang fungsi imbuhan tersebut walaupun telah diberi penerangan dan contoh oleh guru. Berkemungkinan juga adalah kerana tempoh latih tubi yang diberikan adalah tidak mencukupi. Berdasarkan jawapan yang telah dikemukakan dalam kertas ujian, kebanyakan subjek kajian masih melakukan kesalahan, misalnya imbuhan apitan *ber-..-kan*. Subjek kajian dilihat masih tidak memahami maksud *bertilamkan rumput*. Hal ini kerana perkataan tersebut adalah perkataan abstrak. Blair (1957) dan Myklebust dan Brutten (1953), sebagaimana yang dipetik oleh Clair (1991) menyatakan bahawa individu pekak kurang berupaya dalam pemikiran abstrak.

Manakala bagi peratus kesilapan imbuhan-imbuhan kata kerja apitan lain, iaitu imbuhan kata kerja apitan *ber-..-an* 33.00 peratus (5 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja apitan *men-..-i* 27.00 peratus (4 jumlah salah) menunjukkan tahap penguasaan

yang amat baik dan diklasifikasikan subjek kajian ini memahami fungsi imbuhan kata kerja awalan dengan baik selepas telah diberikan input.

Tambahan lagi, peratus kesilapan bagi imbuhan kata kerja apitan *memper-..-i* 40.00 peratus (6 jumlah salah) tidak mengalami sebarang perubahan selepas diberi input. Berdasarkan data, hal ini terjadi kerana terdapat subjek kajian yang telah menjawab betul di dalam soalan ujian pertama (ujian pra), namun telah menjawab salah semasa di dalam soalan ujian kedua (ujian pasca). Diklasifikasikan subjek kajian tersebut telah mengalami kekeliruan selepas diberi penerangan oleh guru mereka. Dan hal ini sebaliknya berlaku kepada subjek kajian yang telah menjawab salah di dalam ujian pertama (ujian pra), tetapi telah menjawab betul di dalam ujian kedua (ujian pasca).

Berdasarkan jadual 4.4 juga, sekiranya dilihat secara perbandingan antara kedua-dua ujian oleh subjek kajian, didapati berlaku penurunan peratus kesilapan dan jumlah salah hanya terhadap 3 jenis imbuhan kata kerja apitan selepas subjek kajian diberi input. Antaranya ialah peratus kesilapan dan jumlah salah bagi imbuhan kata kerja apitan *ber-..-an* menurun daripada 60.00 peratus (9 jumlah salah) kepada 33.00 peratus (5 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *ke-..-an* menurun daripada 60.00 peratus (18 jumlah salah) kepada 53.00 peratus (16 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja apitan *men-..-i* menurun daripada 80.00 peratus (12 jumlah salah) kepada 27.00 peratus (4 jumlah salah).

Sebaliknya berlaku kepada imbuhan kata kerja apitan *ber-..-kan* dan *memper-..-kan*, iaitu berlaku peningkatan peratus kesilapan dan jumlah kesalahan dan sangat perlu diambil perhatian. Hal ini kerana peratus kesilapan dan jumlah kesalahan imbuhan kata

kerja apitan *ber-..-kan* meningkat daripada 63.00 peratus (19 jumlah salah) kepada 73.00 peratus (22 jumlah salah) dan imbuhan kata kerja apitan *memper-..-kan* meningkat daripada 33.00 peratus (5 jumlah salah) kepada 40.00 peratus (6 jumlah salah). Berdasarkan perbincangan bersama guru bahasa Malaysia mereka, diklasifikasikan sebagai subjek kajian masih tidak dapat menguasai dan memahami rumus penulisan perkataan selepas diberi penerangan oleh guru sebelum menjawab soalan ujian kedua (ujian pasca).

4.1.1.4 Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja Apitan Murid Pekak (90dB dan Ke Atas)

Jadual 4.5 memaparkan jumlah salah dan peratus kesilapan penggunaan imbuhan apitan kata kerja oleh murid pekak (90dB dan ke atas) bagi ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca). Tujuan penganalisisan data ini dijalankan untuk melihat kekerapan kesilapan kata kerja apitan bagi murid pekak (90dB dan ke atas). Oleh itu, berdasarkan data kajian yang diperoleh pengkaji mendapati bahawa subjek kajian mengalami masalah serius bagi penguasaan imbuhan kata kerja apitan kata kerja dan berada pada tahap membimbangkan walaupun input telah diberi selepas pelaksanaan proses P&P.

Jadual 4.5: Keputusan Kesilapan Penggunaan Imbuhan Apitan Kata Kerja oleh **11**

Orang Murid Pekak (90dB dan ke atas) bagi Ujian Pra dan Ujian Pasca.

Bil.	Imbuhan Apitan Kata Kerja	Jumlah Soalan	Ujian Pra		Ujian Pasca	
			Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)	Jumlah Kesalahan	Peratus Kesilapan (%)
1.	ber-...-kan	22	19	86.00	16	73.00
2.	ber-..-an	11	9	82.00	8	73.00
3.	ke-..-an	22	15	68.00	15	68.00
4.	men-..-i	11	10	91.00	6	55.00
5.	memper-..-i	11	7	64.00	8	73.00
6.	memper-..-kan	11	9	82.00	7	64.00
Purata TDM				79.00		68.00

Rujukan:

Bil : Bilangan

TDM : Tidak Dapat Menguasai

Hasil kajian bagi ujian pertama (ujian pra), didapati bahawa subjek kajian gagal menguasai semua jenis imbuhan kata kerja apitan, iaitu bagi imbuhan kata kerja apitan *ber-..-kan* 86.00 peratus (19 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *ber-..-an* 82.00 peratus (9 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *ke-..-an* 68.00 peratus (15 jumlah

salah), imbuhan kata kerja apitan *men-..-i* 91.00 peratus (10 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *memper-..-i* 64.00 peratus (7 jumlah kesalahan) dan imbuhan kata kerja apitan *memper-..-kan* 82.00 peratus (9 jumlah salah). Kesilapan yang dilakukan yang melebihi 50.00 peratus menunjukkan subjek kajian dapat tidak menguasai penggunaan kata kerja apitan *ber-..-kan*, *ber-..-an*, *ke-..-an*, *men-..-i*, *memper-..-i* dan *memper-..-kan* dengan baik.

Seterusnya, hasil kajian bagi ujian kedua (ujian pasca) pula, didapati subjek kajian masih lagi tidak menguasai keenam-enam jenis imbuhan kata kerja apitan tersebut. Penurunan peratus kesilapan juga adalah tidak ketara dan masih lagi melebihi 50.00 peratus. Dilihat peratus kesilapan dan jumlah salah bagi imbuhan kata kerja *apitan ber-..-kan* menurun daripada 86.00 peratus (19 jumlah salah) kepada 73.00 peratus (16 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *ber-..-an* menurun daripada 82.00 peratus kepada 73.00 peratus (8 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *men-..-i* menurun daripada 91.00 peratus (10 jumlah salah), imbuhan kata kerja apitan *memper-..-kan* menurun daripada 82.00 peratus (9 jumlah salah) kepada 64.00 (7 jumlah salah). Manakala peratus kesilapan dan jumlah salah bagi imbuhan kata kerja apitan *ke-..-an* tidak mengalami sebarang penurunan dan bagi imbuhan kata kerja apitan *memper-..-i* mengalami sedikit peningkatan iaitu daripada 64.00 peratus (7 jumlah salah) kepada 73.00 peratus (8 jumlah salah).

Diklasifikasikan berkemungkinan jenis latih tubi atau pendekatan yang diberikan kepada murid pekak (90dB dan lebih) tidak bersesuaian dengan mereka, tetapi bersesuaian dengan murid pekak (70dB- 90dB). Dan juga kerana faktor kepekakan yang berbeza antara kedua kumpulan menyebabkan masa yang diambil untuk menguasai sesuatu imbuhan kata kerja adalah terlalu singkat dan dikaitkan dengan faktor lupa.

Lupa kerana sesi penerimaan input adalah hanya dilakukan sebanyak 2 sesi, berikutnya terdapat beberapa subjek yang tidak hadir pada hari yang sepatutnya dijalankan sesi penerimaan input.

4.2 Perbandingan Purata Peratus Kesilapan Penggunaan Bagi Setiap Jenis Imbuhan Kata Kerja Awalan dan Apitan Bagi Ujian Pertama (Ujian Pra) dan Ujian Kedua (Ujian Pasca)

Bahagian ini pula menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu melihat sama ada darjah kepekakan mempengaruhi penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja oleh kedua-dua kumpulan murid pekak. Oleh itu, hasil analisis menunjukkan purata Tidak Dapat Menguasai (TDM) imbuhan awalan dan apitan kata kerja yang telah dilakukan oleh kedua-dua kumpulan murid pekak adalah seperti yang terdapat pada jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6: Purata Tidak Dapat Menguasai (TDM)

Jenis Imbuhan	Murid Pekak (70dB-90dB)		Murid Pekak (90dB dan Lebih)	
	Ujian Pertama (Ujian Pra)	Ujian Kedua (Ujian Pasca)	Ujian Pertama (Ujian Pra)	Ujian Kedua (Ujian Pasca)
Purata TDM Imbuhan Awalan	63.00	36.00	80.00	68.00
Purata TDM Imbuhan Apitan	56.00	48.00	79.00	68.00

Rujukan:

TDM = Tidak Dapat Menguasai

Jadual 4.6 mempamerkan purata penguasaan imbuhan kata kerja awalan bagi ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca). Peratus Tidak Dapat Menguasai (TDM) diperoleh dengan cara menambah kesemua peratus kesilapan, kemudian dibahagikan dengan bilangan imbuhan awalan kata kerja. Justeru, purata peratus TDM bagi imbuhan kata kerja awalan subjek kajian yang mengalami kepekakan antara 70dB hingga 90dB dilihat berlaku penurunan, iaitu daripada 63.00 peratus kepada 36.00 peratus. Ini jelas menggambarkan kebanyakan subjek kajian memahami fungsi imbuhan kata kerja awalan setelah diberi input.

Purata peratus TDM bagi imbuhan kata kerja awalan subjek kajian yang mengalami kepekakan antara 90dB dan ke atas juga dilihat berlaku penurunan, iaitu daripada 80.00 peratus kepada 68.00 peratus. Ini jelas menggambarkan kebanyakan subjek kajian memahami sedikit fungsi imbuhan kata kerja awalan setelah diberi input, namun masih lagi diklasifikasikan sebagai tidak menguasai kebanyakan imbuhan kata kerja awalan dengan baik kerana melakukan kesilapan melebihi 50.00 peratus.

Seterusnya, purata peratus TDM bagi imbuhan kata kerja apitan subjek kajian yang mengalami kepekakan antara 70dB hingga 90dB dilihat berlaku penurunan, namun tidak begitu ketara seperti imbuhan kata kerja awalan, iaitu daripada 56.00 peratus kepada 48.00 peratus. Ini jelas menggambarkan masih terdapat subjek kajian masih lagi belum menguasai fungsi imbuhan kata kerja apitan sepenuhnya setelah diberi input.

Manakala purata peratus TDM bagi imbuhan kata kerja apitan subjek kajian yang mengalami kepekakan 90dB dan ke atas dilihat berlaku penurunan yang tidak ketara dan

di tahap yang membimbangkan, iaitu daripada 79.00 peratus kepada 68.00 peratus. Perkara ini membimbangkan kerana subjek kajian melakukan kesalahan melebihi 50.00 peratus dan diklasifikasikan subjek kajian masih belum memahami fungsi imbuhan kata kerja apitan walaupun telah diberi input.

Kesimpulannya, berdasarkan data analisis di atas menunjukkan darjah kepekakan sangat mempengaruhi keupayaan murid pekak dalam menguasai imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja. Hal ini terbukti apabila peratus kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan murid pekak (70dB – 90dB) menunjukkan penurunan yang lebih ketara (selepas diberi input) bagi imbuhan kata kerja awalan, iaitu peratus kesilapan tidak melebihi 50.00 peratus. Berbanding dengan peratus kesilapan yang dilakukan oleh kumpulan murid pekak (90dB dan ke atas), iaitu walaupun ada menunjukkan penurunan yang sedikit tetapi masih melakukan kesalahan penggunaan imbuhan melebihi 50.00 peratus (selepas diberi input). Justeru itu, hasil dapatan berkenaan menunjukkan darjah kepekakan mempengaruhi penguasaan bahasa murid pekak turut boleh dilihat di dalam kajian-kajian lepas.

4.3 Penutup

Berdasarkan dapatan data yang telah dibincangkan, maka dapatlah dirumuskan bahawa penguasaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja dalam kalangan murid pekak khususnya murid pekak tahun 6 di SK Pendidikan Khas Selangor adalah masih berada pada tahap yang sederhana dan lemah. Hal ini juga dapat diperhatikan pada rekod pencapaian semasa ujian pertama (ujian pra) dan ujian kedua (ujian pasca) dijalankan berdasarkan pembahagian kelompok cemerlang, sederhana dan lemah (rujuk jadual 3.1). Jika diperhatikan pada tahap penguasaan murid pekak tahun 6, bahagian B iaitu bahagian soalan isi imbuhan pada kata dasar yang telah diberikan adalah tidak

begitu memuaskan khususnya soalan yang melibatkan imbuhan apitan kata kerja dan imbuhan awalan kata kerja yang bervariasi seperti *me-*.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa subjek kajian hanya menggunakan kefahaman pembelajaran berdasarkan pengajaran guru mengenai imbuhan kata kerja jika dilihat pada markah pencapaian sebelum dan selepas ujian yang tidak begitu banyak perbezaannya. Seharusnya, subjek kajian memiliki motivasi yang tinggi untuk menguasai bahasa kedua yang dipelajari bukan hanya bergantung kepada guru semata-mata. Menurut Noor Aina Dani (2007), semakin tinggi motivasi subjek kajian, semakin cepat subjek kajian mencapai tujuannya. Dengan kata lain, sekiranya subjek kajian belajar memahami rumus-rumus nahu tatabahasa kedua secara tidak langsung akan meningkatkan tahap penguasaan terhadap bahasa kedua (BM). Di samping itu, hal ini menunjukkan subjek kajian tidak mempunyai inisiatif sendiri untuk mendalami dan menguasai konsep kata kerja seperti mengulangkaji pelajaran di asrama, membuat latih tubi sendiri dan sebagainya berdasarkan jawapan soal selidik dan juga temu bual subjek kajian.

Oleh itu, analisis ini membuktikan bahawa terdapat peningkatan tahap kefahaman, apabila murid menjalani proses P&P (diberi input) sebelum ujian pasca dijalankan. Dapatkan kajian ini bersesuaian dengan Teori Monitor yang digunakan dalam kajian ini. Teori Monitor menyatakan sekiranya seseorang ingin menguasai dan mempelajari bahasa mereka perlu menjalani proses P&P (diberi input). Mereka perlu mengetahui dan memahami rumus dan hukum tatabahasa bahasa sasaran tersebut.

Di samping itu, pendedahan, latihan dan pengukuhan yang berterusan juga akan membantu penguasaan dan pemahaman seseorang terhadap bahasa yang mereka

pelajari. Implikasi daripada dapatan kajian ini ialah guru bahasa perlu memberi pengajaran, penerangan, latih tubi dan latihan pengukuhan sebelum sesuatu ujian dijalankan. Pengajaran dan penerangan yang mudah difahami, latih tubi yang bersistematik serta latihan pengukuhan yang berterusan akan menambah tahap pengetahuan dan kefahaman murid terhadap rumus dan hukum tatabahasa yang dipelajari.

BAB 5

FAKTOR-FAKTOR EKSTRALINGUISTIK

5.0 Pengenalan

Setelah membincangkan dapatan data kajian berdasarkan jawapan subjek kajian yang telah diberikan dalam soalan ujian pada bab 4, kini pengkaji membincangkan mengenai dapatan data berdasarkan borang soal selidik yang telah disediakan. Tujuan borang soal selidik ini disediakan adalah untuk melihat perkaitan faktor-faktor ekstralinguistik dengan tahap penguasaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja oleh murid pekak tahun 6. Faktor ekstralinguistik ini ialah faktor yang berada di luar faktor bahasa Malaysia, iaitu yang meliputi latar belakang sosio-budaya.

Dalam bab ini, data yang dikutip daripada kajian dijalankan secara pemerhatian terkawal iaitu hanya melibatkan subjek kajian sahaja. Pengkaji akan menunjukkan jumlah dan peratusan bagi setiap faktor yang dinyatakan yang mempengaruhi penguasaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua oleh subjek kajian. Semasa soal selidik berkenaan faktor-faktor ekstralinguistik dilakukan, pengkaji meminta guru bahasa Malaysia tahun 6 memberikan pemahaman kepada subjek kajian, iaitu pemahaman terhadap soalan yang dikemukakan dengan menerangkan kehendak soalan. Soalan-soalan yang dikemukakan telah disesuaikan dengan tahap pemahaman dan pemikiran mereka.

Manakala bagi soalan persepsi tentang kaedah pengajaran guru dan temu bual bersama murid pekak pula, pengkaji meminta bantuan penterjemah bahasa isyarat bagi menterjemahkan soalan persepsi dan soal jawab temu bual bersama murid pekak dari kedua-dua kumpulan.

5.1 Bahagian B: Analisis Data Soal Selidik

Pengkaji membahagikan soalan soal selidik (diubah suai daripada kajian Zuzitah Abd Samad, 2012 dan Rubiah Hamzah, 2013) ini kepada beberapa faktor utama yang mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua.

Jadual 5.1 : Senarai Faktor Ekstralinguistik

Bil.	Faktor-faktor Ekstralinguistik
1.	Jantina
2.	Galakan daripada keluarga
3.	Masa diperuntukkan mengulangkaji bahasa Malaysia
4.	Tumpuan (fokus) semasa belajar mata pelajaran bahasa Malaysia
5.	Minat terhadap mata pelajaran bahasa Malaysia
6.	Minat membaca buku bahasa Malaysia
7.	Latihan sendiri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia
8.	Kemahiran membezakan imbuhan kata kerja
9.	Pendapat tentang mata pelajaran bahasa Malaysia
10.	Purata penggunaan bahasa Malaysia sehari

Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini penting untuk mengukur respon subjek kajian terhadap faktor-faktor yang menentukan tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran bahasa Malaysia khususnya imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan

apitan kata kerja. Antara faktor ekstralinguistik yang dianalisis ialah jantina, galakan daripada ibu bapa untuk menggunakan bahasa Malaysia, tumpuan semasa mempelajari bahasa Malaysia di dalam kelas, minat terhadap mata pelajaran bahasa Malaysia, minat membaca buku bahasa Malaysia, pendapat tentang mata pelajaran bahasa Malaysia dan masa yang diperlukan bagi mempelajari bahasa Malaysia. Di sini juga, pengkaji akan mengaitkan jawapan soal selidik dengan jawapan temu bual bersama 2 orang murid pekak (70dB – 90dB) dan 2 orang murid pekak (90dB dan ke atas).

5.1.1 Faktor Jantina

Kajian yang dijalankan ini meliputi jantina lelaki dan perempuan. Subjek kajian dikategorikan kepada 13 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan. Secara keseluruhannya, subjek kajian ini adalah seramai 26 orang. Analisis dilakukan bagi memastikan perbezaan tahap penguasaan bahasa Malaysia mengikut jantina.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati murid pekak perempuan mendapat markah yang lebih baik berbanding dengan murid pekak lelaki. Faktor biologikal ini menjadi penentu yang membawa kepada perbezaan psikologi kedua-dua jantina ini (Glenn, 1994). Perkara ini merujuk kepada markah ujian (lampiran 14) yang dilakukan sama ada ujian pertama (ujian pra) mahupun ujian kedua (ujian pasca). Berikut merupakan keputusan ujian yang telah dijalankan:

Jadual 5.2: Keputusan Ujian Pertama (Ujian Pra) dan Ujian Kedua (Ujian Pasca)

Gred	Ujian Pertama		Ujian Kedua	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan

B	-	-	-	6
C	2	3	5	5
D	6	8	5	1
E	5	2	3	1
Jumlah	13	13	13	13

Berdasarkan jadual 5.2 jelas menunjukkan bahawa pencapaian akademik atau pencapaian terbaik mata pelajaran bahasa Malaysia dalam kajian ini dipelopori oleh murid pekak perempuan. Jika diperhatikan pada keputusan ujian pertama, kedua-dua murid pekak lelaki dan perempuan tiada yang memperoleh gred B dalam ujian pertama (ujian pra). Namun begitu, selepas kesemua murid pekak diberi input, didapati murid pekak perempuan seramai 6 orang mendapat gred B dalam ujian kedua (ujian pasca). Manakala murid pekak lelaki tiada seorang pun yang mendapat gred B dalam ujian kedua (ujian pasca). Berdasarkan jadual 5.3 juga, memperlihatkan tahap penguasaan imbuhan awalan dan apitan kata kerja oleh murid pekak lelaki adalah berada pada tahap yang kurang memuaskan. Sekiranya mereka lebih berusaha untuk memahami konsep imbuhan kata kerja, semestinya mereka juga berkemampuan memperoleh markah yang cemerlang.


Justeru, pengkaji mendapati bahawa murid pekak perempuan lebih cenderung memperoleh markah yang cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Malaysia Pemahaman berbanding murid pekak lelaki. Perkara ini juga boleh dilihat dalam kajian Zuzitah Abd Samad (2012) dan Rubiah Hamzah (2013), terjadi disebabkan oleh faktor psikologi, iaitu jantina perempuan lebih mudah menguasai kemahiran bahasa

berbanding lelaki. Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subki Maskon (2010), perempuan lebih cepat matang jika dibandingkan dengan lelaki tetapi pada satu tahap umur, lelaki akan sama tahap kematangannya dengan perempuan. Justeru, jelaslah bahawa faktor jantina turut memainkan peranan penting dan turut diperhatikan dalam faktor ekstralinguistik. Hal ini juga bermakna hasil dapatan kajian ini adalah bersamaan dengan kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

Kesimpulannya, guru bahasa mestilah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap aspek perbezaan antara jantina tersebut semasa merancang segala aktiviti yang akan dilaksanakan. Pemilihan aktiviti yang bersesuaian akan menentukan motivasi murid ketika menjalani proses pembelajaran tersebut.

5.1.2 Faktor Galakan Keluarga

Dalam kajian ini, kategori galakan dipecahkan kepada dua iaitu ‘Ya’ (mendapat galakan) dan ‘Tidak’ (tidak mendapat galakan). Pecahan subjek kajian mengikut kategori ini adalah 4 orang murid pekak (Ya) dan 22 orang murid pekak (Tidak). Analisis dilakukan untuk melihat perbezaan tahap penguasaan bahasa Malaysia Pemahaman dalam kalangan subjek kajian apabila mendapat galakan dengan yang tidak mendapat galakan daripada keluarga.



Carta 5.2 : Peratus Galakan Keluarga

Carta 5.2 di atas menunjukkan peratus subjek kajian yang mendapat galakan daripada keluarga iaitu sebanyak 15.00 peratus (4 orang) adalah sangat sedikit berbanding dengan subjek kajian yang tidak mendapat galakan daripada keluarga iaitu sebanyak 85.00 peratus (22 orang).

Bagi subjek kajian yang mendapat galakan daripada keluarga adalah terdiri daripada mereka yang tinggal di rumah kerana rumah mereka berdekatan dengan SKPKS. Walaupun galakan diberikan oleh keluarga, namun subjek kajian masih menggunakan bahasa pertama iaitu BIM untuk bertutur lebih-lebih lagi subjek kajian bersekolah di sekolah khusus untuk murid pekak. Oleh itu, apabila berkomunikasi sesama mereka, bahasa Malaysia tidak dipraktis sebaliknya mereka bertutur dalam bahasa isyarat. Hal ini menyukarkan lagi untuk mereka menguasai bahasa Malaysia dengan baik.

Bagi ibu bapa yang tidak memberikan galakan pula, menurut Syed Ismail dan Subki Maskon (2010) dapat dilihat sikap negatif ibu bapa terhadap pendidikan termasuklah tidak atau kurang mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak serta kurang kesedaran tentang kepentingan menguasai bahasa Malaysia. Sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat hal berkaitan dengan pelajaran sekolah anak-anak ini menyebabkan tiadanya tekanan kepada subjek kajian untuk berubah. Hal ini menyebabkan berlakunya masalah keciciran yang serius. Namun begitu, SKPKS adalah sekolah berasrama bagi murid pekak dan murid pekak pulang berjumpa dengan ibu bapa mereka hanya sekali sebulan. Maka masa bersama ibu bapa mereka adalah terhad dan hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat galakan untuk mempelajari bahasa Malaysia daripada ibu bapa mereka.

Pengkaji berpendapat bahawa walaupun masa subjek kajian bersama keluarga adalah terhad, namun keluarga iaitu khususnya ibu bapa seharusnya memainkan peranan mereka supaya subjek kajian dapat meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia mereka. Misalnya dengan mengambil berat tentang pelajaran sekolah mereka dan berjumpa dengan guru-guru untuk mengetahui prestasi terkini. Ibu bapa yang prihatin tidak akan menyerahkan bulat-bulat peranan mereka kepada guru dan sekolah sahaja, tetapi turut memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak mereka.


Hal ini juga bertepatan dengan teori Monitor iaitu murid-murid yang tidak bermotivasi atau kurang galakan serta sering memikirkan kegagalan, mereka tidak akan faham apa yang dilihat dan didengarnya semasa guru mengajar kerana input tidak sampai kepada LAD (Language Acquisition Device) (Zuzitah Abd Samad, 2012). Sebagai contoh, apabila filter menaik, murid pekak akan faham apa yang dilihat, tetapi input tersebut tidak akan sampai kepada LAD jika murid tidak diberi motivasi, keyakinan, atau terlampau memikirkan kegagalan. Oleh itu, motivasi amat penting kerana dapat menimbulkan rasa ingin tahu dan lebih bersungguh-sungguh untuk mempraktiskan bahasa Malaysia dalam kehidupan seharian. Murid yang lebih minat mempelajari bahasa kedua bukan sahaja mendapat lebih banyak input bahasa, malah tahap filternya adalah rendah (Krashen, 1982). Apabila filter menurun, input akan sampai ke LAD lalu menjadi kecekapan berbahasa.

5.1.3 Faktor Masa

Bagi faktor masa, pengkaji menggabungkan masa diperuntukkan mengulangkaji bahasa Malaysia, purata penggunaan bahasa Malaysia dalam seminggu dan latih tubi sendiri untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia oleh subjek kajian di bawah satu tajuk kecil iaitu faktor masa.

5.1.3.1 Peruntukan masa untuk mengulangkaji BM

Dalam kajian ini, pengkaji mendapat terdapat empat kategori masa yang diperuntukkan oleh sampel kajian untuk mengulang kaji pelajaran iaitu 1 jam (1 jam memperuntukkan masa), 2 jam (2 jam memperuntukkan masa), 3 jam (3 jam memperuntukkan masa), dan 4 jam (4 jam memperuntukkan masa). Pecahan subjek kajian mengikut kategori masa adalah 1 jam (19 orang), 2 jam (6 orang), 3 jam (1 orang) dan 4 jam (1 orang). Bagi soalan ini, pengkaji memberikan soalan yang terbuka iaitu subjek kajian harus menyatakan sendiri tempoh masa yang digunakan dalam sehari untuk mereka mengulangkaji pelajaran. Analisis dilakukan untuk melihat tahap penguasaan bahasa Malaysia dalam kalangan subjek kajian berdasarkan tempoh masa yang diluangkan untuk mengulangkaji pelajaran.



Carta 5.3 : Peratus Masa Mengulang Kaji Pelajaran

Berdasarkan Carta 5.3 di atas, peratus sampel kajian yang memperuntukkan masa paling banyak adalah 1 jam iaitu sebanyak 73.00 peratus (19 orang), diikuti 2 jam sebanyak 23.00 peratus (6 orang), 3 jam sebanyak 4.00 peratus (1 orang) dan 4 jam adalah sebanyak 0.00 peratus (0 orang). Walaupun kebanyakan subjek kajian didapati memperuntukkan masa untuk mengulangkaji pelajaran dalam sehari, namun mereka

masih lagi mendapat markah yang rendah dalam ujian yang dilakukan. Kebanyakan subjek kajian memerlukan masa selama 1 jam untuk mempelajari bahasa Malaysia, dan tempoh ini sudah pastinya tidak mencukupi bagi mereka untuk menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua yang mempunyai banyak konsep-konsep tatabahasa bahasa Malaysia. Hal ini ditambah pula dengan faktor sikap tidak bersungguh-sungguh dan sambil lewa menyebabkan kebanyakan subjek kajian ini mendapat markah yang rendah. Perkara ini dapat diperhatikan semasa pengkaji melaksanakan kajian.


Seharusnya, sebagai murid yang mempelajari bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua, waktu untuk belajar atau mengulangkaji perlu ditingkatkan lebih lama lagi agar segala nahu tatabahasa kedua dapat dipelajari dengan lebih terperinci. Hal ini bertepatan dengan teori Monitor, iaitu subjek kajian memerlukan masa yang mencukupi untuk mempelajari bahasa kedua serta menggunakan peraturan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dengan baik. Lebih lama seseorang itu mempelajari bahasa, maka makin bertambah penguasaan mereka terutama penguasaan bahasa kedua. Masa mengulangkaji amat penting kerana semakin kerap murid itu belajar, maka semakin tinggi daya ingatan murid tersebut. Perkara ini merupakan satu strategi yang baik kerana dapat melindungi memori daripada lupa terhadap sesuatu pembelajaran itu.

Namun begitu, berdasarkan temu bual pengkaji bersama murid pekak (70dB – 90 dB) dan murid pekak (90dB dan ke atas), punca mengapa mereka hanya mengulangkaji dalam masa yang singkat adalah kerana mereka tidak memahami kehendak soalan, tidak memahami semua perkataan, lebih-lebih lagi soalan berbentuk karangan. Apabila tidak memahami, maka wujud sifat malas untuk membuat ulangkaji. Lebih-lebih lagi dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang mana rakan-rakan sebaya mereka tiada yang membuat ulangkaji sendiri, maka mempengaruhi motivasi mereka untuk melakukan

ulangkaji sendiri atau dalam kumpulan. Bertepatan dengan teori Monitor, mereka yang memiliki motivasi diri rendah dan kurang keyakinan diri sukar menguasai bahasa kedua.

5.1.3.2 Membuat Latih Tubi Sendiri

Dalam kajian ini, terdapat dua kategori sama ada subjek kajian pernah membuat latih tubi sendiri atau tidak untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Malaysia mereka iaitu ‘Ya’ (pernah membuat latih tubi sendiri) dan “Tidak” (tidak pernah membuat latih tubi sendiri). Pecahan subjek kajian mengikut kategori ini adalah 10 orang mengatakan Ya dan 16 orang mengatakan Tidak. Analisis dilakukan untuk melihat perbezaan antara subjek kajian yang mengambil inisiatif melakukan latih tubi sendiri dengan sampel kajian yang tidak membuat latih tubi sendiri untuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa Malaysia.



Carta 5.4 : Peratus Membuat Latih Tubi Sendiri

Carta 5.4 menunjukkan peratus subjek kajian yang membuat latih tubi sendiri adalah 38.00 peratus (10 orang) berbanding dengan subjek kajian yang tidak membuat latih tubi sendiri, iaitu sebanyak 62.00 peratus (16 orang) untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mendapati sebahagian besar


subjek kajian lebih suka bergantung kepada guru di dalam kelas. Misalnya, seperti latihan dan bahan pembelajaran, mereka hanya melakukan apabila disuruh oleh guru. Bahan latihan juga disediakan sepenuhnya oleh guru mereka.

Guru bahasa Malaysia telah menggunakan latihan yang terdapat dalam sisipan Berita Harian iaitu *Didik* kepada subjek kajian sebagai bahan selain daripada buku-buku latihan lain. *Didik* merupakan satu set latihan khusus yang disediakan untuk murid tahun 6 supaya dapat memantapkan lagi pengetahuan mereka dan sebagai persediaan menghadapi UPSR. Soalan-soalan yang terdapat dalam *Didik* ini telah disediakan oleh guru-guru pakar seluruh Malaysia bagi setiap bidang dan diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Fungsinya adalah sebagai alat bantu pengajaran tambahan. Dalam hal ini dapat dilihat walaupun guru bersungguh-sungguh dan menyediakan latihan tambahan, namun subjek kajian dilihat tidak mempunyai inisiatif dan usaha sendiri untuk mentelaah pelajaran. Kebanyakan daripada mereka lebih gemar bermain.

Walau bagaimanapun, tidak semua daripada subjek kajian tidak berusaha kerana ada sebilangan kecil daripada mereka yang belajar secara berkumpulan di perpustakaan selepas waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah. Hal ini menunjukkan mereka ini tidak bergantung semata-mata kepada input yang diberi oleh guru di dalam kelas sebaliknya dilihat mempunyai kesungguhan dan inisiatif untuk berjaya. Hal ini dibuktikan semasa temu bual dijalankan, didapati kesemua dari kedua-dua kumpulan murid pekak menyatakan mereka ada membuat latih tubi sendiri dan juga ada membuat nota tambahan.

5.1.3.3 Purata Penggunaan Bahasa Malaysia Dalam Seminggu

Dalam kajian ini, terdapat 5 kategori purata jam subjek kajian menggunakan bahasa Malaysia dalam seminggu iaitu kurang daripada 1 jam sebanyak 11 orang, 1-2 jam sebanyak 7 orang, 3-4 jam sebanyak 6 orang, 5-6 jam sebanyak 2 orang dan lebih daripada 6 jam sebanyak 0 orang.



Carta 5.5 : Peratus Purata Penggunaan Bahasa Malaysia Seminggu

Carta 5.5 memaparkan peratus purata penggunaan bahasa Malaysia dalam seminggu yang digunakan oleh subjek kajian di mana yang paling banyak adalah kurang daripada 1 jam iaitu sebanyak 42.00 peratus (11 orang) dan diikuti dengan 1-2 jam iaitu sebanyak 27.00 peratus (7 orang) dan 3-4 jam iaitu sebanyak 23.00 peratus (6 orang). Manakala purata 5-6 jam adalah hanya 8.00 peratus (2 orang) dan 0.00 peratus (0 orang) bagi purata 6 jam.

Pengkaji mendapati penggunaan bahasa Malaysia dalam kehidupan seharian subjek kajian adalah sangat minimum. Penggunaan bahasa Malaysia yang dibincangkan adalah menjurus kepada aspek komunikasi. Pengaruh bahasa pertama (BIM) mereka

adalah sangat kuat. Pada hakikatnya masalah ini mengganggu proses penguasaan bahasa Malaysia standard subjek kajian. Purata penggunaan ini adalah tidak termasuk sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas sebaliknya di luar kelas atau tidak formal iaitu semasa bersama rakan-rakan, guru-guru dan keluarga. Hal ini adalah sangat penting kerana apabila mereka berkomunikasi, maka lebih banyak input bahasa yang dapat diterima oleh mereka dan sekaligus meningkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia mereka. Hal ini boleh dikaitkan dengan faktor eksternal murid iaitu faktor lingkungan sosial yang dapat mempengaruhi semangat belajar. Lebih banyak murid itu berada dalam lingkungan sosial maka akan semakin mempengaruhi kegiatan murid (Rubiah Hamzah, 2013).

Bagi rakan-rakan yang sudah mampu menguasai bahasa Malaysia dengan baik, mereka boleh menjadi pembimbing kepada rakan-rakan yang lain yang berada dalam situasi untuk meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia. Hal ini dapat menimbulkan keseronokan untuk belajar kerana proses tersebut berlangsung secara tidak formal dan dapat belajar bersama-sama. Menurut Kashen (1981), proses ini sangat berkesan kerana murid sering memperoleh bahasa semasa bergaul bersama dengan rakan dan guru. Menerusi Hipotesis Monitor, beliau menyatakan bahawa pengajaran bahasa kepada murid bahasa kedua seharusnya berorientasikan komunikasi, bukannya aspek tatabahasa semata-mata.

Berdasarkan temu bual bersama kedua-dua kumpulan murid pekak, kesemua mereka menjawab guru menggunakan BIM semasa memberi arahan kepada mereka berikutan lebih cepat dan jelas serta difahami oleh semua murid. Semasa temubual dijalankan juga, penterjemah bahasa isyarat memberi arahan (menguji) di dalam kedua-dua BIM dan BM, didapati keempat-empat murid lebih cepat memberi reaksi dalam

BIM, berbanding dengan BM di mana mereka kurang memahami arahan yang menggunakan imbuhan kata kerja dan mengambil masa untuk mereka berfikir mengenai maksud arahan tersebut (lambat memberi reaksi). Misalnya arahan dalam bentuk BIM dan BM standard:

1. BM : Sila melunjurkan kaki anda ke hadapan

BIM : Kaki ke depan

2. BM : Sila berdiri dan sekarang anda dikehendaki pergi mengikat langsir di dalam kelas ini.

BIM : diri dan ikat langsir sekarang.

3. BM : Sila beratur sekarang.

BIM : baris sekarang.

5.1.4 Faktor Tumpuan

Dalam kajian ini, kategori tumpuan dibahagikan kepada dua iaitu ‘Ya’ (memberi tumpuan) dan ‘Tidak’ (tidak memberi tumpuan). Pecahan subjek kajian mengikut kategori tumpuan adalah 23 orang memberikan jawapan Ya dan 3 orang memberikan jawapan Tidak. Analisis dilakukan untuk melihat perbezaan antara subjek kajian yang fokus dengan subjek kajian yang tidak memberikan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung.



Carta 5.6 : Peratus Tumpuan Dalam Kelas

Berdasarkan carta 5.6 di atas, peratus subjek kajian yang memberikan tumpuan di dalam kelas adalah 88.00 peratus (23 orang) berbanding dengan peratus subjek kajian yang tidak memberikan tumpuan di dalam kelas iaitu masing-masing iaitu sebanyak 12.00 peratus (3 orang). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati tidak semua subjek kajian yang memberikan tumpuan dalam kelas mendapat markah yang baik dalam ujian dan begitu juga sebaliknya.

Walaupun mereka memberi tumpuan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung, tetapi kemungkinan besar mereka tidak memahami isi kandungan yang disampaikan oleh guru. Oleh itu, subjek kajian melakukan kesalahan apabila menjawab soalan yang dikemukakan dalam ujian. Teori Monitor mengaitkan hal ini dengan LAD (Alat Perolehan Bahasa), iaitu jika murid memberi tumpuan di dalam kelas tetapi masih tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru, maka mereka tidak akan memahami bahasa yang dipelajari itu. Bagi memastikan kejayaan, subjek kajian perlu mempunyai masa yang cukup untuk menyemak dan mengulangkaji pelajaran, seperti memberi tumpuan kepada bahan yang dipelajari dan memahami peraturan seperti rumus tatabahasa yang diajarkan di dalam kelas (Krashen, 1981). Pengkaji mendapati subjek kajian yang tidak memberikan tumpuan di dalam

kelas seperti mereka yang lebih gemar bercakap-cakap (berbahasa isyarat) antara sesama mereka terutamanya bagi subjek kajian yang berada di kelas terakhir.


Dalam kajian ini, subjek kajian merupakan bukan penutur jati bahasa Malaysia berikutan mengalami masalah pendengaran, maka aspek kecekapan berbahasa Malaysia harus mereka kuasai menerusi pembelajaran formal di sekolah. Jika aspek ini kurang ditekankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, sukar untuk mereka menguasainya pada tahap yang memuaskan. Hal ini amat merugikan kerana bagi situasi pendidikan di Malaysia, penguasaan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua harus menekankan prinsip ‘pembinaan biasaan berbahasa’. Sekiranya perkara ini tidak ditekankan, ia akan menyebabkan mereka sukar memahami dan menguasai sistem tatabahasa dan aspek lain seperti korpus lakuan bahasa dalam bahasa Malaysia (Zulkifley Hamid, 2010).

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, seorang murid pekak lelaki (70dB-90dB) dan seorang murid pekak perempuan (90dB dan ke atas) menyatakan mereka tidak memberi tumpuan di dalam kelas. Manakala seorang murid perempuan (70dB-90dB) dan seorang murid pekak lelaki (90dB dan ke atas) menyatakan mereka hanya memberi tumpuan yang sedikit sahaja. Hal ini berikutan mereka lebih suka bermain, tidak faham apa yang diajar oleh guru, malas belajar dan kebanyakan cerita yang diceritakan oleh guru adalah membosankan.

5.1.5 Faktor Minat Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Malaysia

Dalam kajian ini, kategori minat dibahagikan kepada dua iaitu ‘Ya’ (minat belajar bahasa Malaysia) dan ‘Tidak’ (tidak minat belajar bahasa Malaysia). Pecahan subjek kajian mengikut kategori minat adalah 25 orang (Ya) dan 1 orang (Tidak). Analisis

dilakukan untuk melihat perbezaan antara subjek kajian yang minat dengan subjek kajian yang tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Malaysia.



Carta 5.7: Peratus Minat Mata Pelajaran Bahasa Malaysia

Berdasarkan Carta 5.7, peratus subjek kajian yang minat untuk mempelajari bahasa Malaysia adalah lebih banyak iaitu sebanyak 96.00 peratus (25 orang) berbanding dengan peratus subjek kajian yang tidak minat mempelajari bahasa Malaysia iaitu sebanyak 4.00 peratus (1 orang). Minat untuk mempelajari bahasa Malaysia ini dapat dilihat di dalam kelas di mana mereka sering memberikan reaksi dengan memberikan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan oleh guru walaupun jawapan yang diberikan adalah salah.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, walaupun mereka mempunyai minat terhadap mata pelajaran bahasa Malaysia, tetapi mereka, iaitu bagi subjek kajian yang berada di kelas akhir hanya dapat menerima isi pelajaran tersebut dalam tempoh yang tidak lama. Apabila disoal kembali pada minggu berikutnya, mereka tidak dapat menjawabnya. Hal ini menunjukkan input bahasa hanya kekal sebagai ingatan jangka pendek dalam memori subjek kajian. Perkara yang berlaku ini boleh dikaitkan dengan gangguan retroaktif. Gangguan ini berlaku apabila pelajaran baru yang dipelajari oleh subjek

kajian iaitu murid-murid pekak ini membawa konflik dan gangguan terhadap ingatan pelajaran lama yang telah terlebih dahulu disimpan dalam akal murid tersebut. Dalam hal ini, subjek kajian menghadapi kesukaran untuk mengingat dan lupa kepada pelajaran yang lepas (Muhibbin Syah, 1995). Selain itu, menurut ‘*law of disuse*’ (Hilgard & Bower, 1975), lupa ini juga berlaku kerana pelajaran yang diajar dan dikuasai tidak pernah digunakan oleh subjek kajian. Hal ini bermakna mereka hanya menggunakan sewaktu diajar sahaja dan tidak mempraktikkannya di luar kelas.


Walau bagaimanapun, rasa minat yang ditunjukkan oleh subjek kajian untuk mempelajari bahasa Malaysia harus dipuji kerana akan menjadi dorongan serta dapat meningkatkan semangat subjek kajian dan seterusnya memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Hal ini menunjukkan sikap murid ini yang mempunyai motivasi instrisik iaitu faktor dari dalam diri murid. Motivasi instrisik adalah keadaan yang berasal daripada dalam diri murid itu sendiri yang mendorongnya untuk melakukan tindakan belajar. Motivasi ini adalah tidak bergantung kepada dorongan dan pengaruh orang lain sebaliknya atas kesedaran murid itu sendiri. Sikap murid yang positif dalam pelajaran merupakan petanda awal yang baik bagi proses pembelajarannya dan begitu juga sebaliknya (Muhibbin Syah, 1995).

Dalam teori Monitor menyatakan bahawa murid bahasa kedua yang mempunyai motivasi yang tinggi, keyakinan diri, penampilan diri yang baik, dan tahap kerisauan yang rendah mempunyai kejayaan yang lebih untuk menguasai bahasa kedua. Manakala motivasi yang rendah, keyakinan diri yang kurang dan kerunsingan akan meningkatkan ‘*affective filter*’ dan membina ‘*mental block*’ yang akan mencegah input bahasa yang difahami ‘*comprehensible input*’ dari diperoleh oleh murid bahasa kedua. Oleh itu, faktor minat amat penting terutama untuk mempelajari bahasa kedua kerana murid akan

lebih cepat faham dan seterusnya dapat menguasai bahasa tersebut. Perkara ini akan berlaku apabila murid-murid berkeyakinan, seronok, bermotivasi, berhasrat menguasai seterusnya menjadi ahli kumpulan bahasa yang dipelajarinya (Krashen, 1981).

5.1.6 Faktor Minat Membaca Bahan Bacaan Bahasa Malaysia

Dalam kajian ini, terdapat dua kategori kecenderungan murid pekak sama ada minat atau tidak membaca bahan bacaan bahasa Malaysia, iaitu ‘Ya’ (minat membaca buku bahasa Malaysia) dan ‘Tidak’ (tidak minat membaca buku bahasa Malaysia). Pecahan subjek kajian mengikut kategori minat membaca ini adalah seramai 23 orang (Ya) dan 3 orang (Tidak). Analisis dilakukan untuk melihat perbezaan antara subjek kajian yang minat dengan subjek kajian yang tidak minat membaca buku bahasa Malaysia.



Carta 5.8: Peratus Minat Membaca Bahan Bacaan Bahasa Malaysia

Berdasarkan Carta 5.8 di atas, peratus subjek kajian yang minat membaca bahan bacaan bahasa Malaysia adalah lebih banyak iaitu sebanyak 88.00 peratus (23 orang) berbanding dengan subjek kajian yang tidak minat membaca bahan bacaan bahasa Malaysia adalah sebanyak 12.00 peratus (3 orang). Berdasarkan soal selidik yang telah dijawab, didapati ramai subjek kajian yang gemar membaca bahan bacaan bahasa

Malaysia, namun berdasarkan ujian pencapaian dilihat mereka tidak dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik.

Tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Malaysia mereka juga adalah lemah. Hal ini berlaku kerana mereka tidak dapat memahami apa yang dibaca dengan baik. Perkara ini dapat diatasi sekiranya subjek kajian dapat menambah bilangan bahan bacaan bahasa Malaysia terutama buku atau bahan ilmiah dan lebih giat untuk menekuni bahan bacaan itu. Melalui pembacaan, secara langsung mereka dapat meningkatkan keupayaan dan seterusnya menguasai bahasa Malaysia. Berdasarkan perbincangan pengkaji dengan guru pendidikan khas (bermasalah pendengaran) dari Yayasan Fakih, kebanyakan subjek kajian berminat membaca buku bahasa Malaysia kerana terdapatnya visual (gambar). Subjek kajian lebih memahami jalan cerita atau isi kandungan buku berdasarkan visual yang ditunjukkan.

Hal ini selaras dengan teori Monitor yang menjelaskan persoalan bagaimana seseorang memperoleh bahasa kedua. Prasyarat terpenting seseorang murid bahasa kedua memperoleh bahasa apabila ianya memahami input bahasa yang diperolehnya sama ada melalui penglihatan atau pembacaan dalam penguasaan bahasa kedua. Krashen (1981) menjelaskan lebih banyak individu itu terdedah kepada rangsangan yang bermakna, maka lebih banyak pengetahuan dan maklumat bahasa akan mereka kuasai. Melalui hal ini, apabila subjek kajian lebih terdedah kepada bahan bacaan bahasa Malaysia, maka mereka lebih banyak input bahasa dan seterusnya dapat menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua.

Namun begitu, berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, keempat-empat mereka memberi jawapan tidak meminati bahan bacaan bahasa Malaysia berikut

terlalu banyak tatabahasa yang perlu dipelajari dan kosa kata yang sukar difahami. Sebaliknya mereka lebih meminati mata pelajaran matematik dan bahasa Inggeris


Berkaitan perkataan abstrak, Radziewicz dan Antonellis (1993) dalam Abdullah Yusof (1995), menyatakan bahawa murid pekak banyak bergantung kepada penglihatan untuk memasukkan maklumat dalam fikiran. Oleh itu, fikiran mereka banyak bergantung pada imej berbanding bunyi. Mereka juga dikatakan terserlah dalam hal yang konkrit dan maujud berbanding hal yang abstrak. Hal ini demikian kerana bahasa isyarat tidak mempunyai kekuatan dan sukar untuk mengungkap konsep abstrak berbanding dengan bahasa lisan. Bahasa isyarat lebih berbentuk konkrit kerana dilahirkan berdasarkan dunia penglihatan orang bermasalah pendengaran. Abdullah Yusoff (1995) menyokong lagi bahawa kemasukan maklumat bagi orang pekak adalah melalui penglihatan. Penglihatan hanya dapat mengesan benda-benda yang berbentuk fizikal, maka fikiran mereka lebih berbentuk nyata.

Apa yang menyebabkan kesukaran ini tidak diketahui. Kemungkinan ini berlaku kerana kebanyakan murid pekak tidak mendapat pengalaman seperti mana murid biasa dan program pendidikan telah gagal mencabar mereka dengan aktiviti-aktiviti bahasa dan bahan bacaan yang dapat meningkatkan kemahiran semantik mereka (Kuder, 1997).

5.1.7 Kemahiran Membezakan Imbuhan Kata Kerja

Dalam kajian ini, terdapat dua kategori sama ada subjek kajian keliru untuk membezakan imbuhan kata kerja iaitu ‘Ya’ (keliru membezakan imbuhan kata kerja) dan ‘Tidak’ (tidak keliru membezakan imbuhan kata kerja). Pecahan subjek kajian mengikut kategori ini adalah 12 orang menjawab Ya dan 14 orang menjawab Tidak. Analisis dilakukan untuk melihat perbezaan antara subjek kajian yang keliru

membezakan imbuhan kata kerja dengan subjek kajian yang tidak keliru membezakan imbuhan kata kerja.



Carta 5.9 : Peratus Membezakan Jenis Imbuhan Kata Kerja


Berdasarkan Carta 5.9 di atas, peratus subjek kajian yang tidak keliru membezakan imbuhan kata kerja sebanyak 54.00 peratus (14 orang) adalah lebih banyak berbanding dengan subjek kajian yang keliru untuk membezakan imbuhan kata kerja iaitu sebanyak 46.00 peratus (12 orang). Dalam hal ini, kelemahan yang dapat dilihat ialah subjek kajian tidak tahu apa itu imbuhan kata kerja sebelum diterangkan oleh guru mereka. Pengkaji dapat melihat kekeliruan di muka mereka semasa guru bahasa bertanya mengenai imbuhan kata kerja. Namun selepas diterangkan mereka mula mengingati, tetapi masih tidak dapat membezakan jenis imbuhan kata kerja awalan dan apitan dengan baik. Subjek kajian keliru sama ada perkataan itu perlu menggunakan jenis imbuhan kata kerja apa iaitu sama ada perlu diimbuhkan dengan *men-* atau *me-* atau *meng-* dan sebagainya. Hal ini tidak seharusnya berlaku kerana mereka telah berada pada tahap tinggi iaitu tahun 6. Bagi subjek kajian yang tidak keliru membezakan jenis imbuhan kata kerja pula, mereka dapat menjawab soalan yang diberikan dengan baik.

Hal ini membuktikan bahawa mereka memahami apa yang diajar oleh guru dan mampu untuk menguasai bahasa Malaysia dengan baik.

Berdasarkan hasil temu bual pula, penterjemah bahasa isyarat telah memberikan beberapa soalan bagi mengetahui sama ada mereka dapat membezakan jenis imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja. Didapati kedua-dua kumpulan dapat membezakan beberapa jenis imbuhan kata kerja awalan sahaja, manakala tidak dapat membezakan imbuhan kata kerja apitan. Apabila ditanya, mereka memberi jawapan seperti memahami sedikit saja fungsi imbuhan kata kerja, sukar memahami fungsi imbuhan apitan kata kerja, keliru dengan jenis imbuhan kata kerja apitan, terlupa apa fungsi imbuhan tersebut dan tidak memahami penerangan guru. Hal ini berlaku kerana dipengaruhi bahasa pertama mereka iaitu BIM tidak mempunyai sebarang imbuhan.

5.1.8 Pendapat Tentang Bahasa Malaysia

Dalam kajian ini, terdapat 5 kategori pendapat subjek tentang mata pelajaran bahasa Malaysia iaitu “sangat mudah”, sebanyak 0 orang, “mudah” sebanyak 2 orang, “sederhana” sebanyak 4 orang, “sukar” sebanyak 3 orang dan “sangat sukar” sebanyak 17 orang.



Carta 5.10 : Peratus Pendapat Tentang Bahasa Malaysia

Carta 5.10 menunjukkan peratus pendapat tentang bahasa Malaysia. Subjek kajian yang berpendapat bahasa Malaysia “sangat sukar” adalah paling ramai iaitu sebanyak 65.00 peratus (17 orang), diikuti dengan “sederhana” sebanyak 15.00 peratus (4 orang) dan “sukar” sebanyak 12.00 peratus (3 orang). Seterusnya ialah “mudah” sebanyak 8.00 peratus (2 orang).

Terdapat subjek kajian berpendapat bahawa bahasa Malaysia mudah untuk dikuasai iaitu 8.00 peratus (2 orang). Mereka ini adalah mereka yang mendapat keputusan gred gred B. Di samping itu, segelintir subjek kajian berpendapat bahawa bahasa Malaysia sukar untuk dipelajari iaitu 12.00 peratus (3 orang) dan sederhana iaitu 15.00 peratus (4 orang). Berdasarkan borang soal selidik juga, pengkaji mendapati bahawa subjek kajian yang berpandangan bahawa Malaysia sangat sukar ialah mereka yang lemah dalam bahasa Malaysia dan sukar untuk berkomunikasi bukan lisan menggunakan bahasa Malaysia yang betul. Dapat disimpulkan bahawa lebih daripada separuh subjek kajian berpendapat bahasa Malaysia adalah sangat sukar dan berada pada aras yang tinggi. Menurut temubual bersama 4 orang subjek kajian daripada kedua-dua kumpulan, mereka mengatakan bahawa bahasa Malaysia adalah sangat sukar kerana terlalu banyak perkara yang perlu dipelajari dalam subjek bahasa Malaysia misalnya dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), terdapat dua pecahan iaitu bahasa Malaysia Pemahaman dan bahasa Malaysia Penulisan. Justeru, mereka perlu memberi tumpuan kepada dua perkara dalam masa yang sama.

Selain itu, subjek kajian juga tidak memahami topik yang diajar oleh guru dan seterusnya menganggap bahasa Malaysia bukanlah satu mata pelajaran yang mudah. Sekaligus boleh menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya dan menghilangkan minat untuk belajar bahasa. Berdasarkan temu bual bersama guru

bahasa Malaysia khusus bermasalah pendengaran, iaitu dari Yayasan Fakih Universiti Malaya, subjek kajian tidak memahami topik yang diajar oleh guru kerana pertama, berkemungkinan guru yang mengajar adalah bukan seorang guru pendidikan khas, iaitu seorang guru yang tidak mempunyai asas bahasa Isyarat ataupun seorang guru pendidikan khas tetapi masih lemah dalam penggunaan bahasa Isyarat. Maka menyebabkan subjek kajian tidak dapat memahami topik yang diajar apabila penerangan yang diberi oleh guru kurang jelas.

Hal ini dibuktikan oleh Mohd Hanafi (2005), iaitu sebahagian besar guru pendidikan khas tidak mahir menggunakan KTBM serta sukar menerangkan perkataan-perkataan yang abstrak semasa dalam pengajaran. Kedua, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru adalah salah. Hal ini kerana setiap subjek kajian mempunyai kognitif yang berbeza. Tidak semua kaedah pengajaran sesuai diaplikasikan terhadap subjek kajian. Maka, guru bahasa perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya dapat menarik minat mereka. Justeru, sekiranya guru mahir menggunakan KTBM semasa dalam pengajaran, maka hal tersebut berkemungkinan tidak akan berlaku.

Kesimpulannya, berdasarkan dapatan data analisis borang soal selidik, pengkaji mendapati faktor-faktor ekstralinguistik memainkan peranan dalam mempengaruhi keupayaan subjek kajian untuk menguasai bahasa Malaysia dengan baik. Subjek kajian dilihat mempunyai tahap keupayaan pada tahap memuaskan dan kurang memuaskan untuk menguasai subjek bahasa Malaysia. Hal ini disebabkan oleh faktor minat, sikap motivasi yang rendah, kurangnya peruntukan masa untuk mengulang kaji, kurangnya membuat latih tubi sendiri dan kurangnya penggunaan bahasa Malaysia dalam seminggu sehingga majoriti subjek kajian hanya mendapat gred markah yang memuaskan sahaja. Hal-hal sebegini juga turut berlaku disebabkan terdapat subjek

kajian tidak memahami konsep asas tatabahasa bahasa Malaysia dan mengambil mudah terhadap subjek bahasa Malaysia (faktor kematangan). Tuntasnya, faktor-faktor ekstralinguistik mempengaruhi tahap penguasaan subjek bahasa Malaysia dalam kalangan murid pekak.

5.2 Bahagian C: Persepsi Murid Pekak Terhadap Pengajaran Guru Bahasa Malaysia

Dapatan berdasarkan persepsi murid pekak terhadap pengajaran guru BM akan dimasukkan di bahagian cadangan di dalam bab 6. Ianya merangkumi:-

1. Saya berpuas hati dengan kaedah pengajaran guru.
2. Saya memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru.
3. Guru saya ada menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas.
4. Bahan Bantu Mengajar yang digunakan oleh guru saya sangat menarik.
5. Guru saya menggunakan kaedah permainan bahasa bagi meningkatkan kefahaman bahasa Malaysia saya.
6. Guru selalu membimbing saya menjawab soalan yang saya tidak faham.
7. Guru selalu memberi motivasi kepada saya untuk belajar bahasa Malaysia.
8. Guru saya berlaku adil terhadap semua murid.

Jadual 5.13: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek

Kajian Mengenai Berpuas Hati Dengan Kaedah Pengajaran Guru

	Frekuensi	Peratus
Ya	20	77.00

Tidak	6	23.00
Tidak Pasti	0	0.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai kepuasan hati dengan kaedah pengajaran guru. Berdasarkan jadual tersebut, 6 orang subjek kajian (23%) menjawab tidak berpuas hati. Dapatan ini menunjukkan sebanyak 20 orang subjek kajian (77%) menjawab Ya sebagai berpuas hati dengan kaedah pengajaran guru bahasa Malaysia mereka. Hal ini menunjukkan kebanyakan subjek kajian menyukai kaedah pengajaran yang telah digunakan oleh guru mereka.

Jadual 5.14: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Memahami Isi Pelajaran Yang Diajar oleh Guru

	Frekuensi	Peratus
Ya	26	100.00
Tidak	0	0.00
Tidak Pasti	0	0.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan menunjukkan sebanyak 26 orang subjek kajian (100%) menjawab Ya sebagai

memahami isi pelajaran yang diajar oleh guru mereka. Hal ini dapat dilihat berlaku peningkatan kefahaman selepas ujian kedua (ujian pasca) dilaksanakan.

Jadual 5.15: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Ada Menggunakan BBM Di Dalam Kelas

	Frekuensi	Peratus
Ya	5	19.00
Tidak	21	81.00
Tidak Pasti	0	0.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai guru ada menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) di dalam kelas. Berdasarkan jadual tersebut sebanyak 5 orang subjek kajian (19%) menjawab Ya, iaitu guru ada menggunakan BBM di dalam kelas. Dapatkan menunjukkan sebanyak 21 orang subjek kajian (81%) menjawab guru tidak menggunakan BBM di dalam kelas.

Jadual 5.16: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai BBM Yang Digunakan oleh Guru BM Sangat Menarik

	Frekuensi	Peratus
Ya	25	96.00

Tidak	1	4.00
Tidak Pasti	0	0.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai BBM yang digunakan oleh guru sangat menarik. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan menunjukkan sebanyak 25 orang subjek kajian (96%) menjawab Ya, iaitu Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru sangat menarik dan 1 orang subjek kajian (4%) menjawab BBM yang digunakan oleh guru adalah tidak menarik.

Jadual 5.17: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek

Kajian Mengenai Guru BM Ada Mengguna Permainan Bahasa

	Frekuensi	Peratus
Ya	5	19.00
Tidak	17	65.00
Tidak Pasti	4	16.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai penggunaan permainan bahasa oleh guru BM bagi meningkatkan kefahaman bahasa Malaysia subjek kajian. Berdasarkan jadual, sebanyak 5 orang subjek kajian (19%) menjawab Ya, iaitu guru ada menggunakan permainan bahasa di dalam kelas dan 4 orang subjek kajian (16%) menjawab tidak pasti. Dapatan menunjukkan sebanyak 17

orang subjek kajian (65%) menjawab Tidak, iaitu guru tidak ada menggunakan permainan bahasa di dalam kelas.

Jadual 5.18: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Selalu Membimbang Subjek Kajian Menjawab Soalan Yang Tidak Difahami

	Frekuensi	Peratus
Ya	20	77.00
Tidak	5	19.00
Tidak Pasti	1	4.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai guru selalu membimbang subjek kajian menjawab soalan yang tidak difahami. Berdasarkan jadual tersebut, 5 orang subjek kajian (19%) menjawab Tidak, iaitu guru tidak ada membimbang mereka menjawab soalan yang tidak difahami. Manakala 1 orang subjek kajian (4%) menjawab tidak pasti. Dapatkan menunjukkan sebanyak 20 orang subjek kajian (77%) menjawab Ya, iaitu guru ada membimbang mereka menjawab soalan yang tidak difahami.

Jadual 5.19: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek Kajian Mengenai Guru Selalu Memberi Motivasi Kepada Subjek Kajian Untuk Belajar BM

	Frekuensi	Peratus
Ya	8	31.00
Tidak	18	69.00
Tidak Pasti	0	0.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai guru selalu memberi motivasi kepada subjek kajian untuk belajar BM. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 8 orang subjek kajian (31%) menjawab Ya, iaitu guru selalu memberi motivasi kepada mereka. Dapatkan menunjukkan sebanyak 18 orang subjek kajian (69%) menjawab guru tidak selalu memberi motivasi kepada mereka.

Jadual 5.20: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Subjek

Kajian Mengenai Guru Selalu Berlaku Adil Terhadap Semua Murid

	Frekuensi	Peratus
Ya	0	0.00
Tidak	24	92.00
Tidak Pasti	2	8.00
Jumlah	26	100.00

Jadual di atas menunjukkan frekuensi dan peratusan persepsi subjek kajian mengenai guru selalu berlaku adil terhadap semua murid. Berdasarkan jadual tersebut, dapatan menunjukkan tiada seorang subjek kajian (0%) pun yang menjawab Ya, iaitu guru selalu berlaku adil kepada semua subjek dan 24 orang subjek kajian (92%) menjawab guru tidak berlaku adil terhadap semua murid dan 2 orang subjek kajian (8%) menjawab tidak pasti. Berdasarkan temu bual bersama murid pekak, hal ini berlaku kerana apabila mereka tidak memahami sesuatu persoalan, guru membuat mimik muka marah. Menurut Abdullah Yusoff (2004), murid pekak mempelajari sesuatu berdasarkan ekspresi atau mimik muka. Berkemungkinan guru berasa penat, maka murid pekak telah menyalah tafsir akan makna yang sebenar berikutnya tidak dapat mendengar.

BAB 6

RUMUSAN DAN SARANAN

6.0 Pengenalan

Setelah membincangkan dapatan data borang soal selidik (Bahagian B) pada bab 5, kini pengkaji merumuskan bab-bab terdahulu yang telah dibincangkan. Misalnya, latar belakang kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan dapatan kajian. di samping itu pengkaji turut memberikan cadangan kepada pihak-pihak berwajib dan tertentu yang terlibat secara langsung dalam kajian penguasaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja ini.

6.1 Ringkasan Kajian

Kajian kes dijalankan oleh pengkaji di salah sebuah sekolah kebangsaan pendidikan khas. Sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor (masalah pendengaran) yang terletak di Seksyen 18, Shah Alam. Selain itu, pengkaji turut menetapkan empat objektif utama agar kajian yang dijalankan lebih berfokus, iaitu:

- I. Mengkaji kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia dalam penulisan.
- II. Mengklasifikasikan jenis kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia.
- III. Membandingkan kesilapan penggunaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja bahasa Malaysia berdasarkan kepekakan yang berbeza.
- IV. Mengenal pasti faktor-faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Malaysia menurut persepsi murid pekak.

Pengkaji turut menggunakan kaedah tertentu untuk mencapai objektif kajian. Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kepustakaan, rekod pencapaian murid, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data bagi menjayakan kajian ini. Instrumen kajian yang telah digunakan pula adalah set soalan ujian, borang soal selidik, borang pemerhatian dan soalan temu bual. Set Soalan Ujian diberikan kepada dua kumpulan subjek kajian, iaitu murid pekak yang mempunyai darjah kepekakan antara 70dB hingga 90dB dan 90dB dan lebih untuk mendapatkan hasil atau input yang diperoleh sebelum dan selepas melalui proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Seterusnya, soalan soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama untuk melihat faktor-faktor ekstralinguistik iaitu punca penguasaan oleh murid pekak Tahun 6 dan bahagian kedua untuk melihat persepsi subjek kajian terhadap pengajaran guru. Teori yang telah digunakan dalam kajian ini ialah gabungan Teori Analisis Kesilapan dan Teori Monitor. Hal ini kerana teori ini sesuai untuk diaplikasikan dan berkaitan dengan bahasa kedua.

Dalam kajian ini juga, pengkaji memfokuskan kepada subjek kajian murid pekak Tahun 6 2015 sahaja. Mereka merupakan murid-murid pekak yang telah terdedah dengan bentuk soalan ujian pemahaman dan juga terdedah dengan rumus tatabahasa bahasa Malaysia khususnya imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja. Di samping itu juga, pengkaji juga menganalisis data kajian secara manual termasuklah peratusan, frekuensi kesilapan. Antaranya ialah ujian sebelum dan ujian selepas proses (P&P) dengan menggunakan senarai semak untuk mencatat data-data ke dalam borang rekod pencapaian murid. Selain itu, pengkaji juga telah menganalisis borang soal selidik iaitu faktor ekstralinguistik. Faktor ini berkaitan dengan penguasaan bahasa Malaysia subjek kajian. Hasil kedua-dua bahan ini digunakan bagi melengkapkan lagi kajian ini dan dirumus supaya mencapai objektif kajian ini.

6.2 Rumusan Dan Perbincangan Dapatan Kajian

Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan penguasaan imbuhan kata kerja oleh murid pekak (70dB-90dB) adalah memuaskan bagi kedua-dua jenis imbuhan kata kerja. Manakala sebaliknya pula yang berlaku kepada murid pekak (90dB dan ke atas), iaitu tidak memuaskan bagi kedua-dua jenis imbuhan. Seharusnya pada usia ini, murid telah menguasai lebih daripada ini, lebih-lebih lagi mereka bersekolah di sekolah yang dikhurasukan untuk murid pekak sahaja. Mereka juga menghadapi peperiksaan UPSR pada tahun ini dan asas tatabahasa serta perbendaharaan kata dikatakan sudah dikuasai, tetapi sebaliknya yang berlaku. Meninjau kajian lepas yang dilakukan oleh Moores (1996) mendapati bahawa pada usia 20 tahun, separuh daripada murid pekak yang telah diuji boleh membaca di tahap pentengahan gred 4, sedangkan akhbar-akhbar ditulis sekurang-kurangnya pada tahap gred 5. Ini bererti ramai murid pekak tidak dapat membaca akhbar kerana kekurangan perbendaharaan kata dan kefahaman.

Kajian oleh Crandell, Smaldino dan Flexer (1995) pula mendapati bahawa satu per empat daripada murid pekak mempunyai perbendaharaan kata sebaik rakan sedarjah yang biasa, tetapi tiga per empat yang lain tidak. Menurut mereka lagi, tidak terdapat perhubungan di antara tahap masalah pendengaran dengan kemahiran perbendaharaan kata. Apa yang membuatkan ia berbeza ialah usaha yang digunakan ke atas perkembangan perbendaharaan kata. Berbeza pula dengan Conrad (1979) menyatakan bahawa darjah kehilangan pendengaran sangat mempengaruhi pencapaian kanak-kanak pekak. Dua kajian yang dilaporkan pada tahun 1986 telah mendapati bahawa darjah kehilangan pendengaran menjadi faktor utama merendahkan pencapaian akademik murid pekak (Wood et al 1989; Abel, 1986). Di

sini, pengkaji bersetuju dengan Wood et al (1989) dan Abel (1986) bahawa darjah kepekakan sangat mempengaruhi keputusan pencapaian akademik murid pekak.

Hal ini terbukti berdasarkan hasil kajian pengkaji, iaitu selepas diberi input kepada kedua-dua kumpulan murid pekak, didapati kumpulan murid pekak yang mengalami darjah kepekakan (70dB-90dB) melakukan kesilapan tidak melebihi 50.00 peratus. Penurunan peratus kesilapan bagi imbuhan awalan kata kerja oleh kumpulan murid pekak(70dB-90dB) ialah daripada 63.00 peratus kepada 36.00 peratus, manakala bagi imbuhan apitan kata kerja penurunan peratus kesilapan adalah daripada 56.00 peratus kepada 48.00 peratus.

Manakala ianya berbeza bagi kumpulan murid pekak (90dB dan ke atas), walaupun berlaku sedikit penurunan peratus kesilapan selepas diberi input, namun ianya adalah berada pada tahap yang perlu diambil serius oleh semua pihak yang terlibat. Penurunan peratus kesilapan bagi imbuhan awalan kata kerja oleh kumpulan murid pekak (90dB dan ke atas) ialah daripada 80.00 peratus kepada 68.00 peratus, manakala bagi imbuhan apitan kata kerja penurunan peratus kesilapan adalah daripada 79.00 peratus kepada 68.00 peratus.

Menurut Kirk dan Gallagher (1989), kanak-kanak pekak mengalami kesukaran dalam bidang akademik. Ini terbukti daripada kajian yang dijalankan ke atas ribuan murid pekak yang belajar di sekolah berasrama dan harian (Trybus & Karchmer, 1977). Perkara ini berlaku kerana penggunaan bahasa yang kompleks dan sukar difahami. Di samping itu bahasa Inggeris pula merupakan bahasa kedua kepada mereka (Martin, 2001; Mounty, 2001; Jarrow, 2001; Maihof et al. 2000). Hal ini juga turut berlaku kepada murid pekak di Malaysia iaitu bahasa Malaysia

merupakan bahasa kedua kepada mereka (Abdullah Yusoff, 1995; Shahrul Arba'iah, 2007).

Di samping itu, berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, pengkaji mendapati beberapa masalah utama penguasaan imbuhan awalan kata kerja dan imbuhan apitan kata kerja. Pertama, murid pekak (90dB dan lebih) masih tidak begitu memahami dan menguasai rumus tatabahasa bahasa kedua. Hal ini disebabkan pengkaji mendapati bahawa waktu (P&P) di sekolah, iaitu 1 jam 30 minit dalam seminggu diperuntukkan untuk belajar tatabahasa. Oleh sebab masa (P&P) yang singkat dalam seminggu untuk mempelajari tatabahasa, semestinya latih tubi dan latihan pengukuhan bagi tatabahasa juga kurang. Berdasarkan teori Monitor, murid yang belajar bahasa kedua memerlukan masa yang mencukupi untuk mempelajari bahasa kedua agar dapat memahami dan menguasai bahasa kedua dengan baik. Dikaitkan pula dengan faktor persekitaran yang tidak sesuai, tiada rakan sebaya yang melakukan ulangkaji dan tiada praktis BM bersama rakan dan guru, maka ianya boleh mengganggu pemerolehan bahasa murid pekak sekaligus melemahkan motivasi diri murid pekak itu.

Hal ini terbukti dalam kajian Lyon (1997), Cawthon (2001), Toscana et al (2002), Shahrul Arab'iah (2007), Wauters et al (2007) dan Reed et al (2008). Sebagai contoh dalam kajian Reed et al (2008) yang telah menjalankan kajian berkaitan faktor-faktor yang memberi kesan kepada kejayaan akademik dan faktor-faktor yang menghalang kejayaan murid pekak. Kajian ini dilakukan ke atas 25 orang murid pekak dengan menemu bual guru, pengetua, ibu bapa, penterjemah dan murid itu sendiri. Dapatkan menunjukkan bahawa faktor yang menyumbang kepada kejayaan murid pekak adalah motivasi murid, sokongan keluarga, harapan keluarga

dan pihak sekolah, kemampuan keluarga membawa murid dalam membuat kerja rumah dan komunikasi yang baik antara pihak profesional.

Malah bukan faktor persekitaran sahaja, faktor galakan daripada ibu bapa dan sikap murid pekak itu sendiri juga sangat mempengaruhi. Misalnya, Shahrul Arba'iah (2007) telah menjalankan kajian berkaitan dengan faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik. Dalam kajian menunjukkan kecemerlangan akademik murid bergantung kepada tiga faktor penting iaitu ibu bapa, khidmat sokongan dan sikap murid itu sendiri. Lyon (1997) juga menjalankan kajian bagi melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan akademik murid pekak. Faktor-faktor yang dikaji ialah atribut bilik darjah, penglibatan ibu bapa dan sikap responden terhadap pelajaran. Hasil kajian mendapati faktor ibu bapa lebih menyumbang kepada kejayaan akademik berbanding faktor lain.

Kedua, murid pekak (90dB dan lebih) didapati keliru dalam membuat pilihan jawapan berdasarkan perkataan berimbuhan kata kerja yang diberikan. Hal ini disebabkan masih terdapat mereka yang tidak menguasai dan memahami penggunaan perkataan berimbuhan kata kerja. Ketiga, murid pekak (90dB dan lebih) didapati tidak begitu menguasai bentuk dan peraturan bahasa kedua yang mendasarinya. Hal ini disebabkan, mereka sering terkeliru untuk menggunakan imbuhan yang sesuai berdasarkan kata kerja yang diberikan. Kadang kala, kata kerja yang diberikan memerlukan imbuhan awalan tetapi hampir kesemua mereka meletakkan imbuhan apitan. Begitu juga dengan sebaliknya. Kadang kala juga, ada mereka yang tidak menggugurkan huruf di awal kata dasar selepas mengalami proses pengimbuhan.

Hal ini bertepatan dengan teori Monitor yang diperkenalkan oleh Krashen, iaitu belajar bahasa kedua memerlukan subjek kajian mengetahui nahu tatabahasa kedua dan rumus-rumus yang mendasari bahasa kedua. Sekiranya tidak menguasai nahu tatabahasa kedua, hal ini menyukarkan subjek kajian untuk menguasai bahasa kedua. Oleh itu, teori Monitor sesuai dijadikan teori dalam kajian sebagai landasan untuk mencapai objektif kajian. Justeru, jelaslah bahawa tahap penguasaan imbuhan awalan dan imbuhan apitan kata kerja dalam kalangan subjek kajian dirumuskan masih berada pada tahap lemah yang memerlukan perhatian khusus guru bahasa Malaysia. Berdasarkan temubual dengan guru mereka juga, murid pekak mendapat markah rendah kerana murid pekak tidak mampu ikut sukanan yang telah ditetapkan oleh KPM. Maka, guru akan mengajar murid pekak ini mengikut tahap kemampuan dan kesesuaian murid tersebut. Guru menambah lagi, sekiranya mereka mengajar mengikut sukanan, pasti murid pekak akan ketinggalan dan tidak faham.

Hal ini terbukti dalam kajian-kajian para pengkaji lepas. Jensema (1975) telah menjalankan kajian dengan menganalisis pencapaian ke atas 6873 murid pekak yang berumur antara 6 hingga 19 tahun. Dapatkan kajian beliau telah menunjukkan bahawa murid pekak yang berumur 14 tahun mempunyai keupayaan membaca di tahap gred tiga sahaja. Trybus dan Karchmer (1977) menyimpulkan bahawa dalam masa sepuluh tahun dari umur 8 tahun hingga 18 tahun, secara puratanya skor pertambahan perbendaharaan kata murid pekak adalah menyamai purata murid biasa yang sedang belajar di antara peringkat pra sekolah dan gred kedua tetapi darjah kepekakan telah mempengaruhi pencapaian murid pekak dalam pelajaran mereka di sekolah (Jensema 1975; Quigley 1986).

Selain itu, terdapat subjek kajian tidak dapat menginterpretasikan perkataan yang berbentuk abstrak. Perbezaan jelas ketara dilihat kerana pengkaji ada memberi gambar atau visual di dalam soalan ujian dan subjek kajian dilihat dapat menjawab soalan yang mempunyai visual berbanding dengan soalan yang tiada visual. Menurut Radziewicz dan Antonellis (1993) dalam Abdullah Yusof (1995), menyatakan bahawa murid pekak banyak bergantung kepada penglihatan untuk memasukkan maklumat dalam fikiran. Oleh itu, fikiran mereka banyak bergantung pada imej berbanding bunyi. Mereka juga dikatakan terserlah dalam hal yang konkrit dan maujud berbanding hal yang abstrak. Hal ini demikian kerana bahasa isyarat tidak mempunyai kekuatan dan sukar untuk mengungkap konsep abstrak berbanding dengan bahasa lisan. Bahasa isyarat lebih berbentuk konkrit kerana dilahirkan berdasarkan dunia penglihatan orang bermasalah pendengaran.

Pendapat ini disokong oleh Blair (1957) dan Myklebust dan Brutten (1953), sebagaimana yang dipetik oleh Clair (1991) yang menyatakan bahawa individu pekak kurang berupaya dalam pemikiran abstrak. Pendapat ini adalah hasil kajian yang telah dijalankan untuk melihat keupayaan mengingat kembali nombor secara turutan. Templin (1950) (dipetik dalam Smith 1998), juga mendapati bahawa murid pekak menggunakan lebih banyak perkataan untuk menggambarkan sesuatu fenomena alam berbanding murid biasa yang sebaya, sama gred dan sama tahap kebolehan. Menurut pengkaji ini, hal ini berlaku kerana murid pekak tidak dapat menyatakan idea dan pendapat menggunakan bahasa yang lebih khusus dan perbendaharaan kata abstrak.

Apa yang menyebabkan kesukaran ini tidak diketahui. Kemungkinan ini berlaku kerana kebanyakan murid pekak tidak mendapat pengalaman seperti mana

murid biasa dan program pendidikan telah gagal mencabar mereka dengan aktiviti-aktiviti bahasa dan bahan bacaan yang dapat meningkatkan kemahiran semantik mereka (Kuder 1997).

Kajian tentang ingatan terhadap prosa konkrit dan abstrak telah dijalankan oleh Marschark et al (1993) ke atas remaja pekak dan murid biasa di Itali. Sampel kajian melibatkan 37 orang remaja pekak yang berumur lingkungan 15 hingga 22 tahun, manakala murid biasa yang berumur lingkungan 7 hingga 8 tahun berjumlah 26 orang. Beliau menggunakan instrumen berbentuk dua versi petikan yang terbahagi kepada konkrik dan abstrak. Hasil dapatan menunjukkan remaja pekak boleh mengingati kedua-dua bahan konkrit dan abstrak. Namun begitu, apabila perbandingan dibuat, didapati remaja pekak kurang dapat mengingati unit idea dalam petikan secara holistik tetapi menunjukkan ingatan yang lebih baik untuk perkataan individu. Remaja pekak juga didapati tidak dapat mengintergrasikan maklumat teks antara unit idea tetapi boleh menyimpan banyak maklumat daripada dalam unit itu sendiri. Para pengkaji merumuskan bahawa kekurangan ke atas pengekodan secara turut dalam ingatan mereka boleh menyebabkan mereka mempunyai kefahaman teks dan strategi ingatan yang berbeza daripada remaja yang lain.

Kesimpulannya, faktor-faktor ekstralinguistik mempengaruhi tahap penguasaan murid seperti motivasi, jantina, persekitaran dan lain-lain. Lebih-lebih lagi dipengaruhi dengan darjah kepekakan yang berbeza. Hal ini berikutan cara pemerolehan bahasa, iaitu murid pekak sangat bergantung kepada visual dan kekuatan daya ingatan, dan murid biasa bahasa kedua, walaupun tanpa visual tetapi masih lagi boleh mendengar. Oleh yang demikian dapat diklasifikasikan bahawa

sedangkan murid normal bahasa kedua pun masih mengalami masalah dalam imbuhan, apatah lagi murid pekak.

6.3 Saran

Berdasarkan hasil kajian yang telah dilaksanakan, beberapa cadangan ingin disarankan sebagai panduan agar banyak lagi penambahbaikan dalam pembelajaran BM yang lebih berkesan supaya dapat menaiktarafkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada.

6.3.1 Murid Pekak

1. Murid perlu menyemai minat dan berusaha dengan lebih gigih lagi dalam mempelajari BM memandangkan kebanyakkannya responden hilang minat untuk mempelajari BM.
2. Murid juga perlu memberi kerjasama dan membantu guru dalam sesi pembelajaran agar apa yang dipelajari dapat difahami dengan baik.

6.3.2 Guru

1. Guru-guru harus mengenali tahap penguasaan bahasa Malaysia setiap murid di dalam kelas supaya langkah pembelajaran yang diatur bersesuaian dengan tahap penguasaan bahasa murid tersebut. Misalnya, guru-guru harus menyediakan situasi pembelajaran yang dapat membawa murid ke tahap pencapaian yang lebih sedikit daripada tahap sedia ada seperti dicadangkan oleh Vygotsky (1978). Langkah ini dapat mewujudkan keyakinan dalam diri murid pekak dan mengurangkan tahap kerisauan. Oleh itu, pembelajaran yang sedang dialami

dapat difahami seterusnya murid tersebut dapat mencapai tahap yang lebih sedikit daripada tahap yang dikuasai pada masa tersebut.

2. Guru-guru juga perlu mewujudkan motivasi khususnya motivasi instrumental supaya murid-murid pekak bermotivasi untuk mempelajari bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Hal ini dapat dilakukan dengan mewujudkan situasi yang tidak menimbulkan kerisauan yang tinggi semasa proses pembelajaran. Selain itu, guru perlu mewujudkan keyakinan dalam diri murid bahawa pembelajaran bahasa Malaysia tidak sukar dan dapat dicapai oleh semua murid.
3. Guru perlu memperbanyak aktiviti di dalam kelas dengan kaedah yang dapat menarik perhatian pelajar dalam mempelajari BM. Aktiviti yang sesuai dan pelbagai dapat menghindarkan murid daripada membuat hal sendiri dan lewa dalam proses pembelajaran berlangsung.
4. Guru perlu memastikan proses pembelajaran di kelas berlangsung secara dua hala iaitu guru memberi dan murid bertindakbalas dengan aktiviti di dalam kelas.
5. Guru harus cuba memandang sikap pelajar secara positif walaupun pada dasarnya murid seperti tidak berminat. Ini kerana cara guru berfikiran akan mempengaruhi dan memberi kesan kepada pelajar itu sendiri.
6. Guru perlu membimbing murid yang belum menguasai asas tatabahasa bahasa Malaysia dengan memberikan latih tubi.

7. Guru wajib memantapkan pengetahuan dan kemahiran berbahasa isyarat agar murid faham dengan jelas.
8. Guru mestilah menggunakan isyarat yang tekal dalam menyampaikan pelajaran, jika tidak murid pekak akan menjadi keliru.
9. Guru perlu berlaku adil kepada semua murid agar murid tertarik untuk belajar BM.

6.3.3 Sekolah dan Pentadbir

1. Kementerian Pendidikan mestilah menyediakan kemudahan yang secukupnya kepada sekolah, guru dan pelajar dalam memperbaiki kualiti pembelajaran dari masa ke semasa untuk membolehkan dan memudahkan guru dalam mencari maklumat yang terkini untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga supaya pelajar dapat memanfaatkan teknologi untuk membantu mereka dalam mencari maklumat.
2. Selain bahan bantu mengajar, pihak yang terbabit juga perlu mempelbagaikan bahan bacaan tambahan dan bahan 3D supaya dapat menarik perhatian murid pekak untuk mempelajari bahasa Malaysia.
3. Mencadangkan diadakan bengkel untuk menambahkan kemahiran guru dalam mempelbagaikan bahan pengajaran dan pembelajaran dan menggunakan teknik yang terkini dan sesuai untuk para murid pekak.

4. Mengemas kini semula buku teks bahasa Malaysia dengan menambah visual kod tangan yang dikhatuskan untuk murid pekak agar dapat meningkatkan tahap kefahaman murid.
5. Menyediakan soalan peperiksaan bahasa Malaysia yang mengandungi visual kod tangan khusus untuk murid pekak supaya lebih adil dengan murid normal.

6.3.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan kajian kes yang cuba untuk mengkaji penggunaan kata kerja dalam kalangan murid pekak. Demikian, tidak dinafikan terdapat kelemahan atau kekurangan dalam kajian ini yang tidak dapat dielakkan dan belum diterokai oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji ingin mengemukakan cadangan kajian lanjutan dalam menambahbaik lagi kajian dalam bidang ini. Di antaranya ialah:-

1. Menambah instrumen pemerhatian dan temu bual ke atas murid bagi mendapat maklumat yang lebih terperinci daripada murid.
2. Menambah bilangan responden yang lebih besar supaya dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan murid sekolah rendah.
3. Melakukan kajian rintis kepada sebilangan pelajar sebelum menjalankan kajian kerana hal ini akan dapat memastikan kajian lebih terjamin.
4. Mengkaji secara perbandingan antara Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas.
5. Menjalankan kajian dalam tempoh yang lebih lama untuk membantu dan mengetahui kesannya ke atas murid.

6. Selain aspek imbuhan kata kerja, aspek ejaan, sintaksis dan semantik patut dijadikan fokus kajian bagi melihat aspek tersebut terhadap penguasaan bahasa Malaysia murid pekak

6.4 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah menyimpulkan dan merumuskan semua hasil dapatan kajian yang diperolehi. Semua hasil dapatan ini adalah bagi menjawab keempat-empat persoalan kajian yang telah dibuat untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kesilapan penggunaan imbuhan kata kerja dalam kalangan murid pekak Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor adalah masih berada pada tahap sangat membimbangkan dan perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terlibat. Sekiranya asas tatabahasa bahasa Malaysia tidak dikuasai sejak sekolah rendah, maka amat sukar untuk dipelajari setelah melangkah ke alam persekolahan menengah. Lebih-lebih lagi kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Malaysia adalah penting berikutan ia sering menjadi syarat utama kepada murid yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau memohon jawatan dalam perkhidmatan kerajaan dan swasta. Sekiranya mereka tidak diambil bekerja kerana tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi, maka tenaga mereka akan terbiar dan ini merugikan negara. Kemungkinan besar segala potensi dan bakat yang mereka miliki akan terbiar begitu sahaja.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood (1993). *Betulkan Kesalahan Bahasa Anda*. Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn. Bhd.
- Abdullah Yusoff (1994). Nostalgia di Onikawa: Bahasa dan orang cacat. *Pelita Bahasa* 6(7): 8-10.
- Abdullah Yusoff (1995). Mengajar Bahasa Kepada Pelajar-Pelajar Pekak. *Jurnal Dewan Bahasa* 39 (7): 587-595.
- Abdullah Yusoff (1995). *Fikiran, Persekutaran dan Pembentukan Isyarat Orang Pekak*. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusoff (2001). Kecacatan Komunikasi Berkaitan Dengan Pendidikan, Bahasa dan Kebahasaan Orang Pekak. *Jurnal Dewan Bahasa* 1(9): 29-36.
- Abdullah & Che Rabiahah (2004). Penggunaan bahasa melayu dalam kalangan murid pekak; suatu sorotan dari perspektif linguistik. *Jurnal Dewan Bahasa* hlm 639-680.
- Abel P.J (1986). ‘Hearing-impaired children in mainstream schools in Nottinghamshire’, *Journal of the British Association of Teacher of the Deaf* 10(5), 127-31.
- Adams . D.G (2001). Cognitive styles in hearing impaired students. *Educational Psychology* (3): 351-363.
- Best, J. W. & Kahn, J. V (2009). *Research in Education*. New Delhi: PHI Learning Private Limited.
- Bochner, J. & J. Albertini (1988). Language varieties in the deaf population and their acquisition by children and adults. In. M.Strong (Ed) *Language Learning and Deafness* . Cambridge: Cambridge University Press.
- Brown. J (1984). Examination of Grammatical Morphemes in the Language of Hard-of-Hearing Children. *Volta Review* 86:229-238.
- Cawthon. C (2001). Teaching strategies in inclusive classrooms with deaf students. *Journal Deaf Studies and Deaf Education* 6(3): 212-225.
- Chua Tee Tee (1980). Implication of using the total communication of teaching the deaf in Malaysia. *Suara Pendidik* 6(2): 2-9.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill Sdn.Bhd.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Conrad. R (1979). *The deaf of school child*. London: Harper and Row.

- Crandell, C., Smaldino, J. & Flexer, C. (1995). *Sound-Field FM amplification: Theory and Practical Applications*. San Diego, CA: Singular Publishing Group, Inc.
- Crandell, C & Smaldino J (2001). Auditory rehabilitation technology and room acoustics. In J. Katz (Ed.) *Handbook of audiology* (5th ed.) Baltimore, MD: Williams & Wilkins.
- Curtis. S, Prutting. C & Lowell. E (1979). Pragmatic and Semantic Development in Young Children With Impaired Hearing. *Journal of Speech and Hearing Research* 22: 534-552
- Mohd Anuar (2009). *Definisi Pendidikan Khas*. (Dipetik daripada laman sesawang <http://anuarsped.blogspot.com/2009/01/definisi-pendidikan-khas-pendidikan.html> pada 10 September 2014).
- Dulay, H, Burt, M. & Krashen, S. (1982). *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Easterbrooks. S.R & Baker.S (2002). *Language learning in Children Who Are Deaf and Hard Hearing*. Boston: Allyn and Bacon.
- Easterbrooks. S (1997). *Educating children who are deaf or hard of hearing*:Overview. ERIC DIGEST
- Eender, M. (2008). LI Effects on the Emergence of ESL Sentence Processing Skills of Chinese and Korean ESL Learners. *Language in Contrast*. 8(1), 47-71.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (2008). *The Study of Second Language Acquisition* (2nd Edition). Oxford: Oxford University Press.
- Encyclopedia of Special Education (1987). Cecil R Reynolds & Lester Mann. Ed. Vol 1. New York: John Wiley & Sons
- Faerch, C. & Kasper, G. (1984). Two Ways of Defining Communication Strategies. *Language Learning*, 34(1), 45-63.
- Flexer. C (1995). *Facilitating hearing and Listening in Young Children*. California: Singular Publishing Group.
- Freeman. R. D, Carbin. C.F & Boese. R. J (1981) . *Can't your child hear? A guide for those who care about deaf children*. London: Croom Helm Ltd Publishers.
- Friend.M (2008). *Special education contemporary perspectives for school professionals*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Fructer. A, Wilbur. R & Fraser. J (1984). Comprehension of Idioms by Hearing Impaired Students. *Volta Review*. 86

- Fox. L. R. (1977). *Teaching And Learning Vocabulary: An Application of Linguistics Analysis To Reading Vocabulary Exercise For Adult Student of English*. Tesis PHD. New York University
- Goh Ong Sing & Teh Kean Hoe (1993). *Bahasa Tulisan Pelajar Pekak: Analisis Struktur Sintaksis Ayat Berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jakobovits, L. A. (1970). *Foreign Language Learning*. Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Jarrow, J (2001). *Extended time as an accommodation for deaf and hard of-hearing students*. Roscheter New York: Northeast Technical Assistance Center.
- Jensema. C (1975). *The relationship between academic achievement and the demographic characteristics of hearing-impaired children and youth*. Washington DC: Office of Demographics Studeies, Gallaudet College.
- Kamarudin Hj. Husin, (1995). *Pengkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Khadijah Hanin (2013). *Penguasaan Morfologi Dalam Kalangan Pelajar Orang Asli Di SK Kuala Lah Gua Musang, Kelantan: Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Kirk, S.A & Gallagher, J.J (1989). *Educating Exeptional Children*. Boston: Houghton Mifflin.
- Krashen (1981). *Second Language Acquisition and Second Languange Learning*. United Kingdom: Oxford University
- Krashen (1985). *The Input Hypothesis: Issues and Implications*. Longman.
- Kuder, S. (1997). *Teaching Students with Language and Communication Disabilities*. Boston: Allyn & Bacon.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2014). *Laporan Akhir Kajian Moderasi Kertas Peperiksaan Calon Bermasalah Pendengaran*. Kuala Lumpur.
- Lightbown, P. M & Spada, N. (2006). *How language are Learned* (3rd Edition). Oxford: Oxford University Press.
- Lyon. C (1997). Contributing Factors to Academic Success. Atas talian:
<http://www.deafed.net/publishedDocs/sub/970723c.htm> (8 Jun 2015).
- Madlina Bte, Mohammad. 2006. *Analisis Kesalahan Morfologi dalam Penulisan Karangan Pelajar Menengah Dua Di Sekolah Menengah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Tutong*. Tesis Sarjana. Jabatan Pendidikan Bahasa, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah: Universiti Brunei Darussalam.
- Marschark. M, De Benni. R, Polazzo. G. M, Cornoldi. C (1993). Deaf and Hard of Hearing Adolescents' Memory for Concrete and Abstract Prose. *American Annals of the Deaf* 138 (3):31-39.

- Mayer.C, Akamatsu.C.T & Stewart. D (2002). A Model for Effective Practice: Dialogic Inquiry with Students Who are Deaf. *Exceptional Children* 68 (4): 485-502.
- McMillan, J. H. & Schumacher, S. (2006). *Research in Education: Evidence-Based Inquiry* (6th Edition) New York: Pearson.
- Meadow. K.P (1980). *Deafness and Child Development*. London: Edward Arnold Publishers Ltd.
- Mohd Hanafi Mohd Yasin (2005). *Perbandingan Pencapaian Pelajar Pendidikan Khas (pekad) Menggunakan Tiga Format Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan UKM, Bangi.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Moores, D.F. (1996). *Educating the deaf*. Boston, MA: Houghton Mifflin Co.
- Moores D.F (1978). *Educating the Deaf. Psychology, Principles and Practices*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Muhibbin Syah (1995). *Psikologi Pendidikan Dengan Pendekatan Baru*. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya.
- Myklebust. H. R (1953). Towards a new understanding of the deaf child. *American Annals of the Deaf* 98: 345-357.
- Nelson P.B dan Soli Sig (2000). Clinical Forum: Acoustic Barriers To Learning: Children at Risk in Every Classroom. *American Speech-Language-Hearing Association* (31): 356-361.
- Nik Safiah Karim et al (2009). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Bahasa Dan Pustaka.
- Noorasmawati (2006). *Imbuhan Kata Kerja: Kajian Kes Dalam Kalangan Pelajar Bisu Dan Pekak*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nor Asmah (2009). *Penggunaan Kata Penghubung Bahasa Malaysia Dalam Karangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Analisis Kesilapan*. Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nor Sakinah Ismail Zawawi (2015). *Keberkesanan Komik Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Noor Aina Dani (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun*. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Noor Aina Dani (2007). *Pengantar Psikolinguistik*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn Bhd.
- Nurhuda @ Nurul Huda Chedo (2012). *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Tahun Satu di Sekolah Siam Ban Khorlogaway Narathiwat*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Othman Lebar (2009) dalam Nor Sakinah (2015). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Quigley. S. P & Paul. P (1984). Language and deafness . San diego, C.A: College Hill/ Singular publishing
- Radziewicz & Antonellis (1993). Dalam Abdullah Yusoff (1995). Fikiran, persekitaran, dan pembentukan isyarat orang pekak. *Jurnal Dewan Bahasa, Julai*.
- Reed. S, Antia S.D & Kreimeyer K.H (2008). Academic Satatus of Deaf and Hard-of Hearing Students in Public Schools: Student, Home and Service Facilitators and Detractors. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education 13* (4):485-502.
- Raminah Haji Sabran (1991). *Penilaian dan Pengujian Bahasa Malaysia Penerapannya Pada Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rulkairul Bin Jambul (2006). *Kesalahan Penggunaan Imbuhan dalam Karangan Bagi Pelajar Menengah 2 Di Maktab Soas*. Tesis Sarjana. Jabatan Pendidikan Bahasa, Institusi Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah. Universiti Brunei Darussalam.
- Saleena Yahaya Isa, “ Bahasa Malaysia Kod Tangan”dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 25:8, Ogos 1981.
- Satiah Abdullah (2009). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Murid-murid Pekak*. Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Shahrul Arba’iah (2001). *Implikasi Penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu Terhadap Pencapaian Perbendaharaan Kata dan Ejaan di kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Tingkatan 2 di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Ilmu Pendidikan:Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Siti Farah Mat Daud (2011). *Pemaparan Idea Dan Penguasaan Dalam Karangan Pelajar Lembam: Satu Kajian Kes*. Disertasi M.A. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Smith T.E.C, Polloway E.A, Patton J.R, Dowdy C.A (2006). *Teaching Student With Special Needs In Inclusive Setting*. Forth Edition. Boston: Pearson Education Inc.
- Smith D.D (1998). Introduction to special education: teaching in an age of chalenge. Third Edition. Needham Heights: Allyn & Bacon.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Maskon (2010). *Budaya dan Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Teng Shin Min (1986). *Beberapa Aspek Amalan dan Psiko-sosial Murid Cacat Pendengaran Di Sekolah Percantuman di Negeri Johor*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, UKM.

- Wang.M.C, Reynolds. M.C & Wallberg. H.J (1989). *Handbook of Special Education*.
- Wauters L.N, Tellings A.E, Van Bon W.H.J & Mak W.M (2007). Mode of Acquisition as a factor in deaf children's reading comprehension. *Journal of Deaf Studies & Deaf Education* 13(2): 175-192
- Wenden, A., & Rubin, J. (1987). *Learner Strategies in Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wood. D, Wood.H, Griffiths.A & Howarth. I (1986). *Teaching and talking with deaf children*. Chichester: Wiley
- Zalizan Mohd Jelas & Noraini Mohd Salleh (2000). Pendidikan Inklusif: Satu Perubahan Dalam Paradigma Pendidikan. *Laporan Seminar Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Institut Aminuddin Baki, hlm 85-106.
- Zulkifley Hamid (2010). *Aplikasi Psikolinguistik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Zuzitah Abd Samad (2012). *Penguasaan Perkataan Berimbuhan meN- Dalam Kalangan Pelajar Peralihan Di SMK Dato' Ibrahim Yaakob*. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.